

**ANALISIS KONSEP KETUHANAN DALAM BUDDHISME
MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

AHMAD ZAKWAN BIN MOHD FADZIL

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**ANALISIS KONSEP KETUHANAN DALAM BUDDHISME
MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

AHMAD ZAKWAN BIN MOHD FADZIL

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Ahmad Zakwan bin Mohd Fadzil

No. Pendaftaran/Matrik: IGB150030

Nama Ijazah: Sarjana Usuluddin

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

ANALISIS KONSEP KETUHANAN DALAM BUDDHISME MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Bidang Penyelidikan: Pemikiran Islam (Agama)

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:

Jawatan:

ANALISIS KONSEP KETUHANAN DALAM BUDDHISME MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

ABSTRAK

Keyakinan kepada tuhan merupakan tunjang keyakinan dalam setiap agama. Tunjang utama ini wajar difahami oleh setiap penganut beragama bersesuaian dengan tuntutan falsafah ajaran sesebuah agama. Ini kerana keyakinan terhadap tuhan merupakan dasar bagi setiap individu penganut menjalani kehidupan beragamanya agar sentiasa berada dalam ruang lingkup ajaran agama. Ia turut memastikan bahawa setiap penganut beragama memahami kehendak dan tuntutan falsafah ajarannya dan sekaligus menjadikannya sebagai umat beragama taat dan patuh kepada perintah tuhan. Pun begitu, konsep keyakinan kepada tuhan ini berbeza antara sebuah agama dengan yang lainnya selaras dengan tuntutan setiap ajaran. Hampir semua agama meyakini bahawa Pencipta Agung itu adalah tuhan yang satu yang sering dirujuk sebagai konsep monoteisme. Ajaran Buddha turut menerima konsep monoteisme, tetapi dalam masa yang sama turut mengangkat konsep kepercayaan dan sembahkan dewa. Bahkan turut dinyatakan Buddhisme tidak mengajarkan sama sekali konsep ketuhanan. Perihal ini telah ditemui dalam sorotan beberapa kajian ilmiah dan turut diakui oleh penganut Buddhisme. Ini memperlihatkan seolahnya konsep keyakinan tuhan dalam Buddhisme tidak *absolute* serta boleh dan mudah berubah. Perihal ini menarik untuk dikaji lebih lanjut dalam usaha melihat pemaknaan sebenar konsep ketuhanan dalam Buddhisme daripada perspektif Buddhisme. Untuk memahami perihal tersebut, kajian ini menggunakan metode perpustakaan dan turut disokong melalui data temubual kepada para pakar dan pengamal ajaran Buddhisme. Kajian ini mendapati bahawa konsep wujud tuhan dan sembahkan tuhan itu adalah hasil persepsi masyarakat penganut Buddhisme yang turut dipengaruhi sosio budaya tempatan serta nilai fitrah sehingga melahirkan konsep ateisme, teisme dan politisme. Konsep tersebut bukan dari ajaran asal Buddha yang lebih menekankan *dharma* dalam aspek etika dan moral untuk jaminan pencapaian nirvana dan pembebasan hukum karma dan lingkaran *samsara*.

Kata kunci : agama; ketuhanan; Buddhisme; Islam.

ANALISIS KONSEP KETUHANAN DALAM BUDDHISME MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

ABSTRACT

In every religion, the faith in god is essential to the other beliefs in that religion. This faith must be understood by every religious believer in accordance with the philosophy of that religion. The faith in god acts as a guide for every believer in his life to live in the context of their religious teaching. It also ensures that every believer understands the philosophy of their religious teaching and at the same time makes him a devout and obedient people to God's commandments. In fact, the concept of belief in god differs from one religion to another in line with the difference in each teaching. Almost all religions including Buddhism believe that the Great Creator is the one god as mentioned in the concept of monotheism. However, there is a view that Buddhism believes in the concept of many gods or polytism. Some even claim that Buddhism does not teach the concept of god at all. These different views have been found in some scientific studies and are acknowledged by Buddhists themselves. This shows as if the concept of god's in Buddhism is not absolute and can easily changed. Therefore, the diversity of these perspectives is interesting to be examined in an attempt to see the true meaning of God's concept in Buddhism from the perspective of Buddhists. For that purpose, this study uses library methods supported by interview data from Buddhist experts and believers. The study found that the concept of existence and worship of God was a result of the perception of Buddhists who are also influenced by local socio-culture and *fitrah* value, resulting to the emergence of different perspectives on god namely the concept of atheism, theism and politism. These concepts are not from Buddha's teachings where he actually emphasizes the dharma in ethical and moral aspects for the guarantee of nirvana's achievement and the release of karma and suffering cycle (*samsara*).

Keyword : religion; divinity; Buddhism; Islam.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Tuhan pentadbir sekalian alam. Selawat dan salam ke atas baginda Rasulullah S.A.W. Syukur ke hadrat Allah dengan limpah kurnia dan izinNya dapat saya menyiapkan disertasi ini di bawah tajuk **Analisis Konsep Ketuhanan menurut Perspektif Islam** bagi memenuhi sebahagian syarat pengijazahan Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya rakamkan kepada Professor Madya Dr Khadijah Mohd Khambali @ Hambali sebagai penyelia atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan semasa menyempurnakan disertasi ini. Bimbingan, pandangan, tunjuk ajar, kritikan dan kesabaran yang diberikan sepanjang penyelidikan ini sangat membantu kepada kejayaan menyiapkan kajian ini. Penghargaan dan terima kasih juga diberikan kepada penyelia kedua yang saya hormati Dr Mohd Khairul Naim Bin Che Nordin atas dorongan dan tunjuk ajar yang diberikan. Begitu juga, saya rakamkan penghargaan ini kepada Ketua Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam (JAPI) Dr Syed Mohammad Hilmi bin Syed Abdul Rahman, pensyarah-pensyarah JAPI, Prof. Madya Dr Che Zarrina Sa'ari, Prof. Madya Dr Mohd Fauzi bin Hamat, Prof. Madya Dr Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, Dr Ahmad Zuhdi Ismail, Dr Faizuri Abd. Latif, Dr Azmil Zainal Abidin, Dr Wan Adli Wan Ramli, Dr Alwani Ghazali, Dr Ali Ali Gobaili Saged, Dr Syarifah Basirah Syed Muhsin dan staf di JAPI, Noor Afishah Abdul Aziz serta seluruh tenaga kerja Akademi Pengajian Islam (API).

Saya ingin merakamkan lestari budi kasih yang tidak terhingga kepada mak dan abah tercinta, Hj. Nasriyah Othman dan Hj. Mohd Fadzil Lat di atas galakan, dorongan, bantuan, pengorbanan dan nasihat dalam mengiringi perjalanan pengajian dan kehidupan

ini. Tidak lupa kepada adik beradik yang turut memberi dorongan dan suntikan semangat sepanjang penyelidikan, Zulfaa Waheeda, Nurjihan, Ahmad Asyhraf, Ahmad Kamal, Luqman Hakim dan ipar Azizul, Solehan, Shuhada serta semua anak buah yang sebelas (11). Penghargaan dan jutaan terima kasih juga dirakamkan kepada rakan seperjuangan yang menjadi inspirasi dalam menyiapkan kajian ini, Muhammad Hazim Azhar, Zarif Iliyas, Purkon Razak, Nurzafreena Aziz, Ulfah Harun, Wan Puteri Suhaila, Nurultaqwa Ismail, Mohd Syukri Zainal Abidin, Hasimah Chik, Kak Siti Sarah Ahmad, Hidayah Fauzi, rakan JAPI (*batch* 2011/2012), sahabat Sek. Men. Agama Nahdzah (SPM 2009) dan lain-lain.

AHMAD ZAKWAN BIN MOHD FADZIL

zakwanfadzil@siswamail.um.edu.my

19 Februari 2018

SENARAI KEPENDEKAN

A.S	Alaihi al-Salam
Dll	Dan lain-lain
Dr.	Doktor
et al.	et alibi- Bagi mengambil tempat penulis lain sekiranya buku berkenaan dihasilkan oleh lebih dari empat pengarang.
Ibid	Ibidem, pata tempat yang sama (Bahasa latin), rujukan sama seperti sebelumnya
MA	Ijazah Sarjana
No.	Nombor
PhD	Ijazah Doktor Falsafah
Prof.	Professor
R.A	Radiyallahu ‘anhu
S.A.W	Sallallahu ‘Alaihi Wasallam
S.W.T	Subhanahu Wa Taala
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
SM	Sebelum Masihi
t.p	Tanpa penerbit
t.t	Tanpa tahun
t.t.p	Tanpa tempat penerbit
terj.	Terjemahan oleh

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI KEPENDEKAN	xi
BAB SATU : PENGENALAN.....	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan kajian.....	3
1.3 Persoalan Kajian.....	8
1.4 Objektif Kajian.....	8
1.5 Skop Kajian.....	8
1.6 Kepentingan Kajian.....	9
1.7 Sorotan Literatur	11
1.7.1 Kajian Konsep Ketuhanan dalam Perspektif Beragama	11
1.7.2 Kajian Kewujudan Konsep Ketuhanan dalam Buddhisme.....	19
1.7.3 Kajian Konsep Ketuhanan dalam Sumber Buddhisme.....	21
1.7.4 Kajian Konsep Sembahan dalam Buddhisme	22
1.8 Metodologi Kajian	25
1.8.1 Metode Pengumpulan Data.....	26

1.8.1.1	Kajian Perpustakaan.....	27
1.8.1.2	Kajian Lapangan	28
1.8.2	Metode Analisis Data.....	30
1.8.2.1	Induktif.....	30
1.8.2.2	Deduktif.....	31
1.8.2.3	Komparatif	31
BAB DUA : KONSEP KETUHANAN MENURUT PERSPEKTIF BERAGAMA		33
2.1	Pengenalan	33
2.2	Konsep Ketuhanan dalam Beragama	33
2.3	Epistemologi dalam Beragama	36
2.3.1	Wahyu dan Ilham.....	37
2.4.1	Konsep Ketuhanan dalam Islam.....	40
2.4.1	Konsep Kewujudan Tuhan dalam Islam.....	43
2.4.2	Konsep Penyembahan dalam Islam	54
2.5	Kesimpulan	63
BAB TIGA : KONSEP KETUHANAN DALAM BUDDHISME.....		66
3.1	Pengenalan	66
3.2	Siddharta Gautama Buddha.....	66
3.2.1	Etimologi	68
3.2.2	Pencerahan dan Ilham.....	79
3.3	Konsep Ketuhanan dalam Buddhisme	81

3.3.1	Ateisme	81
3.3.2	Teisme.....	87
3.4	Konsep Sembahan Tuhan dalam Buddhisme.....	92
3.4.1	Politeisme.....	92
3.5	Kesimpulan	96
BAB EMPAT : ANALISIS KONSEP KETUHANAN DALAM BUDDHISME		
MENURUT PERSPEKTIF ISLAM.....		98
4.1	Pengenalan	98
4.2	Siddharta Gautama Buddha.....	98
4.2.1	Etimologi Buddha dan Nabi	99
4.2.2	Pencerahan dan Wahyu sebagai Epistemologi	110
4.3	Konsep Ketuhanan dalam Buddhisme	113
4.3.1	Ateisme	113
4.3.2	Politeisme.....	121
4.3.3	Teisme.....	128
4.4	Kesimpulan	134
BAB LIMA : KESIMPULAN DAN CADANGAN		137
5.1	Pengenalan	137
5.2	Kesimpulan	137
5.2.1	Konsep Ketuhanan menurut Perspektif Beragama	137
5.2.2	Konsep Ketuhanan dalam Buddhisme	139

5.2.3	Konsep Ketuhanan dalam Buddhisme Menurut Perspektif Islam.	141
5.3	Cadangan dan Saranan	145
5.3.1	<i>Da'i</i>	145
5.3.2	<i>Mad'u</i>	146
5.3.3	<i>Maudhu' al-Da 'wah</i>	146
5.3.4	Pengkaji	146
5.4	Penutup.....	147
BIBLIOGRAFI.....		148

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Peradaban manusia antara lain dilihat kepada kepercayaan agama. Bahkan agama boleh disebut sebagai pandangan utama dan pandangan hidup (*worldview*) bagi kehidupan manusia. Walaubagaimanapun, setiap *worldview* bagi kebanyakan agama adalah berbeza antara satu sama lain. Sekalipun terdapat sedikit hal yang miripi sesuatu hal yang lain, hakikatnya akan wujud perbezaan dan ketidaksepakatan. Dalam konsep ketuhanan dalam agama-agama tidak wujud satu konsep yang *absolute* dalam persetujuan bersama kerana masing-masing mempunyai konsep tersendiri yang berbeza.¹ Walaubagaimanapun, sebagai Muslim yang beriman dengan al-Quran yang menyatakan kesahihan akidah Islam adalah amat jelas berbanding dengan akidah agama lainnya yang tidak mendapat tempat dalam keredaan Allah S.W.T.²

Konsep ketuhanan bukan sekadar mempercayai kewujudan Pencipta dan Maha Kuasa³ dan ateisme yang percaya bahawa tidak wujud tuhan,⁴ bahkan juga sesuatu yang dipuja dan didewakan oleh manusia⁵ juga merupakan salah satu konsep ketuhanan yang

¹ Swinburne, R.G., "*God*", di Honderich, Ted, *The Oxford Companion to Philosophy* (Oxford: Oxford University Press, 1995), 25.

² Vincent J. Cornell, *Encyclopedia of Religion* (New York : Macmillan Reference of Thompson, 2005), 5, 3561-3562. Lihat juga surah Ali Imran ayat 19, Abdullah Muhammad Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (Kuala Lumpur : Dar al-Fikr, 1968), 90.

³ Noresah Baharom, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), Ed. 4, 1722.

⁴ Dalam *Kamus Dewan*, perkataan tuhan dan Tuhan digunakan berbeza mengikut kesesuaian tempat. Huruf 't' kecil digunakan untuk agama selain Islam yang mengambil selain yang Maha Esa atau makhluk, dewa-dewi sebagai tuhan. Manakala 'T' dengan huruf besar digunakan untuk mewakili entiti Tuhan yang Maha esa. Dalam disertasi ini, pengkaji secara keseluruhan menyelaraskan penggunaan 't' dengan huruf kecil kepada tuhan selain Islam.

⁵ Noresah Baharom, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), Ed. 4, 1722.

wujud hari ini. Al-Quran menyatakan bahawa manusia ada kalanya mempertuhankan manusia. Firman Allah S.W.T :

اَتَّخَذُوا اَحْبَارَهُمْ وَرُهَبَانَهُمْ اَرْبَابًا مِّنْ دُونِ اللّٰهِ وَالْمَسِيحِ ابْنِ مَرْيَمَ وَمَا اُمُّرُوْا اِلَّا لِيَعْبُدُوْا اِلٰهًا

وَاحِدًا لَاۤ اِلٰهَ اِلَّا هُوَ سُبْحٰنَهُ عَمَّا يُشْرِكُوْنَ ﴿٦١﴾

31. mereka menjadikan pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama mereka sebagai pendidik selain dari Allah, dan juga (Mereka mempertuhankan) Al-Masih Ibni Maryam, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa tiada Tuhan (yang disembah dengan sebenar-benarnya) melainkan Ia. Maha suci Allah dari apa yang mereka sekutukan.⁶

Oleh itu, hakikat ajaran berhubung konsep ketuhanan dalam suatu agama adalah berbeza antara satu agama dengan agama lainnya. Konsep ketuhanan menurut agama Islam berbeza dengan konsep ketuhanan dalam Buddhisme, agama Kristian dan agama Yahudi, bahkan dalam agama lainnya saling berbeza. Walaupun saling wujud perbezaan, yang pastinya semua ajaran agama memiliki keyakinan tersendiri. Dalam kajian ini pengkaji mengkhususkan kajian kepada konsep ketuhanan dalam Buddhisme.

⁶ Abdullah Muhammad Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (Kuala Lumpur : Dar al-Fikr, 1968), 349.

1.2 Permasalahan kajian

Lazimnya bila membicarakan tentang agama, perbahasan berkisar keyakinan kepada tuhan sering dijadikan perbahasan utama. Dalam Islam, unsur ini sangat dititikberatkan sehingga ulama' menyebutkan awal agama itu mengenal Allah (*awwaluddin makrifatullah*).⁷ Dalam carta atau pembahagian ilmu dalam Islam, kita akan dapati ilmu Tauhid adalah utama berbanding ilmu lain seperti Fiqh dan Tasawuf walaupun berada dalam kategori ilmu yang sama; ilmu Fardu Ain.⁸ Perihal ini amat berbeza dalam kupasan kepercayaan kepada tuhan dalam Buddhisme. Topik ini jarang sekali dikemukakan. Sering difahami bahawa Sidharta Gautama Buddha adalah tuhan dalam ajaran Buddhisme. Namun realitinya, di dalam ajaran Buddha yang asalnya Sidharta Gautama Buddha bukanlah tuhan melainkan hanyalah pengajar, guru dan juru pandu bagi manusia.⁹

Sehubungan itu, konsep ketuhanan dalam Buddhisme adalah jauh berbeza dengan agama lain. Setiap agama umumnya meyakini bahawa alam semesta diciptakan oleh tuhan dan tujuan akhir dari hidup manusia adalah kembali ke syurga ciptaan yang kekal.¹⁰

Perbincangan konsep ketuhanan dalam Buddhisme saling berubah-ubah dan tidak tetap. Seolah-olah tidak ada satu konsep yang *absolute* dalam agama ini. Berbeza dengan agama Islam sebagai contoh, yang hanya percaya kepada ketauhidan Allah dan memperlihatkan *absolutenya* akidah dalam ajaran Islam. Ajaran Buddhisme tidak

⁷ Dalam sesetengah kitab Jawi, kalam (أول الدين معرفة الله) ini telah disandarkan kepada baginda Nabi S.A.W. Lihat, Ismail bin Abd Allah al-Khalidi al-Mujaddidi, *al-Muqaddimat al-Kubra* (Kaherah : al-Maktabah al-Misriyyah), 35, Wan Ali Abd al-Rahman Kutan al-Kelantani, *Zahrat al-Murid fi Aqa'id al-Tawhid* (Kota Bharu : Percetakan Ahmadiyah), 5. Dinukilkan daripada Mohd Fakhrudin Bin Abdul Mukti, *Shaykh Dawud al-Fatani and Kalam*, Thesis (Ph.D), Universiti Birmingham.

⁸ Pembahagian ilmu berdasarkan Hadith Jibril iaitu 3 soalan berkenaan agama. Lihat hadith riwayat Muslim no. 8 dan riwayat al-Bukhari no. 190.

⁹ Agus Hakim, *Perbandingan Agama* (Bandung: CV Diponegoro, 1985), 170.

¹⁰ Adjiddan Noor, *Budhisme* (Banjarmasin : FU, 1984), 13.

menegaskan hakikat kewujudan tuhan. Pun begitu, dalam kitab Sutta Pitaka¹¹, Buddha dikatakan turut mempercayai kewujudan tuhan sebagai Pencipta:

*“Biarkanlah Tuhan menjadikan segala sesuatu, dan manusia hendaklah memelihara kesucian ciptaan Tuhan, kesucian yang sempurna itulah Tuhan. Kesucian yang demikian harus terdapat pada tiap-tiap waktu”.*¹²

Selain itu, Gautama Buddha pernah menyatakan:

*“Apabila, wahai para bhikku, makhluk-makhluk mengalami penderitaan dan kebahagiaan sebagai hasil atau sebab dari ciptaan Tuhan, maka para petapa telanjang ini tentu diciptakan oleh satu Tuhan yang nakal, kerana mereka kini mengalami penderitaan yang mengerikan”.*¹³

Kenyataan tersebut boleh dijadikan hujjah bahawa Gautama Buddha mempercayai bahawa manusia diciptakan bahkan segala sesuatu itu terjadi adalah atas kehendak tuhan. Seterusnya Buddha turut memperakui kewujudan entiti tuhan dan juga mengakui kesucian tuhan tanpa mengira waktu tertentu.

Dalam kajian lain, Buddhisme dianggap sebagai ateisme dan menolak kewujudan tuhan.¹⁴ Ini kerana Buddha dikatakan hanya mengajar berkenaan falsafah dan cara hidup.

¹¹ Sumber rujukan dalam agama Buddha merangkumi ucapan, peraturan dan ajaran Gautama Buddha. Ketiga-tiga bahagian ini kemudiannya dikumpulkan dalam satu kitab *tri-Pitaka* atau ‘tiga bakal’. Bahagian paling penting di dalam kitab tersebut adalah bahagian Sutta Pitaka yang merupakan inti pati ajaran Buddha. Lihat Ann Wan Seng, *Perayaan Orang Cina* (Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti 1994), 16-17.

¹² Agus Hakim, *Perbandingan Agama* (Bandung: CV Diponegoro, 1985), 171.

¹³ *Sutta Pitaka, Udana VII*, ayat 3, dipetik daripada Ahmad Iqram, *Kau sembah Siapa? Berdialog Dengan Non-Muslim*, (Selangor : Open Bridge Publications, 2016), 57.

¹⁴ Narada, *The Buddha and His Teaching* (Kuala Lumpur : Buddhist Missionary Society Malaysia, 1988), 403.

Buddha menuntut pengikut-pengikutnya mengamalkan ajaran dan pengalaman yang dilalui. Pengalaman yang dilaluinya dapat mengajar manusia memahami kehidupan yang sebenar.¹⁵

*“The Buddha introduced a righteous way of life for us to follow after having himself experienced the weaknesses and strengths of human mentality. During the early part of his life as a young man he experienced worldly pleasures just like any other human being”.*¹⁶

Pengalaman yang dimaksudkan adalah penemuannya terhadap ilmu pengetahuan, iaitu solusi kepada penderitaan manusia yang berpunca daripada perbuatan masa lampau mereka. Oleh itu Siddharta Gautama Buddha mengajar manusia supaya menjalani kehidupan dengan melakukan kebaikan bermatlamat untuk keluar dari putaran kelahiran atau mencapai nirvana.¹⁷

Perihal itu didokong oleh tokoh agama Buddha, K. Sri Dhammananda yang menegaskan bahawa pengikut Buddha seharusnya mengikuti ajarannya bukan secara membabi buta. Mereka diharapkan mengikuti *Dharma*¹⁸ untuk menjadi pengikut sebenar sepertimana ajaran Buddha.

¹⁵ Mohd Ridhuan Tee Abdullah, *Asas-Asas Ajaran Buddha Sebagai Perbandingan Agama*, Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Krisis Murtad, anjuran Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor (PUMCS), Persatuan Pegawai Syariah Malaysia (PPSM) dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 30 Mei 2009, bertempat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

¹⁶ K. Sri Dhammananda, *How to Practice Buddhism* (Kuala Lumpur : Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society, 2000), 28.

¹⁷ Ann Wan Seng, *Perayaan Orang Cina* (Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti 1994), 15. Nirwana atau Nirvana yang berasal daripada bahasa Sankrit didefinisikan sebagai '*final liberation when the saint will no longer be reborn*'. Pencapaian ketiadaan kelahiran akan memutuskan manusia daripada rantaian kehidupan dalam mana-mana bentuk perwujudan. Darjat Nirvana bukan sahaja dicapai oleh Gautama Buddha bahkan boleh dicapai oleh semua penganut. Lihat ucapan oleh Dr. C.T. Shen, *Ajaran Asasi Buddhisme*, (1978), 3. Lihat juga Ninian, *The World's Religions* (UK : Cambridge, 1989), Ed. 2, 58.

¹⁸ *Dharma* adalah perkataan yang mempunyai pelbagai maksud dalam agama-agama India termasuk Hindu, Buddha, Sikhisme dan Jainisme. Dalam agama Buddha, *Dharma* bermaksud undang-undang dan arahan. Lihat John Bowker. "Dharma." *The Concise Oxford Dictionary of World Religions*, 1997. *Encyclopedia.com* (16 Ogos 2016). <http://www.encyclopedia.com/doc/1O101-Dharma1.html>

*"The Buddha advised mankind to follow his teachings and practice diligently what he preached in order to gain salvation. In fact, we cannot call ourselves followers of the Buddha if we merely follow him blindly by just regarding him as a powerful master. What the Buddha expected of us is to live in accordance with the Dharma. Only then can we truly say to all that we do follow the Buddha"*¹⁹

Selain itu, ajaran Buddha turut meyakini politeisme iaitu mempercayai dan menyembah pelbagai tuhan. Kajian sarjana²⁰ oleh Ley adalah antara kajian yang membincangkan persoalan ini. Beliau menyatakan bahawa telah menjadi amalan masyarakat Buddha di Tokong Guanyin Klang menyembah pelbagai tuhan. Kajiannya turut melakukan perbandingan konsep ketuhanan dalam ajaran Islam dan Kristian yang mempercayai konsep monoteisme. Perbandingan yang beliau lakukan amat mengelirukan. Ini kerana konsep monoteisme adalah berbeza dengan tauhid Islam yang mempercayai bahawa yang disembah dan pengabdian manusia hanyalah kepada Allah yang Esa. Ini bertepatan dengan kalimah syahadah yang menjadi asas utama dalam akidah Islam iaitu, 'kesaksian bahawa tiada tuhan melainkan Allah'. Walaubagaimanapun, kefahaman beliau kepada konsep monoteisme dalam Kristian adalah selaras dengan prinsip ajaran Kristian. Namun perbandingan itu masih boleh dipersoalkan kerana ketidakwujudan keselarasan konsep monoteisme dalam Buddha, Kristian dan apatah lagi Islam. Sekalipun dalam pecahan aliran dalam ajaran Kristian iaitu "Jehovah's Witnesses" yang mempercayai tuhan yang satu dan mempercayai bahawa Jesus hanya sebagai penyampai dan penyelamat (*savior*). Bahkan aliran ini menegaskan bahawa Jesus bukanlah tuhan untuk disembah serta menolak trinit

¹⁹ K. Sri Dhammananda, *How to Practice Buddhism* (Kuala Lumpur : Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society, 2000), 29.

²⁰ Ley Fey Ching (2013) *Sejarah Perkembangan Tokong Guanyin Klang dan Komuniti Cina Tempatan*, Disertasi (MA) Sarjana, Jabatan Pengajian Tionghoa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

yang merupakan keyakinan utama agama Kristian.²¹ Walaubagaimanapun, aliran Jehovah ini masih mempercayai bahawa Jesus sebagai anak tuhan sekalipun tidak menyembahnya.

Selain dari itu, dalam Buddhisme, tujuan akhir hidup manusia adalah mencapai tahap keBuddhaan²² atau pencerahan sejati, iaitu batin manusia tidak perlu lagi mengalami proses kelahiran semula dan hukuman *karma*. Pencapaian tersebut tidak akan diperolehi melalui pertolongan dan bantuan pihak lain kerana tidak ada pengaruh dan kesannya, bahkan tidak ada dewa-dewi yang dapat membantu. Ia, hanya dicapai melalui usaha sendiri.²³ Menurut ajaran Buddhisme, Buddha hanya merupakan contoh, juru pandu, dan guru bagi setiap insan. Setiap penganut Buddha perlu melalui jalan mereka sendiri dalam usaha mencapai pencerahan rohani dan melihat kebenaran serta realiti.²⁴ Penjelasan ini membuktikan bahawa Buddha hanya menegaskan aspek etika dan moral kepada penganutnya dan mematuhi *dharma* ajaran Buddhisme. Buddha tidak mengutarakan perihal mengenai konsep ketuhanan dalam ajarannya. Akibatnya, mencetuskan pandangan bahawa Buddhisme adalah ajaran berbentuk ateisme dalam aspek kepercayaan kepada tuhan.

Berdasarkan wujudnya kepelbagaian konsep keyakinan terhadap tuhan dalam Buddhisme mendorong kajian ini dilakukan dalam usaha merencami perihal tersebut secara

²¹ Beckford, James A., *The Trumpet of Prophecy : A Sociological Study of Jehovah's Witnesses* (Oxford : Basil Blackwell, 1975), 118.

²² Buddha secara bahasanya merujuk kepada satu pencapaian "boddhi" iaitu kesempurnaan ilmu pengetahuan dan bukanlah berasal dari nama seseorang. Lihat Norazlinda Bt Zakaria (2006) *Pengaruh agama Buddha ke atas Masyarakat Islam di Semarak, Kelantan*, Disertasi (MA) Sarjana Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 79. Lihat juga Agus Hakim (1985), 158.

²³ Konsep usaha sendiri ini juga terdapat dalam Islam iaitu konsep *Maqam* dan *Ahwal*. *Maqam* atau *maqamat* (*lafaz jama'*) menurut Al-Suhrawardi dalam kitabnya *Adab al-Muridin*, bermaksud kedudukan seseorang dalam peribadatan di hadapan Tuhannya. Beberapa *maqam* tersebut adalah terjaga-terpelihra dari kelalaian, taubat, kembali (inabah), wara', pengujian jiwa (muhasabah al-nafs), ilham, zuhud, kefaqiran, kebenaran (shidq), dan menahan diri (tashabbur), yang merupakan *maqam* terakhir seorang murid. Kemudian kesabaran (shabr), kepuasan (ridha), ikhlas, keyakinan kepada Tuhan (tawakkal). Jumlah *maqamat* yang bervariasi mengikut pengalaman ulama' tersendiri. Imam al-Ghazali antara lain menggariskan lapan *maqamat* di dalam *Ihya' al-Ulumuddin* dan al-Kalabazy meletakkan 10 *maqamat* yang harus ditempuhi oleh al-murid di dalam karyanya al-ta'arruf li Madzhab Ahl al-Tasawuf. Adapula konsep *Ahwal* ia bermaksud suatu pemberian Allah yang diberi kepada manusia tanpa usaha. Lihat *Adab al-Muridin*.

²⁴ Agus Hakim, *Perbandingan Agama* (Bandung: CV Diponegoro, 1985), 170.

ilmiah menurut perspektif Islam. Ini kerana wujudnya sisi pandang kajian daripada Ley yang membandingkan konsep ketuhanan dalam Buddhisme dengan konsep ketuhanan dalam Islam.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan yang menjadi tanda tanya dalam kajian ini adalah :

1. Apakah konsep ketuhanan menurut perspektif beragama?
2. Apakah konsep ketuhanan dalam Buddhisme?
3. Bagaimanakah konsep ketuhanan dalam Buddhisme menurut perspektif Islam?

1.4 Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai dalam kajian yang dilakukan adalah :

1. Mengkaji konsep ketuhanan menurut perspektif beragama.
2. Mengkaji konsep ketuhanan dalam Buddhisme.
3. Menganalisis konsep ketuhanan dalam Buddhisme menurut perspektif Islam.

1.5 Skop Kajian

Skop kajian ini tertumpu kepada perbahasan konsep ketuhanan dalam Buddhisme yang meliputi aspek kewujudan dan sembah. Selain itu juga, sebagai perbandingan

penyelidikan, pengkaji juga melihat konsep ketuhanan di dalam agama Islam sebagai justifikasi dalam konsep ketuhanan dalam Buddhisme. Kajian konsep ketuhanan ini merujuk kepada dua aliran Buddhisme iaitu Theravada dan Mahayana. Ini kerana dua aliran tersebut merupakan aliran utama dalam Buddhisme.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini perlu dijalankan kerana terdapat beberapa kepentingan dalam kalangan masyarakat majmuk Malaysia dan lapangan ilmu. Kajian ini penting kerana dapat memberi manfaat kepada Islam dan umatnya. Hal ini kerana telah wujud golongan pluralisme agama dalam kalangan Muslim yang berani mengeluarkan pendapat tanpa melihat kesannya kepada umat Islam dan agama. Golongan ini mempercayai bahawa setiap agama termasuk Buddhisme adalah sama dari segi kebenarannya. Atas dasar toleransi, mereka secara tidak sedar sanggup merendahkan agama Islam setaraf seperti agama lain. Bahkan fahaman pluralisme agama ini bertentangan dengan firman Allah S.W.T yang mengatakan perbezaan agama selain Islam adalah mereka tidak diredai Allah. Firman Allah S.W.T. dalam surah Ali Imran :

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ۚ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا

بَيْنَهُمْ ۚ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٣٠﴾

19. Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.

Dan orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu berselisih

(mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan telah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenaran; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabNya.²⁵

Selain itu, polemik atau kepincangan yang berlaku dalam ajaran Buddha juga merupakan peluang kepada para Muslimin berperanan sebijaknya. Menurut Ann Wan Seng, masyarakat Cina yang kebanyakannya menganut agama Buddha sangat mudah untuk mempercayai mana-mana agama.²⁶ Hal ini juga terbukti dengan statistik yang dikeluarkan oleh JAWI dengan menyatakan bahawa penganut Buddhisme adalah yang paling ramai ‘kembali’ kepada agama Islam iaitu 22 peratus.²⁷ Oleh itu, dakwah perlu digiatkan lagi khususnya kepada penganut Buddhisme. Walaubagaimanapun, pengisian dakwah perlu dirangka untuk memberikan kesan yang efektif kepada sasaran. Kajian ini bakal mengenalkan dengan lebih dekat mengenai ajaran dan kepercayaan Buddhisme. Natijahnya adalah supaya pengenalan tersebut dapat memberi gambaran dalam ajaran Buddhisme berhubung aspek tuhan dan seterusnya mencari kaedah dan uslub yang terbaik dalam usaha penyebaran dakwah dan pengembangan agama Islam serta permbangunan muallaf.

Kajian ini juga penting dalam memartabatkan kesucian agama Islam sebagai agama yang benar dan bersifat fitrah. Lebih daripada itu, umat Islam diharap dapat mengukuhkan lagi pegangan agama dengan memahami realiti ajaran Buddhisme.

²⁵ Abdullah Muhammad Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (Kuala Lumpur : Dar al-Fikr, 1968), 90.

²⁶ Ann Wan Seng, *Perayaan Orang Cina* (Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti 1994), 2.

²⁷ Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, *Laporan Statistik Saudara Baru JAWI* (Kuala Lumpur : Unit Saudara Baru Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dari Tahun 2004 Hingga 2009).

1.7 Sorotan Literatur

Untuk membuat landasan teori dalam memulakan penyelidikan ini, pengkaji melihat kajian-kajian terdahulu. Terdapat ramai penyelidik yang telah mengkaji mengenai agama Buddha meliputi perbincangan ajaran dan amalan dalam Buddhisme. Dalam membuat sorotan literatur, pengkaji membahagikan kepada empat (4) tema iaitu :

1.7.1 Kajian Konsep Ketuhanan dalam Perspektif Beragama

Dalam tema pertama, pengkaji menemui beberapa kajian yang membincangkan asas kepercayaan dalam beragama. Antaranya adalah kajian oleh Norakmal Azraf dan Indriaty yang membincangkan tentang kepercayaan dalam Buddha secara khusus dengan menyatakan bahawa asas kepercayaan dalam penciptaan dalam Buddhisme adalah berdasarkan konsep sebab dan akibat yang menafikan kuasa pencipta seterusnya penulis meletakkan agama Buddha sebagai ateisme dalam konsep ketuhanannya.²⁸ Selain itu, sebagai perbandingan dalam kajian tersebut, penulis telah membandingkan dengan konsep kepercayaan agama Hindu yang diletakkan sebagai agama yang mempercayai tuhan sebagai pencipta alam. Secara asasnya, Hinduisme meletakkan tiga tuhan iaitu Brahma (tuhan pencipta), Vishnu (penjaga) dan Shiva (pemusnah). Terdapat beberapa kajian lain yang turut membincangkan secara khusus dalam agama Buddhisme sahaja yang dibincangkan dalam tema seterusnya.²⁹

Selain itu, kajian oleh Nurhanisah turut membincangkan konsep ketuhanan dalam beragama. Konsep tersebut walaubagaimanapun terfokus kepada konsep

²⁸ Norakmal Azraf & Indriaty, Asas Penciptaan Alam Semesta agama Hindu dan agama Buddha : Kajian Perbandingan, Proceeding Konferen dalam Kajian Sains Sosial, ICSSR 2013, 4-5 Jun 2013, Penang, Malaysia, 1369.

²⁹ Lihat halaman 19.

ketuhanan menurut al-Ghazali dan Maimonides sebagai perbandingan antara Islam dan Yahudi. Dalam membandingkan kedua-dua konsep ketuhanan dalam agama tersebut, penulis mendapati bahawa persamaan antara keduanya adalah mempercayai monoteisme dalam asas ketuhanan. Walaupun demikian, penulis menyebutkan bahawa, walaupun sama monoteisme tersebut tetapi hakikat kedua-dua kefahaman tersebut adalah berbeza. Iaitu, al-Ghazali memahami bahawa alam ini telah diciptakan oleh satu tuhan dan tuhan adalah satu-satunya pemilik *wajib al-wujud* manakala Maimonides telah meletakkan dua kewujudan pada *wajib al-wujud* pada tuhan walaupun turut mempercayai dalam asas penciptaan alam. Begitu juga dalam meletakkan sifat pada tuhan. Al-Ghazali secara jelas telah meletakkan tuhan sebagai memiliki sifat dan Maimonides menafikannya.³⁰

Beberapa kajian juga turut membincangkan konsep ketuhanan dalam perbincangan agama dengan mengfokuskan asas ajaran Islam dengan rinci. Antaranya kajian oleh Syed Shahrman daripada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang secara khusus mengkaji tentang ketuhanan menurut al-Juwayni ; *Pemikiran al-Juwayni Tentang Ketuhanan : Terjemahan dan Analisis Bahagian al-Ilahiyyat, Kitab Luma' al-Adillah*. Disertasi tersebut dimulakan dengan perbincangan tentang kehadiran alam dalam membuktikan bahawa wujudnya pencipta. Beliau menaqlikan daripada al-Juwayni bahawa :

³⁰ Nurhanisah, Senin (2016) *Concept of God in the discourses of Al-Ghazālī (d. 1111) and Maimonides (d. 1204)*, Thesis PhD, Universiti Malaya.

“kewajipan utama bagi seseorang berakal yang mencapai umur matang di sisi syara’ ialah mengqasadkan diri ke arah nazar yang benar hingga sampai kepada ilmu kebaharuan alam (huduth alam)”.³¹

Kalam ini menunjukkan bahawa bagi seseorang yang mempunyai akal yang waras ialah beliau dapat mengqasadkan kebenaran sehingga beriktikad bahawa alam ini bersifat dengan baharu. Berbeza dengan wujud Allah adalah dengan sifat *qadim*. Selain itu, kajian oleh Mohd Fakhruddin Abd. Mukhti dalam Jurnal Usuluddin, *Isu Ketuhanan dalam Bicara Falsafah* juga turut membincangkan persoalan alam dalam membahaskan bab ketuhanan menurut falsafah Islam. Sub-topik tersebut membincangkan bagaimana epistemologi ilmu Islam diadaptasikan ke dalam falsafah Islam yang dilakukan oleh ahli falsafah Muslim. Mohd Fakhruddin mengetengahkan bahawa ahli falsafah Muslim menggunakan falsafah Yunani yang sudah lama membincangkan topik ketuhanan. Walaubagaimanapun, perbincangan oleh golongan Yunani terdahulu tidak dipimpin oleh wahyu. Namun, ahli falsafah Muslim menggunakannya dengan diubahsuaikan supaya secocok dengan kehendak Islam dengan berpandukan bahawa Islam tidak menyalahi akal bahkan saling rapat dalam kebergantungan.³² Tegasnya, falsafah Islam tujuannya adalah mentanzihkan Allah dengan segala sifat yang lemah yang berkait dengan alam dan manusia dan pemikiran yang dibawa bukanlah seperti idea yang diwarisi oleh masyarakat Arab yang menggambarkan tuhan dengan keadaan berjisim yang dimanifestasikan daripada berhala.³³ Seterusnya Syed Shahrman secara tegas menyebut bahawa

³¹ Al-Juwayni (1950) *al-Irshad*, 3, dipetik daripada Ali, S., Shahrman, S. (2012) *Pemikiran al-Juwayni Tentang Ketuhanan : Terjemahan dan Analisis Bahagian al-Ilahiyyat, Kitab Luma’ al-Adillah*. Disertasi (MA) Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 68.

³² Mohd Fakhruddin, *Isu Ketuhanan dalam Bicara Falsafah*, Jurnal Usuluddin 09.1999, 48.

³³ *Ibid.*, Mohd Fakhruddin, *Isu Ketuhanan dalam Bicara Falsafah*, Jurnal Usuluddin 09.1999, 47-49.

perkara inilah yang menjadi punca Imam al-Ghazali menulis *Tahafut al-Falasifah* dalam mentanzihkan Allah dengan penyamaan yang dibuat oleh ahli falsafah tentang keqadiman alam.³⁴

Seterusnya dalam pelbagai kajian, isu tuhan itu dibahasakan dan menjadi asas pengkajian berasaskan metodologi ilmiah. Contohnya kajian *Pemikiran Tuan Minal dalam Akidah Ketuhanan : Kajian Terhadap Kitab 'Aqidah al-Najin* oleh Faizuri Abd. Latif turut membincangkan persoalan ketuhanan secara khusus dalam kajiannya dan sub-topik utama yang dibahasakan adalah Zat Allah. Dalam kajian tersebut, perbincangan yang diperbincangkan adalah mendasari kerangka yang dibuat oleh Tuan Minal dalam *Aqidah al-Najin* daripada bahagian *Uluhiyyah* selain topik *al-nubuwwah*, *al-sam'iyat* dan *tasawwuf*. Secara holistik, penulis membahasakan perbincangan zat Allah bermula dengan kewujudan Allah dan diikuti bab mentanzihkan Allah dengan segala kekurangan. Seterusnya, dalam mensucikan Allah, ayat dan hadith *mutasyabihat* dibincangkan. Bahkan dalam perbincangan perkara ini, Tuan Minal dilihat turut mentazihkan Allah dengan melakukan penolakan terhadap beberapa golongan yang dikira sebagai menyalahi akidah *ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*. Kemudian dituruti dengan perbincangan *kalam* Allah dan perbincangan tentang melihat Allah pada hari akhirat.

Selain itu, terdapat beberapa kajian lain yang turut membincangkan konsep ketuhanan dengan khusus berkenaan zat Allah. Antaranya adalah kajian berdasarkan

³⁴ Ali, S., Shahrman, S. (2012) *Pemikiran al-Juwayni Tentang Ketuhanan : Terjemahan dan Analisis Bahagian al-Ilahiyyat, Kitab Luma' al-Adillah*. Disertasi (MA) Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 69.

perbahasan *Ilahiyyat* menurut Syeikh Zainal Abidin al-Fatani oleh Faizuri Abdul Latif dan Syed Muhammad Hilmi Syed Abdul Rahman.³⁵

Isu perbincangan dalam ketuhanan menurut Islam adalah merangkumi sifat Allah. Sebagai contoh, Syed Shahrman antaranya turut memfokuskan perbahasan bab sifat ini. Beliau telah membahaskan tentang sifat Allah dengan pembahagian 3 hukum akal yang cukup masyhur dalam aliran al-Asya'irah iaitu wajib, harus dan mustahil. Dalam bahagian sifat wajib bagi Allah, Syed Shahrman menyenaraikan 7 bahagian iaitu ; (1) *wujud* dan *qidam*, (2) *hay bi al-hayah al-qadimah*, *alim bi al-ilm al-qadim*, *qadir bi al-qudrah al-qaimah*, (3) *Allah murid bi al-iradah*, (4) *Allah Sami' wa basir wa Mutakallim*, (5) *Baqā'*, (6) *Wahdaniyyah al-Ilah* dan (7) *Allah Mutakallim*.

Manakala dalam kajian *Kefahaman Ilahiyyat dalam Meningkatkan Profesional menurut Syeikh Zainal Abidin al-Fatani* oleh Faizuri Abdul Latif dan Syed Muhammad Hilmi Syed Abdul Rahman, telah membahaskan secara dasar dengan menyenaraikan dua puluh (20) sifat Allah yang ditunjangi dengan 4 bahagian daripadanya ; sifat *nafsiyyah*, *salbiyyah*, *ma'ani* dan *ma'nawiyyah* yang merupakan gagasan idea Muhammad Yusuf al-Sanusi.³⁶ Begitu juga perbahasan Faizuri Abd. Latif dalam *Pemikiran Tuan Minal dalam Akidah Ketuhanan : Kajian Terhadap Kitab 'Aqidah al-Najin* mengangkat perbincangan berhubung sifat Allah, sekalipun secara kolektif dan tidak pula menyenaraikan sifat mustahil dalam perbincangannya.

³⁵ Faizuri Abd. Latif, Syed Muhammad Hilmi Syed Abd. Rahman, *Kefahaman Ilahiyyat dalam Meningkatkan Profesional menurut Syeikh Zainal Abidin al-Fatani*, Jurnal Usuluddin bil. 28 2008.

³⁶ Faizuri Abd. Latif, Syed Muhammad Hilmi Syed Abd. Rahman, *Kefahaman Ilahiyyat dalam Meningkatkan Profesional menurut Syeikh Zainal Abidin al-Fatani*, Jurnal Usuluddin bil. 28 2008, 7. Lihat juga Abd. Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia Sejarah dan Aliran* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 40.

Perbincangan *ilahiyyat* juga dilihat turut sama menyentuh perbahasan *af'al Allah* (perbuatan Allah). Antaranya ialah kajian *Ketuhanan dan Manusia dalam Pembentukan Peradaban Manusia menurut Perspektif Islam* Oleh Zaini Fadilah yang membincangkan hubungkait antara Allah dan perbuatan hamba yang melahirkan ketamadunan manusia. Penulis telah mengangkat pemikiran Ibn Rusyd dalam perbincangan takdir iaitu pembahagian kepada teori ciptaan dan teori pemeliharaan. Takdir menurut Ibn Rusyd diertikan bahawa secara keseluruhan, tuhan menetapkan sesuatu sedang perbuatan yang dilakukan manusia satu demi satu adalah iktiar manusia itu sendiri. Walaubagaimanpun, penulis telah meletakkan golongan *al-Asy'ariyyah* dalam kelompok yang bermasalah yang dikatakan terbitan dari kelompok Mu'tazilah. Penulis berpendirian dengan mengatakan bahawa fahaman *al-Asy'ariyyah* telah mengenepikan peranan akal dan panca indera, mendewakan roh, *dhaug* atau intuisi dalam mencapai matlamat menuju tuhan. Seterusnya beliau menyatakan bahawa bagi *Asy'ariyyah*, kemewahan dan kebendaan adalah musuh bagi roh dan mesti dihapuskan dalam menuju tuhan. Beliau juga berpendirian bahawa pegangan tersebut menjadi punca kepada kelemahan dan kemunduran tamadun dan pemikiran Islam. Dalam perbahasan takdir, penulis telah meletakkan fahaman *Asy'ariyyah* sebagai memiripi pegangan *Jabariyyah*.³⁷

Manakala dalam pembahagian yang dibuat oleh Tuan Minal sepertimana perbahasan yang dilakukan oleh Faizuri Abd. Latif; menyatakan bahawa Tuan Minal membahaskan perbuatan hamba yang hakikatnya mempunyai kaitan besar dalam penbincangan antara kedua-duanya. Selain itu, sekalipun berbeza sub-topik,

³⁷ Zaini, Fadilah, *Ketuhanan dan Manusia dalam Pembentukan Peradaban Manusia menurut Perspektif Islam*, Jurnal Kemanusiaan, UTM, 2004, 97.

110. Katakanlah (wahai Muhammad): Serulah nama "Allah" atau nama "Ar-Rahman", yang mana sahaja kamu serukan (dari kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama-nama yang baik serta mulia dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau sembahyangmu, juga janganlah engkau perlahankannya, dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara itu.⁴⁰

Dan firmanNya :

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ۝ الَّذِي يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ لَمْ يَكُن لَّهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝ وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ لَا يَسْمَعُونَ دَعْوَهُمْ سَوَاءٌ مِمَّنْ دَعَبُوا ۚ وَمَنْ تَوَلَّىٰ مِنْهُمْ فَأُولَٰئِكَ يَكُونُ مِنَ الْغَافِلِينَ ۝ ٢٤

24. Dialah Allah, Yang Menciptakan sekalian makhluk; Yang Mengadakan (dari tiada kepada ada); Yang Membentuk rupa (makhluk-makhlukNya menurut yang dikehendakiNya); bagiNya lah nama-nama yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya; bertasbih kepadaNya segala yang ada di langit dan di bumi dan Dialah Yang tiada bandingNya, lagi Maha Bijaksana.⁴¹

Penyeruan kepada ilah ini adalah sebagai menanggapi kesetiaan akan kewujudan tuhan dan dalam masa yang sama menjadi kekuatan konkrit dalam menolak apapun selain Allah sebagai seruan ketuhanan.⁴²

Kajian-kajian di atas lebih tertumpu secara khusus dan perbahasan secara rinci berhubung konsep ketuhanan dalam ajaran Islam, Buddha dan Hindu mengikut objektif tertentu. Adapun kajian ini, lebih mengemukakan konsep wujud tuhan dan sumber kewujudan yang membawa kepada menyembah tuhan dalam sudut pandang

⁴⁰ Surah al-Isra' 17:110.

⁴¹ Surah al-Hashr 59:24.

⁴² Ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir* (Beirut : Dar al-Kutub al-'Alamiyah, 1971), tafsir ayat 24 surah al-Hashr.

agama dan secara khusus difokuskan kepada asas ajaran Islam sebagai nilai kepada objektif kedua kajian.

1.7.2 Kajian Kewujudan Konsep Ketuhanan dalam Buddhisme

Kajian sarjana oleh Hazlin binti Kadar @ Shahar bertajuk *Pengaruh Falsafah Buddhisme Zen terhadap adat minum teh (Chanoyu) dalam Peradaban Jepun* turut membincangkan berkenaan konsep ketuhanan dalam Buddhisme. Dalam kajian tersebut, Hazlin mengkaji kesan falsafah Buddhisme Zen dalam adat minum teh dalam kalangan masyarakat Jepun. Dalam bab tiga beliau membawa perbincangan asal-muasal mazhab Zen dalam Buddhisme. Walaubagaimanapun, beliau dilihat berpendapat bahawa keyakinan Buddhisme adalah berbentuk ateisme yang menolak kewujudan tuhan.⁴³ Seterusnya beliau memetik daripada Ghazal Darussalam dengan mengatakan bahawa keyakinan Buddhisme berbentuk ateisme kerana tumpuan Buddhisme hanyalah berkisar kepada aspek etika dan ajaran-ajaran moral.⁴⁴ Persepsi beliau dikukuhkan dalam tumpuan perbincangan tentang doktrin Buddhisme berkenaan Lapan Jalan Kebenaran dan Empat Kebenaran Agung yang menyerlahkan aspek etika dan moral semata, tanpa penegasan bab kepercayaan tuhan. Ajaran Buddhisme tersebut adalah:

1. Lapan Jalan Kebenaran
 - i. Pertuturan yang betul

⁴³ Hazlin Khadir @ Shahar (2005) *Pengaruh Falsafah Buddhisme Zen terhadap adat minum teh (Chanoyu) dalam Peradaban Jepun*, Disertasi (MA) Sarjana Pengajian Peradaban, Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaya, 98.

⁴⁴ Dipetik daripada Hazlin, 98. Lihat Ghazal Darussalam, *Tamadun Islam dan Tamadun Asia* (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors San. Bhd., 2001), 167.

- ii. Perbuatan yang betul
- iii. Pekerjaan yang betul
- iv. Usaha yang betul
- v. Kesedaran yang betul
- vi. Tumpuan yang betul
- vii. Pandangan yang betul
- viii. Fikiran yang betul

2. Empat Kebenaran Agung

- i. Kebenaran tentang adanya Dukkha (*Dukkha*)
- ii. Kebenaran tentang adanya sebab Dukkha (*Dukkha Samudaya*)
- iii. Kebenaran tentang lenyapnya Dukkha (*Dukkha Nirodha*)
- iv. Kebenaran tentang jalan berunsur menuju akhir Dukkha (*Dukkha Nirodha Gamini Patipada Magga*).

Berbeza dengan kajian oleh Ley Fey Ching, beliau meletakkan konsep ketuhanan dalam Buddhisme sebagai politisme. Persepsi kajian beliau menekankan bahawa konsep ketuhanan dalam Buddhisme berbentuk politisme kerana wujudnya pelbagai corak sembahsan masyarakat Buddhisme yang mendedikasikan sembahsan mereka kepada ‘banyak’ tuhan dalam bentuk pelbagai patung berhala.⁴⁵

Selain itu, kajian sarjana oleh Norazlinda binti Zakaria juga membahaskan tentang konsep ketuhanan dan kewujudannya dalam Buddhisme.⁴⁶ Dalam kajian tersebut yang bersifat kajian sosial, pengkaji menggunakan *enumeretor* dengan memberi borang soal selidik kepada responden. Soalan kesepuluh dalam soalan Norazlinda, beliau mengemukakan soalan tentang kefahaman responden tentang

⁴⁵ Lihat tema yang seterusnya yang membincangkan “konsep sembahsan” menurut kajian Ley.

⁴⁶ Norazlinda Bt Zakaria (2006) *Pengaruh agama Buddha ke atas Masyarakat Islam di Semerak, Kelantan*, Disertasi (MA) Sarjana Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

konsep ketuhanan dan kewujudannya dalam Buddhisme kepada masyarakat Muslim di sekitar Semerak, Kelantan. Hasilnya, 15 peratus responden menjawab bahawa ajaran Buddhisme membincangkan konsep ketuhanan dan wujud tuhan, 5 peratus menjawab tiada manakala 80 peratus lagi tidak mengetahui status kewujudan tuhan. Ini juga menunjukkan ketidakjelasan masyarakat tentang konsep ketuhanan dalam ajaran tersebut. Selain itu, dalam soalan seterusnya, Norazlinda menyoal berkenaan kaitan tuhan dalam Buddhisme dengan Islam dan 100 peratus responden menyatakan bahawa ketiadaan-kaitan antara dua agama tersebut. Daripada jawapan tersebut, dapat difahami bahawa penafian masyarakat secara langsung tentang wujudnya hubungan tuhan antara Islam dan Buddha. Selain itu, walaupun masyarakat tidak jelas dengan konsep ketuhanan dalam Buddhisme akan tetapi mereka boleh menyatakan dengan pasti bahawa wujud jurang berbeza dalam keyakinan konsep ketuhanan dalam kedua-dua agama tersebut dan keyakinannya itu adalah secara *total*.

1.7.3 Kajian Konsep Ketuhanan dalam Sumber Buddhisme

Menurut Hazlin, terdapat tiga sumber utama dalam agama Buddha iaitu, (1) Khutbah-khutbah Gautama Buddha, (2) aturan kejadian dan (3) ajaran-ajaran Gautama Buddha. Dalam memahami sesuatu agama tidak dapat tidak kita perlu melihat sendiri kitab asal sesuatu agama tersebut. Hal ini kerana kebanyakan agama mempunyai tafsiran-tafsiran dan penambahan baru dalam sesuatu perkara berkaitan agama. Oleh itu pengkaji merasakan perlunya untuk melihat asas-asas agama dengan merujuk sumber utama tersebut demi mencari asal usul agama Buddha. Zakir Naik dalam tulisannya, *Concept of God in Major Religions* menyebut:

*“The concept of God espouse by a religion cannot be judged by merrly observing the practices of its followers. It is quite common for the followers of many religions to be ignorant of the concept of God in their scripture. It is therefore better to analyse the concept of god in any religion by referring to its holy scriptures”.*⁴⁷

Kajian oleh Rogayah Ester⁴⁸, membahagikan sub-topik ajaran Buddha kepada dua bahagian iaitu; (pertama) ajaran asal Gautama Buddha dan (kedua) penambahan dalam ajaran Buddha. Secara tekstualnya boleh dikatakan bahawa sememangnya terdapat kontradaksi antara ajaran asal dan ajaran terkemudian. Walaubagaimanapun, penulis secara peribadi melihat kurangnya kajian di peringkat universiti secara kajian ‘*kitab*’ dengan melihat secara terus kepada kitab asal ajaran Buddha ini. Walaubagaimanapun, kajian oleh beberapa tokoh perbandingan agama seperti Zakir Naik membincangkan perkara ini secara khusus.⁴⁹ Antara penegasannya bahawa masyarakat Buddhisme telah tidak mengikuti ajaran dan *dharma* Buddha sepertimana yang termaktub dalam kitab sucinya. Sebaliknya, masyarakat mulai mencampuradukkan antara agama dan budaya serta pemahaman tafsiran mereka tanpa merujuk sumber asal agama.

1.7.4 Kajian Konsep Sembahan dalam Buddhisme

Dalam tema ini kajian oleh Ley Fey Ching ⁵⁰ didapati membahaskan mengenai sembahan yang dilakukan khusus di Tokong Guanyin Klang. Menurut Ley,

⁴⁷ Zakir Naik, *Concept of God in Major Religions* (t.t.p : Darussalam, 2007), 3.

⁴⁸ Rogayah Ester (1999) *Ajaran dan Kepercayaan Agama Buddha : Satu kajian Khusus terhadap Masyarakat Siam di Kelantan*, Disertasi (MA) Sarjana Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

⁴⁹ Lihat Zakir Naik, *Concept of God in Major Religions* (t.t.p : Darussalam, 2007).

⁵⁰ Ley Fey Ching (2013) *Sejarah Perkembangan Tokong Guanyin Klang dan Komuniti Cina Tempatan*, Disertasi (MA) Sarjana, Jabatan Pengajian Tionghoa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

masyarakat Cina Buddha di Malaysia mempercayai konsep politeisme dengan menyembah pelbagai dewa yang dipercayai mampu memenuhi keperluan kehidupan. Ia berbeza dengan monoteisme yang hanya menyembah satu tuhan. Walaubagaimanapun menurut beliau, walaupun berbeza dari segi jumlah, yang penting adalah wujud persamaan dalam kalangan penganut agama iaitu mempercayai bahawa yang dipuja dan disembah adalah sesuatu yang luar biasa sehingga penganut sanggup melutut sebagai bukti sembah kepada para dewa supaya dapat memberi bekas dalam kehidupan mereka. Dalam kajian tersebut, Ley menyatakan bahawa masyarakat Cina Buddha di Malaysia kebanyakannya menyembah dewa-dewa dari China dan dewa-dewi yang dipercayai oleh masyarakat Cina tempatan. Selain 6 dewa-dewi tetap dalam kepercayaan masyarakat Cina tempatan yang mereka sembah iaitu Zhanggong, Shengjun, Taisui, Dewa Hitam dan Dewa Putih, Tud Gong, Mazu, Dabu Gong dan dewi utama adalah patung Bodhisattva Guanyin yang dibawa masuk oleh migran Cina suatu ketika dahulu yang dikenal sebagai 'Dewi belas kasihan' dan ditempatkan di tokong Guanyin Klang.

Dalam rumusan Ley, beliau telah menyamakan dewa dalam sembah masyarakat Buddhisme dengan tuhan yang disembah oleh Islam dan Kristian. Seterusnya sekali lagi beliau tekankan bahawa tuhan dalam Buddhisme ini bersifat politeisme dan wujud unsur sinkretisme. Ini kerana kajian beliau yang bersifat sosial ini menjelaskan dalam konsep kepercayaan kepada tuhan di peringkat awalnya hanya etnik dan dialek tertentu menyembah dewa dan dewi yang tertentu sahaja. Sebagai contoh, dewa Zhanggong Shenjun hanya disembah oleh puak Hokkien dialek Eng Choon dan beberapa dewa-tuhan lain yang turut menjadi kepercayaan

dalam kepercayaan masyarakat Cina yang menganuti ajaran nenek moyang. Ia memperlihatkan ketidakseragaman keyakinan dalam konsep ketuhanan dalam kalangan masyarakat Cina. Akhirnya, kepercayaan kepada dewa dan dewi yang pelbagai ini dapat disatukan dan diterima oleh para penganut Buddhisme yang lain apabila masyarakat asal ajaran nenek moyang membawa kepercayaan mereka ke dalam ajaran Buddhisme. Hasilnya, para penganut Buddhisme menyembah lebih dari satu dewa dan dewi dan sinkritisme berlaku dalam sembahen masyarakat Buddhisme dan Cina anutan nenek moyang sehingga mencetuskan konsep sembahen tuhan dalam Buddhisme adalah berbentuk politisme.

Selain itu, kajian oleh Shirley⁵¹ lebih tertumpu kepada amalan-amalan masyarakat Singapura yang mengamalkan dan membayangi bahawa sami Thai sebagai pusat kehebatan ritual (*center of ritual power*). Kehebatan yang dimaksudkan adalah dalam menghasilkan produk azimat. Dalam kajian ini, Shirley Yee melihat kepada pertambahan dan penularan penggunaan dan penjualan produk azimat yang dihasilkan oleh sami Thai. Pada asasnya, penghasilan azimat tersebut hanya sebagai '*reminder of the Buddha*' dan dalam masa yang sama sebagai hadiah kepada penyumbang kepada pembangunan Kuil Thai Buddha. Tetapi akhirnya disalahgunakan oleh individu tertentu dengan menjual semula kepada masyarakat sebagai satu perniagaan. Seterusnya diyakini oleh masyarakat sebagai azimat yang boleh membawa kepada kehebatan dalam kehidupan terutama dalam mendepani kehidupan dalam negara Singapura yang moden. Memiripi kajian ini, Ley juga ada membahaskan tentang azimat yang dihasilkan oleh sami. Walaubagaimanapun, Tokong Guanyin Klang secara terbuka membuat jualan azimat oleh pihak tokong

⁵¹ Shirley Yee Meng Sam (1992) *Thai Buddhist Cosmology and Its Influence in Singapore*, Disertasi (MA) Sarjana Sains Sosial, Universiti Kebangsaan Singapura.

sendiri. Selain itu, lebih menarik di Tokong Guanyin Klang adalah pihak tokong membuat kaedah “bayar sahaja” kepada masyarakat yang membenarkan masyarakat untuk tidak lagi perlu datang membuat ritual sembah di tokong.⁵² Ia memberikan satu persepsi berbeza dalam kepercayaan kepada tuhan dalam ajaran Buddhisme.

Selain itu, Riduan Tee menyebut bahawa pengamalan penyembahan pelbagai berhala-tuhan oleh masyarakat Buddha hari ini adalah taklid membabi buta umat yang telah menyimpang daripada ajaran Gautama Buddha. Menurutnya, ajaran Gautama Buddha hanyalah berkisar kepada seruan manusia agar melakukan kebaikan dan Gautama tidak pernah mengajar menyembah berhala. Seterusnya beliau mencadangkan untuk membuat kajian lanjut “Buddha sebagai salah seorang daripada ribuan Nabi”⁵³ supaya persoalan tersebut dapat diyakini secara ilmiah.

1.8 Metodologi Kajian

Metodologi atau sinonimnya disebut kaedah secara etimologinya berasal daripada gabungan dua perkataan kata Yunani iaitu “*methodos*” yang bermaksud cara atau jalan dan “*logos*” yang bererti ilmu. Hasil gabungan kedua perkataan ini membawa pengertian ‘metodologi’ sebagai suatu ilmu tentang cara dan jalan terhadap suatu penelitian.⁵⁴ Dengan kata lain metodologi boleh didefinisikan sebagai cara atau jalan bagi memahami sesuatu perkara yang berkaitan dengan ilmu yang hendak dikaji.⁵⁵ Menurut Mahdzan Ayob,

⁵² Ley Fey Ching (2013) *Sejarah Perkembangan Tokong Guanyin Klang dan Komuniti Cina Tempatan*, iv.

⁵³ Mohd Ridhuan Tee Abdullah, *Asas-Asas Ajaran Buddha Sebagai Perbandingan Agama*, Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Krisis Murtad, anjuran Persatuan Ulama’ Malaysia Cawangan Selangor (PUMCS), Persatuan Pegawai Syariah Malaysia (PPSM) dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 30 Mei 2009, bertempat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

⁵⁴ Imam Barnadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta : Yayasan FIK-IKIP, 1982), 51.

⁵⁵ Koentjaraningrat, *Metode-metode Penelitian Masyarakat* (Jakarta : PT Gramedia, 1977), 16.

metodologi ditetapkan sebagai langkah atau prosedur untuk mencapai segala objektif yang mana aktiviti kajiannya sudah tentu dijalankan mengikut kaedah sains.⁵⁶

Kajian atau penyelidikan adalah suatu kegiatan pengumpulan, pengolahan dan analisis data. Setiap kajian memerlukan suatu kaedah yang sistematik, cekap dan tersusun untuk memecahkan sesuatu persoalan. Penyelidikan menurut Tuckman adalah sebagai suatu usaha yang sistematik untuk mendapat jawapan kepada sesuatu masalah.⁵⁷ Penyelidikan juga bermaksud sesuatu yang dijalankan sama ada untuk mengetahui apa yang sedang, telah dan akan berlaku bagi menambah pengetahuan.⁵⁸ Kajian bertujuan untuk memperoleh jawapan melalui penggunaan suatu langkah atau metodologi ilmiah yang sistematik dan saintifik.⁵⁹ Oleh itu, penyelidikan adalah suatu kegiatan sistematik untuk mencapai jawapan bagi persoalan tanpa mengira waktu kajian berlaku.

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan beberapa kaedah iaitu :

1. Metode Pengumpulan Data
2. Metode Analisis Data

1.8.1 Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data adalah kaedah bagaimana pengkaji dapat mengumpulkan segala data berkaitan kajian. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan dalam metode ini. Antaranya:

⁵⁶ Ahmad Mahdzan Ayob, *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983), 44.

⁵⁷ Dipetik daripada Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori dan Praktis* (Serdang : UPM, 2000), 2.

⁵⁸ Mohd Syafie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan* (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991), Ed. 2, 12.

⁵⁹ J. Supranto, *Teori dan Aplikasi* (Jakarta : Penerbit Erlangga, 1986), 7.

1.8.1.1 Kajian Perpustakaan

Dalam metode ini, pengkaji menggunakan data daripada bahan bacaan di beberapa perpustakaan. Ini kerana, pengkajian keagamaan memerlukan kepada kaedah eksploratif⁶⁰ data sesuatu agama maka perpustakaan adalah tempat yang sedia maklum sebagai tempat perbendaharaan data-data dan ilmu-ilmu. Metode ini digunakan terutama dalam bab dua dan bab tiga yang dikhususkan untuk data agama merangkumi konsep kajian daripada agama Islam dan Buddhisme. Antara perpustakaan yang dimanfaatkan pengkaji ialah:

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
2. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
3. Perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya
4. Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
5. Perpustakaan Negara Malaysia.

1.8.1.1.1 Historis

Metode ini merupakan kaedah ilmiah yang boleh diambil untuk memahami kajian yang dilakukan. Hal ini kerana sesuatu masalah timbul dengan berentetan dengan maksud, kaedah historis akan digunakan dengan melihat masalah-masalah pengkajian melalui proses sejarah yang berlaku. Dalam kajian ini pengkaji dapat membuat pembinaan teori dalam bab tiga terhadap fenomena masa lampau yang berkait pola beragama yang berkait dengan politik, sosial, ekonomi dan budaya dalam Buddhisme.⁶¹ Data diambil mengikut fakta sejarah yang mempunyai kronologi-kronologi tertentu dan diyakini absah.

⁶⁰ U. Maman Kh., *Metodologi Penelitian Agama Teori dan Praktik* (Jakarta : PT RajaGrafindo Persada, 2005), 27.

⁶¹ U. Maman Kh., *Metodologi Penelitian Agama Teori dan Praktik* (Jakarta : PT RajaGrafindo Persada, 2005), 27.

1.8.1.1.2 Dokumentasi

Metode ini pula merupakan cara pengumpulan data dengan melakukan penyelidikan terhadap dokumen-dokumen yang dikaji. Dokumen tersebut mempunyai kaitan dengan masalah yang dikaji di dalam bab dua dan bab tiga. Dokumen bermaksud benda bertulis dan bercetak⁶² yang dapat memberi pelbagai keterangan seperti gambar, autobiografi, surat-surat peribadi, buku laporan, dokumen dan sebagainya. Metode ini diguna untuk memperoleh fakta yang berkaitan dengan kajian. Antara dokumen yang digunakan oleh pengkaji dalam menyiapkan penyelidikan ini adalah dari tesis doktor falsafah (PhD), disertasi sarjana (MA), artikel, jurnal, buku, majalah, keratan akhbar dan lain-lain lagi yang bersesuaian dengan kajian.

1.8.1.2 Kajian Lapangan

1.8.1.2.1 Temu Bual

Dalam mendapatkan data kajian lebih rinci, pengkaji juga menggunakan kaedah temu bual. Temu bual ini adalah sokongan kepada data-data perpustakaan. Dalam temu bual, soalan dikemukakan separa struktur iaitu responden disoal beberapa soalan yang digariskan dan kemudian disoal beberapa soalan tambahan hasil daripada maklumat temubual. Soalan asas temubual turut mendapat validity daripada penyelia dan pakar bidang dialog antara agama dan perbandingan agama antaranya Dr Alwani Ghazali dan Dr Nur Farhana Abdul Rahman.

Metode ini berjalan dalam bentuk *verbal*. Temubual secara *verbal* dan bersemuka yang dirangka dan dilaksanakan dengan terancang dapat menghasilkan kadar gerak balas

⁶² Noresah Baharom, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), Ed. 4, 360.

antara 80 hingga 85 peratus daripada responden.⁶³ Data ini digunakan dalam bab 4 untuk menganalisis keseirangan kefahaman responden dengan data dalam bab tiga. Dalam metode ini, pengkaji memilih beberapa tokoh yang berautoriti dalam penyelidikan ini antaranya :

1. Cik Loh Pai Ling – Presiden, Buddha Missionary Society Malaysia (BMSM), Shah Alam.
2. Cik Xian Kai, Ketua Pentadbir, Malaysian Buddhist Institute (MBI), Pulau Pinang.
3. Encik Zong Ping – Timbalan Presiden, Young Buddhist Association of Malaysia (YBAM), Kelana Jaya.

Untuk justifikasi, pemilihan dibuat atas dasar tertentu yang menjadikan ketiga-tiga informan ini dimasukkan di dalam senarai pilihan. Cik Loh Pai Ling antaranya dipilih kerana keterlibatan beliau dengan pelbagai jawatan dan antaranya *Commitee Chairman* bagi *Interfaith Dialog World Fellowship of Buddhist* di peringkat antarabangsa. Selain itu, di peringkat kebangsaan, beliau adalah antara ahli jawatankuasa mempromosikan persefahaman dan keharmonian antara penganut agama yang dilantik oleh kabinet menteri, selain beliau banyak melibatkan diri dengan dialog-dialog antara agama. Perkara ini menunjukkan bahawa keterlibatan tersebut menjadikan beliau telah diangkat sebagai wakil Buddhisme yang cukup memahami ajaran Buddha.

Selain itu, En. Zong Ping yang merupakan antara sami muda yang banyak terlibat dalam pembangunan masyarakat Buddha di peringkat anak muda sesuai dengan status yang beliau duduki iaitu Young Buddhist Association of Malaysia (YBAM). Sebelum menabur bakti di persatuan ini, beliau telah mendalami ajaran Buddha di pelbagai negara seperti Taiwan, Nepal, Tibet dan India.

⁶³ Syed Arabi Adid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992).

Manakala En. Xian Kai, pemilihannya dibuat adalah berdasarkan kepada jawatan di institusi tersebut yang beliau sandang iaitu Malaysian Buddhist Institute (MBI). Intitusi ini adalah salah satu institusi pendidikan tinggi bagi Buddhisme yang menyediakan latihan dalam menghasilkan *sangha* dalam aliran Mahayana. Intitusi ini telah ditubuhkan sejak 1969 sebagai sebuah sekolah untuk memberi pendidikan akademik secara rasmi kepada masyarakat Buddhisme. En. Xian Kai adalah seorang ahli akademik Buddhisme yang bertanggungjawab memberi latihan berhubung ajaran Buddhisme kepada masyarakat.

1.8.2 Metode Analisis Data

Selepas semua data yang bersesuaian diperolehi, seterusnya diproses dan dianalisis. Penganalisaan bertujuan untuk memerihalkan data kajian dengan memproses, menyusun, mengatur atau meringkaskan data mentah tersebut.⁶⁴ Keseluruhan metode ini digunakan dalam bab empat kajian ini dalam menganalisis data bab-bab sebelum ini. Dalam metode ini penyelidik menggunakan beberapa kaedah dalam menganalisis data antaranya :

1.8.2.1 Induktif

Metode induktif adalah salah satu kaedah dalam menganalisis data. Analisis data dengan menggunakan metode induktif adalah proses taakulan dengan membawa fakta-fakta dan contoh-contoh kemudian dirumuskan atau mengeneralisasikan. Ini bertujuan untuk mencari kesimpulan dari hal-hal yang khusus daripada fakta dan contoh dibawa kepada kesimpulan yang umum.⁶⁵ Dalam memberikan kesimpulan bahawa Buddhisme adalah agama yang

⁶⁴ Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan* (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors, 2005), 66.

⁶⁵ Imam Barnadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta : Yayasan FIK-IKIP, 1982), 51.

mempunyai ritual yang memperlihatkan secara khusus bahawa di setiap tokong dan persatuan, wujudnya patung Buddha untuk dijadikan alat sembah masyarakat. Oleh itu, umumnya bentuk ritual adalah mekanisma bagi setiap masyarakat Buddhisme untuk mentaati Buddha. Sekaligus menjelaskan bahawa ajaran Buddhisme turut mengangkat Buddha sebagai tuhan dan konsep ketuhanan adalah wujud dalam ajaran ini.

1.8.2.2 Deduktif

Metode deduktif pula adalah cara menganalisis data dan melakukan penyelidikan berdasarkan pola berfikir bagi mencari bukti dengan menggunakan fakta-fakta dan dalil-dalil yang bersifat umum terhadap dalil-dalil khusus. Metode ini digunakan dalam bab dua, tiga dan empat dalam kajian ini. Di sinilah data yang bersifat umum tersebut akan digunakan sebagai pembuktian untuk menghasilkan data yang lebih khusus.

1.8.2.3 Komparatif

Metode komparatif digunakan untuk membuat kesimpulan dengan membandingkan data, fakta dan pendapat yang diperolehi semasa melaksanakan kajian dan penelitian. Pembandingan ini adalah bertujuan untuk mencari persamaan dan perbezaan antara dua unsur atau lebih yang serupa dengan cara komparatif. Kajian ini khususnya yang merupakan studi komparatif, pengkaji menggunakan kaedah tersebut dalam membandingkan data temu bual dan semua dapatan kajian bagi melihat sejauh mana keselarasan fakta dan teori dengan pengamalan beragama dalam kajian berkenaan Buddhisme. Selain itu, sebagai mendapatkan pandangan Islam terhadap konsep ketuhanan

dalam Buddhisme maka metode ini juga digunakan secara rinci dalam membuat komparatif antara kedua-dua konsep ketuhanan menurut Buddhisme dan Islam.

Universiti Malaya

BAB DUA

KONSEP KETUHANAN MENURUT PERSPEKTIF BERAGAMA

2.1 Pengenalan

Bab dua membahaskan konsep ketuhanan menurut perspektif beragama. Di dalam perbahasan ini, dibincangkan berkenaan hakikat kewujudan tuhan dalam beragama merangkumi faktor dan kepentingan. Dalam beragama juga, epistemologi doktrinal turut dibahaskan bagi menjelaskan metodologi masyarakat yang beragama. Islam yang berteraskan sumber al-Quran dan hadith telah mendasari epistemologi doktrin ketuhanan yang konkrit. Pengkaji mengfokuskan kepada asas yang ada pada Islam yang menjadi nilai dalam perbincangan konsep ketuhanan di dalam Buddhisme. Seterusnya, konsep sembah di dalam Islam turut dibincangkan bagi melestarikan konsep wujud Allah yang esa.

2.2 Konsep Ketuhanan dalam Beragama

Persoalan ketuhanan merupakan polemik yang sangat besar dalam perbahasan ketamadunan manusia bahkan terus dibincangkan kerana akal akan sentiasa mentaakul dan memikir. Secara statistik, manusia beragama yang meliputi pelbagai agama berjumlah 84 peratus daripada penduduk dunia manakala selebihnya 16 peratus adalah daripada golongan tidak beragama (ateis, agnotis dan sekular *humanis*).⁶⁶ Dari segi jumlah ini, dapat disimpulkan bahawa kepentingannya

⁶⁶ Major Religions of The World Ranked by Number of Adherents, adherents.com, diakses pada 10 Januari 2018. Lihat juga Conrad Hackett dan David McLendon, 2017, Christians remain world's largest religious group, but they

sangat tinggi dan dapat dimanfaatkan oleh hampir 5.967 juta penduduk dunia.⁶⁷ Bermula dari zaman primitif pelbagai bukti arkeologi ditemukan bagi menggambarkan bahawa kehidupan beragama sudah sinonim dengan umat manusia.

Secara antropologi, agama merupakan set peraturan yang mengatur hubungan manusia dengan kuasa ghaib khususnya tuhan.⁶⁸ Dalam beragama ini, pelbagai faktor yang menarik untuk dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Antaranya adalah faktor keselamatan yang berperanan dalam memberi jaminan ‘selamat’ dan percaya bahawa ada kuasa agung menjaganya. Kuasa ini telah diletakkan sebagai tempat mengadu, meminta pertolongan dan perlindungan. Selain itu faktor keselamatan selepas kematian juga adalah faktor besar dalam agama bagi menjanjikan kesejahteraan pengikut sesuatu agama sehinggakan mereka patuh dengan tunjuk ajar aturan mengikut doktrin masing-masing. Selain itu, agama juga adalah sebagai memberi jawapan kepada persoalan kehidupan yang kompleks. Hakikat kehidupan merangkumi manusia, alam sekitar dan alam ghaib kadangkala tidak terjangkau dalam pemikiran telah dijawab dengan ajaran agama. Faktor beragama yang lain juga adalah berpunca daripada warisan kebudayaan. Faktor ini secara hakikatnya merupakan faktor terbesar sebab manusia menganut sesuatu agama. Kebiasaanya, seseorang individu mengikuti agama yang dianuti oleh keluarganya dan kemudian secara turun temurun diikuti oleh generasi ke generasi lain. Selain hubungan yang bersifat horizontal tersebut, elemen persaudaraan (vertikal) juga menjadi faktor agama diminati kerana sebahagian manusia melihat bahawa agama menjadi menguat tali persaudaraan. Faktor ini

are declining in Europe, Pew Research Center, <http://www.pewresearch.org/fact-tank/2017/04/05/christians-remain-worlds-largest-religious-group-but-they-are-declining-in-europe/>, diakses pada 10 Januari 2018,

⁶⁷ *Ibid.*, Major Religions of The World Ranked by Number of Adherents, adherents.com, diakses pada 10 Januari 2018.

⁶⁸ Shamsul Amri, *Modul Hubungan Etnik* (Bangi : Institut Kajian Etnik, UKM, 2012), Ed. 2, 146.

mengeratkan perhubungan antara manusia segajati melewati suku, kaum, ras, bangsa dan negara.⁶⁹

Agama yang didefinisikan sebagai kepercayaan dan penyembahan kepada suatu kuasa yang menguasai, samada kepercayaan kepada Tuhan esa atau bersifat pluralistik.⁷⁰ Selain itu, Noresah juga memberikan takrifan agama sebagai kepercayaan kepada sesuatu dewa dan lain-lain yang dipuja dan dianggap sesuatu yang berkuasa.⁷¹ Dengan lebih terperinci, John Hick memberikan pentakrifan bahawa agama adalah pengiktirafan manusia tentang wujudnya suatu kuasa ghaib yang mengawal terutamanya konsep ketuhanan yang bersifat satu atau dewa-dewa. Selain itu, beliau juga membuat tafsiran agama sebagai bersifat psikologikal iaitu berkait dengan pengalaman jiwa iaitu perasaan, amalan dan pengalaman individu dalam diri mereka dan sejauh mana mereka berfikir tentang kedudukan dan hubungan diri dengan apa yang dikira berhubungan dengan tuhan atau sifatnya. Secara sosiologi pula, John Hick mentakrifkan agama sebagai satu susunan kepercayaan, amalan dan institusi melibatkan manusia dalam pelbagai masyarakat. Selain itu, dari segi keagamaan, beliau memetik kata Herber Spencer dengan mentakrifkan sebagai “pengiktirafan bahawa semua yang ada adalah manifestasi sesuatu kuasa yang mengatasi ilmu pengetahuan kita.”⁷² Secara terperinci, pendefinisian ini dapat dipecahkan kepada dua sudut iaitu substantif dan fungsional. Sudut pertama yang menitikberatkan tentang bentuk dan praktik dalam agama dan kedua melihat tentang fungsi dan tujuan untuk beragama.⁷³ Secara holistik, pendefinisian agama tidak akan jauh dan lari daripada kepercayaan kepada suatu entiti lain yang dijadikan sebagai tempat kebergantungan manusia. Kemudian doktrin ini tidak boleh terlepas

⁶⁹ Shamsul Amri, *Modul Hubungan Etnik* (Bangi : Institut Kajian Etnik, UKM, 2012), Ed. 2, 146-147.

⁷⁰ <https://en.oxforddictionaries.com/definition/religion>

⁷¹ Noresah Baharom, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), Ed. 4, 1098.

⁷² John. H. Hick, *Philosophy of Religion* (Engledwood Cliffs, NJ : Prentice Hall, 1990), Ed. 4, 2.

⁷³ *Ibid.*, Shamsul Amri, *Modul Hubungan Etnik* (Bangi : Institut Kajian Etnik, UKM, 2012), Ed. 2, 146.

kepada suatu epistemologi yang konkrit untuk dipegang dan ianya sesuatu yang tidak dicapai oleh akal pemikiran.

2.3 Epistemologi dalam Beragama

Dalam *neutral* teologi, agama dibentuk oleh pengalaman seharian dan proses penaakulan secara berfikir manakala satu pihak lain, agama dibentuk oleh suatu kitab suci atau wahyu dan dijadikan dasar teologi.⁷⁴ Dalam Islam, nas al-Quran dan hadith menggariskan dasar perbahasan ini dan akal pula berfungsi di bawah kawalan dan pengkhidmatan kepada nas. Sekiranya agama sebagai panduan, tidak dapat menyediakan sumber carian kepada permasalahan ini, maka semestinya manusia akan menjadikan akal sebagai hakim dalam menentukan hakikat tuhan menurut kajian dan pengamatannya sendiri.⁷⁵ Akal tidak boleh dibiarkan bebas memikirkan suatu permasalahan yang begitu kompleks melainkan perlunya suatu pedoman wahyu sebagai panduan. Walaupun Islam dikatakan sebagai agama yang diterima oleh akal yang rasional, namun perlu diingatkan bahawa Islam bukannya menuruti akal.⁷⁶ Dalam pengurusan proses pentaakulan, Islam mengajarkan untuk berfikir seluas mungkin dan dalam masa yang sama keperluan untuk mengkhidmati wahyu adalah suatu kemestian. Wahyu hakikatnya melebihi paras kemampuan akal dan tidak ada suatupun usul yang tidak diterima akal, akan tetapi akallah yang tidak dapat mencapainya. Justeru, hubungan dua sumber ilmu ini perlu digabungkan agar dapat menyisihkan kejahilan, syak wasangka dan keraguan yang berada dalam benak fikiran manusia. Pemurnian

⁷⁴ Pembahagian agama dibahagikan kepada dua iaitu agama budaya (*al-ardi*) dan agama wahyu (*samawi*). Lihat *Qishah al-Aqaid bain al-Samai wa al-Ard* (Kaherah : Dar al-Nahdhah al-Arabiyah, tt), 128. Lihat juga Ahmad Abdullah al-Masdoosi, *Living Religions of the World: A Socio Political Study*, terj. Zafar Ishaq Anshari (Karachi : Begum Aisha Bawany wakf, 1962), 10.

⁷⁵ Fakhrudin Abd. Mukhti, *Isu Ketuhanan dalam Bicara Falsafah*, Jurnal Usuluddin 09.1999, 40.

⁷⁶ Ali, S., Shahriman, S. (2012) *Pemikiran al-Juwayni Tentang Ketuhanan : Terjemahan dan Analisis Bahagian al-Ilahiyyat, Kitab Luma' al-Adillah*. Disertasi (MA) Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1.

wahyu oleh akal akhirnya dapat menjalin hubungan antara keduanya tanpa menyisihkan peranan masing-masing.

Adapun *neutral* teologi yang bersifat bebas, ianya mungkin dapat dibentuk dengan pelbagai latarbelakang individu dan masyarakat. Pengalaman individu yang pelbagai bakal mencipta suatu dapatan yang berbagai.⁷⁷ Proses pentaakulan sendiri dengan latarbelakang sendiri tanpa panduan menghasilkan dapatan sekadar perindividu semata-mata. Kemudian jika dapatan tersebut dikongsi, mungkin akan berlaku perubahan setelah akal lain pula yang melakukan proses taakulan seterusnya. Tanpa panduan yang konkrit, pastinya perubahan demi perubahan bakal berlaku. Begitulah berlaku dalam perbincangan antologi beragama, masyarakat akan terus melakukan proses taakulan dengan sendiri dengan doktrin rapuh yang ada demi menjawab pertanyaan yang timbul. Secara bahasanya, epistemologi pihak kedua ini diambil daripada sumber ilham. Iaitu dapatan daripada proses-proses yang terhasil daripada taakulan sendiri yang disebutkan.⁷⁸

2.3.1 Wahyu dan Ilham

Seperti yang dikatakan, Islam sangat menitikberatkan asas teologi dengan menggunakan sumber epistemologi ilmu yang autentik dalam merencanakan doktrin yang konkrit. Manusia secara umumnya berlatarbelakangkan pelbagai ras dan budaya sudah pasti mempunyai pengaruh suasana yang berbeza dalam aktiviti seharian. Namun, dengan wahyu, ia tidak terpengaruh oleh apapun dan keistimewaannya adalah boleh berasimilasi dengan kepelbagaian tersebut kerana sifatnya yang universal. Islam dengan tegas telah mengambil doktrin ajaran melalui panduan wahyu. Wahyu yang berasal dari kata arab yang bererti pemberitahuan Allah S.W.T. kepada

⁷⁷ Agama juga disebut sebagai yang dimulai oleh interpretasi pengalaman dengan percubaan memberikan makna hidup tentang apa yang berlaku. Lihat Mel Thomson, *Understand The Philosophy of Religion* (UK : Teach Yourself, 2010), 1.

⁷⁸ Lihat perbincangan seterusnya pada halaman 38.

seorang nabi tentang berita-berita ghaib, syariat dan hukum-hukum tertentu.⁷⁹ Noresah juga memberikan makna yang hampir mirip dengan mendefinisikan sebagai “kalam Allah yang dibacakan kepada nabi dan rasul yang disampaikan melalui malaikat ataupun jalan lain”.⁸⁰ Daripada pendefinisian ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat dua elemen penting yang perlu dicakna. Iaitu pertama ialah ianya merupakan suatu mesej dari Tuhan dan kedua kepada siapa diberikan; nabi. Wahyu secara pasti dan yakin merupakan mesej Tuhan dalam pelbagai bentuk dan penerima (nabi dan rasul). Al-Quran sebagai contoh, adalah mesej yang diberikan secara mutawatir melalui malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad S.A.W.⁸¹ Wahyu bagaimanapun secara khusus hanya dikaitkan dengan Islam sahaja. Selain wahyu dalam bentuk al-Quran, terdapat satu jenis hadith yang disebut sebagai “permaknaan daripada Allah S.W.T. dan lafaz daripada Nabi Muhammad S.A.W”. Hadith Qudsi juga merupakan mesej daripada Allah melalui ilham dan mimpi kemudian dikhabarkan oleh baginda nabi.⁸² Berbeza dengan hadith lain, makna dan lafaznya adalah daripada baginda nabi S.A.W. sendiri.⁸³

Berbeza dengan ilham yang merupakan suatu perasaan emosi yang diyakini oleh jiwa yang kerananya terdorong untuk melakukan berdasarkan kehendaknya oleh ilham tersebut tanpa disertai kesedaran jiwa dari mana datangnya, keadaan hampir sama dengan perasaan lapar, dahaga, sedih, dan tenang.⁸⁴ Ilham asasnya adalah hasil daripada perenungan kepada sesuatu permasalahan dan pencarian kepada penyelesaiannya. Kemudian secara sedar dapat merasakan suatu solusi namun secara tidak sedarnya tentang punca kedatangan solusi tersebut melainkan proses taakulan sendiri. Ilham tidak disandarkan kepada entiti asing sebagai sumber melainkan

⁷⁹ Ibrahim Madkur, *Al-Mu'jam al-Wasit*, 1061.

⁸⁰ Noresah Baharom, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), Ed. 4, 1722.

⁸¹ Al-Khatib, Muhammad Ajaj, *Usul al-Hadith* 'Ulumuh wa Mustalah (Beirut : Dar al-Fikr, 1989), 31.

⁸² Ahmad Muhammad al-Jurjani, *al-Ta'rifat* (Lubnan : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2013), 133.

⁸³ Al-Khatib, Muhammad Ajaj, *Usul al-Hadith* 'Ulumuh wa Mustalah (Beirut : Dar al-Fikr, 1989), 26.

⁸⁴ Rashid Ridha, *al-Wahy al-Muhammadi* (Amerika : al-Zahra' li al-I'lam al-Arabi, 1988), 44.

diri yang mendapat ilham tersebut. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa ilham yang diberikan dari tuhan kepada manusia berbentuk ilham *al-fitri* yang bersifat fitrah. Ia diilhamkan kepada manusia bahkan binatang tentang keadaan fitrah kemausiaan kebinatangan.⁸⁵ Akan tetapi, ilham seperti ini hanyalah bersifat naluri bagi kehidupan dalam menjalani aktiviti seharian. Berkenaan sumber dapatan wahyu dan ilham, keduanya terdapat perbezaan ketara. Wahyu secara sedar dapat diketahui bahawa datangnya dari tuhan samada dari perantaraan atau tidak.⁸⁶ Keyakinan tentang dari siapa mesej tersebut datang adalah pasti dan berbeza dengan ilham yang puncanya tidak dikenal pasti pangkalnya. Keyakinan wahyu adalah dari sesuatu yang lain dapat dibuktikan dengan peristiwa ketika nabi Muhammad mendapat wahyu pertama di Gua Hira'. Ketika sesuatu yang asing (malaikat) datang dengan memberi arahan dalam bentuk suara dan jisim, nabi telah dipeluk dalam ketakutan sebanyak tiga kali.⁸⁷ Ini membuktikan bahawa, bukan sekadar nabi sedar bahawa ada suara yang sedang berbicara dua hala dengannya, bahkan dengan yakin dengan pasti bahawa baginda telah dipeluk oleh malaikat untuk menyatakan bahawa baginda sedang berkomunikasi dengan interaksi secara aktif.

Keduanya, nabi dan rasul yang mendapat mesej tersebut adalah suatu yang pasti. Bukanlah meletakkan seseorang individu secara *zanni* seperti dakwaan segelintir pengkaji dengan meletakkan Buddha sebagai sebahagian daripada nabi. Secara komparatifnya, hakikat wahyu yang diterima oleh nabi dan yang diterima oleh Buddha adalah suatu perbezaan yang ketara.

⁸⁵ Ilham kemanusiaan boleh dilihat pada apa yang diilhamkan Allah kepada ibu nabi Musa untuk menyusukan bayinya seperti dinyatakan pada surah al-Khasas : 7. Manakala ilham fitrah kepada haiwan adalah seperti pada surah al-Nahl : 68, iaitu diilhamkan oleh Allah kepada lebah untuk membuat sarang di beberapa tempat yang selamat untuk diduduki. Lihat Manna' al-Qatthan, *Mabahis fi ilm al-Quran* (maktabah Wahbah : Kaherah, 2004), 34.

⁸⁶ Manna' al-Qatthan, *Mabahis fi ilm al-Quran* (maktabah Wahbah : Kaherah, 2004), 36.

⁸⁷ K.H. Moenawar Chalil, *Kelengkapan Tarikh Nabi Muhammad SAW* (Jakarta : Gema Insani Press, 2001), 152.

2.4.1 Konsep Ketuhanan dalam Islam

Perbincangan konsep ketuhanan⁸⁸ di dalam Islam secara khusus adalah topik utama perbincangan, sehinggakan persoalan ini merupakan asas yang paling penting mendasari agama Islam. Secara substantif pensabitan Allah sebagai yang esa bukan suatu mitos dan bukan suatu gambaran yang dicita-citakan dan juga bukan suatu simbol yang sentiasa berubah-ubah dalam akal manusiawi.⁸⁹ Pengkhabaran berhubung tuhan dalam Islam bersumberkan wahyu Allah yang disampaikan melalui Jibril kepada Rasul S.A.W. Ibn Kathir menegaskan di dalam tafsirnya mengenai berita berkaitan hakikat tuhan yang esa⁹⁰ dalam firman Allah, surah Muhammad ayat ke 19 :

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مُتَقَلَّبَكُمْ وَمَثْوَاكُمْ ﴿١٩﴾

19. Oleh itu, maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu (Wahai Muhammad) Bahawa Sesungguhnya tiada Tuhan Yang berhak disembah melainkan Allah, dan mintalah ampun kepadanya bagi salah silap Yang Engkau lakukan, dan bagi dosa-dosa orang-orang Yang beriman - lelaki dan perempuan; keadaan penetapan kamu (di Akhirat).⁹¹

Penegasan yang diberikan adalah suatu isyarat bahawa telah menjadi kefarduan bagi setiap individu untuk mengenali tuhan. Kata *i'lam* (عَلَّمَ) dalam ayat tersebut merupakan *fi'l al-amr* bermaksud arahan yang perlu dilaksanakan. Kenyataan ini didokong oleh ayat-ayat al-Qur'an

⁸⁸ Perkataan *ilah* adalah perkataan bahasa Arab yang bermaksud tuhan. Dalam *Lisan al-Arab*, Ibn Manzur memberikan makna ilah sebagai Allah S.W.T. Selain itu, segala sesuatu yang disembah oleh suatu golongan menurut kepercayaan mereka juga disebut sebagai ilah. Kata jamak bagi ilah adalah *alihah* yang bermaksud sesuatu yang ditumpukan peribadatan kepadanya. Kata ilahiyyat pula adalah kata masdar. Lihat Ibn manzur, 114.

⁸⁹ Syed M. Naquib al-Attas, *Tinjauan ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam* (Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2007), 2.

⁹⁰ Ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir* (Beirut : Dar al-Kutub al-'Alamiyah, 1971), surah Muhammad ayat 19.

⁹¹ Surah Muhammad 47:19.

yang lain. Terbukti al-Quran memberi panduan kepada umat manusia sebagai dalili kukuh untuk mempertahankan kepercayaan individu kepada tuhan. Firman Allah :

لَقَدْ أَرْسَلْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الصُّلُوفَ فَتَّبِعُوهُ مَنِ اهْتَدَىٰ إِلَى اللَّهِ وَمِنْكُمْ هَادٍ فَتَّبِعُوهُ لِيُزَيِّنَ بَيْنَ يَدَيْهِ لِقَاءَ رَبِّهِ إِنَّهُ لَا يُضِلُّ شَيْئًا وَلَٰكِنْ يَهْدِي مَن يَشَاءُ ۚ إِنَّهُ لَا يُؤْتِي السُّخْرَىٰ ۚ إِنَّهُ عَلِيمٌ ذُو الْبَرَاءَةِ ۚ
أَلَمْ تَرَ أَنَّا أَرْسَلْنَا ظُرُوفًا لِّأَيِّفَ كَانَ لِقَاءُ الْإِنسَانِ ۚ إِنَّهُ لَا يُخَذِّلُ شَيْئًا وَلَٰكِنْ يَهْدِي مَن يَشَاءُ ۚ إِنَّهُ لَا يُؤْتِي السُّخْرَىٰ ۚ إِنَّهُ عَلِيمٌ ذُو الْبَرَاءَةِ ۚ ٣٦

36. Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut. Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayat petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulnya.⁹²

Kebangkitan seorang rasul dalam setiap kumpulan masyarakat dan dalam setiap kurun adalah untuk menyeru pengibadatan kepada Allah S.W.T semata-mata dan dalam masa yang sama turut menegah pengibadatan kepada selain daripada Allah. Pengutusan risalah tauhid sebagai panduan kehidupan merupakan mesej yang sama dibawa oleh setiap rasul bermula daripada zaman Nabi Adam sehingga zaman Nabi Muhammad S.A.W. Firman Allah S.W.T :

وَمَا أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِي إِلَيْهِ أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الصُّلُوفَ ۚ إِنَّهُ لَا يُؤْتِي السُّخْرَىٰ ۚ إِنَّهُ عَلِيمٌ ذُو الْبَرَاءَةِ ۚ ٢٥

⁹² Surah al-Nahl 16:36.

25. Dan Kami tidak mengutus sebelummu (wahai Muhammad) seseorang Rasul pun melainkan Kami wahyukan kepadanya: Bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Aku, oleh itu beribadatlah kamu kepadaKu.⁹³

Dan firmanNya :

وَسَأَلْ مَنْ أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مَنْ رُسُلُنَا أَجِئْنَا مِنْ دُونِ الذَّلِيلِ مَنْ عَلَّاهُ فَيُخَيِّدُونَ ٤٥

45. Dan bertanyalah kepada umat mana-mana Rasul yang Kami telah utuskan sebelummu; pernahkah Kami memberi hukum menetapkan sebarang tuhan untuk disembah, selain dari Allah Yang Maha Pemurah.⁹⁴

Dan firmanNya :

إِذْ أَوَى الْفُلَيْيَةُ إِلَى آلِ لَهْفَقَالُوا وَيَقَا عَتَا مِنْ لَهْفِكَ رَحْمَةً وَيَطْلُقَا مَنْ أَلَمْنَا رَشَدًا ١٠

10. (Ingatkanlah peristiwa) ketika serombongan orang-orang muda pergi ke gua, lalu mereka berdoa: Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kami rahmat dari sisiMu dan berilah kemudahan-kemudahan serta pimpinan kepada kami untuk keselamatan agama kami.⁹⁵

Jelas bahawa syirik adalah ditegah. Ini kerana ternyata syirik merupakan perbuatan khianat makhluk kepada Allah yang tidak layak disekutukan dengan sesuatu yang diciptakannNya.⁹⁶

⁹³ Surah al-Anbiya' 21:25.

⁹⁴ Surah al-Zukhruf 43:45.

⁹⁵ Surah al-Kahf 18:10.

⁹⁶ Yusuf al-Qaradawi, *Pengertian Tauhid*, terj. Abdul Majid Abdullah (Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 2014), 48.

2.4.1 Konsep Kewujudan Tuhan dalam Islam

Pengenalan wujud tuhan dalam Islam dibincangkan dengan *jazam*. Islam menekankan identiti tuhan sebagai suatu *Zat* yang perlu disembah sebagai pengabdian kepada *Wajib al-Wujud* yang mencipta alam semesta. Ia bermaksud bahawa identiti *Zat Wajib al-Wujud* adalah jauh berbeza daripada ciptaanNya. Perihal ini menjadi jati diri Muslim yang meyakini keesaan Allah sebagaimana yang diwahyukan.⁹⁷ Al-Quran telah menjadikan indikator dalam membezakan *Khalik* dan makhluk sepertimana dalam firman Allah S.W.T:

فَاطْرُ السَّمٰوٰتِ وَٱلْأَرْضِ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لَّتَرْضَوْا۟ فِيهَا لَكُمْ مِّنْ كُلِّ شَيْءٍ وَهُوَ السَّمِيعُ
ٱلْبَصِيرُ ۝ ١١

11. Dialah yang menciptakan langit dan bumi; Dia menjadikan bagi kamu pasangan-pasangan dari jenis kamu sendiri dan menjadikan dari jenis binatang-binatang ternak pasangan-pasangan (bagi bintang-binatang itu); dengan jalan yang demikian dikembangkanNya (zuriat keturunan) kamu semua. Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya dan pentadbiranNya) dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.

Kesucian *Zat* yang Maha Agung dari menyerupai dari sesuatu dan mustahil bagi makhluk untuk setanding dan setara denganNya. Dalam mengenal hakikat tuhan, akal sudah pasti mempunyai kelemahan dalam menanggapi hakikat tuhan, bahkan mustahil.⁹⁸ Justeru, Islam melarang keras memikirkan hakikat *Zat* Allah. Sabda Nabi Muhammad S.A.W:

⁹⁷ Ali, S., Shahriman, S. (2012) Pemikiran al-Juwayni Tentang Ketuhanan : Terjemahan dan Analisis Bahagian al-Ilahiyyat, Kitab Luma' al-Adillah. Disertasi (MA) Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1.

⁹⁸ Sayyid Sabiq, *al-'Aqaid al-Islamiyyah*, terj. M. Abdai Rathomy (Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., 2002), 42.

“Berfikirilah kamu tentang ciptaan Allah dan janganlah kamu berfikir tentang Zat Allah”⁹⁹

Larangan yang jelas dari hadits ini adalah satu bentuk kawalan agar akal manusia tidak rosak hanya kerana memikirkan hakikat Zat Allah. Ini kerana akal manusia adalah sangat terbatas bahkan ilmu manusia yang dikurniakan Allah juga terbatas.

Asasnya, secara fitrah manusia memperakui kewujudan suatu kuasa hebat yang mencipta. Seterusnya fitrah manusia juga menyatakan keesaan suatu kuasa tersebut. Secara *natural* sekiranya berlaku sesuatu perkara, pastinya setiap insan akan memohon pertolongan daripada yang lebih berkuasa. Perihal ini dapat dilihat ketika manusia diuji dengan kesempitan, bencana atau bala. Secara automatik, manusia akan menadah tangan memohon pertolongan daripada Allah dengan penuh pengharapan dan keikhlasan. Pada ketika ini, permohonan doa tertumpu kepada Allah yang esa dan bukannya kepada tuhan-tuhan hasil daripada prasangka, kejahilan, nafsu dan kuasa alam sekitar sekalipun individu ini belum memahami konsep Allah yang esa.¹⁰⁰ Analogi ini digambarkan oleh Allah S.W.T mengenai suatu kaum yang berada pada waktu genting ketika kapalnya sedang karam. Firman Allah Taala:

هُوَ الَّذِي يُبْرِئُكُم مِّنَ الْيَمِّ وَلَئِنْ لَّمْ يَجْعَلِ اللَّهُ لَكُمْ آيَةً لَّا تُخَلِّصُونَ أَنفُسَكُمْ مِّنَ الْيَمِّ وَلَئِنْ لَّمْ يَجْعَلِ اللَّهُ لَكُمْ آيَةً لَّا تُخَلِّصُونَ أَنفُسَكُمْ مِّنَ الْيَمِّ وَلَئِنْ لَّمْ يَجْعَلِ اللَّهُ لَكُمْ آيَةً لَّا تُخَلِّصُونَ أَنفُسَكُمْ مِّنَ الْيَمِّ وَلَئِنْ لَّمْ يَجْعَلِ اللَّهُ لَكُمْ آيَةً لَّا تُخَلِّصُونَ أَنفُسَكُمْ مِّنَ الْيَمِّ

٢٢

22. Dialah yang menjalankan kamu di darat dan di laut (dengan diberi kemudahan menggunakan berbagai jenis kenderaan); sehingga apabila kamu berada di dalam

⁹⁹ Hadith riwayat Abu Nu’aim dari Ibnu Abbas. Lihat al-Hindi, ‘Ala’ al-Din Muttaqi bin Hisam al-Din, *Kanz al-Ummal ‘fi Sunan al-Af’al wa al-Aqwal* (Beirut : Muassasah al-Risalah, t.t), 3, 106.

¹⁰⁰ Yusuf al-Qaradawi, *Pengertian Tauhid*, terj. Abdul Majid Abdullah (Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 2014), 11.

bahtera dan bahtera itu pula bergerak laju membawa penumpang-penumpangannya dengan tiupan angin yang baik dan mereka pun bersukacita dengannya; tiba-tiba datanglah kepadanya angin ribut yang kencang dan mereka pula didatangi ombak menimpa dari segala penjuru, serta mereka percaya bahawa mereka diliputi oleh bahaya; pada saat itu mereka semua berdoa kepada Allah dengan mengikhlaskan kepercayaan mereka kepadaNya semata-mata (sambil merayu dengan berkata): Demi sesungguhnya! jika Engkau (Ya Allah) selamatkan kami dari bahaya ini, kami tetap menjadi orang-orang yang bersyukur.¹⁰¹

Contoh peristiwa ini menunjukkan bahawa seseorang yang ditimpa kesusahan akan memohon daripada satu kuasa agung tanpa dipaksa. Ketika itu, timbul suatu kepercayaan bahawa wujud suatu kuasa yang dapat memberi pertolongan kepada mereka.

Dalam usaha mengenal tuhan, kaedah utama yang sering dilantunkan adalah dengan melihat menggunakan akal fikiran kehebatan alam sekitar dan sekaligus menimbulkan kekaguman terhadap kehebatan Penciptanya.¹⁰² Firman Allah S.W.T :

قُلْ أَرَأَيْتُمْ مَا تَدْعُونَ ۖ إِنَّمَا تُدْعُونَ إِلَهُكُمْ آلِهَةً تُسَمُّوهُم بِأَسْمَاءٍ مَّا تَلْفَضُونَ ۚ وَتُصَوِّرُوهُمْ فِي رُءُوسِكُمْ ۚ وَإِنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا عَذَابًا دُونَ ذَلِكَ وَلَٰكِن لَّا تُدْرِكُهُمُ الْعَيْنُ وَهُوَ يُدْرِكُهُمْ ۚ وَهُوَ يُعْلِمُ سِرَّهُمْ وَنَجْوَاهُمْ ۚ ۝ ١٠١

101. Katakanlah (wahai Muhammad): Perhatikan dan fikirkanlah apa yang ada di langit dan di bumi dari segala kejadian yang menakjubkan, yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya). Dalam pada itu, segala tanda dan bukti (yang menunjukkan kekuasaan Allah) dan segala Rasul (yang menyampaikan perintah-

¹⁰¹ Surah Yunus 10:22.

¹⁰² Sayyid Sabiq, *al-'Aqid al-Islamiyyah*, terj. M. Abdai Rathomy (Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., 2002), 21.

perintah Allah dan memberi amaran), tidak akan memberi faedah kepada orang-orang yang tidak menaruh kepercayaan kepadanya.¹⁰³

Realitinya, ia adalah tugas akal untuk merencami, menilai, mengamati dan memikirkan. Kekuatan tersebut perlu dimanfaatkan tanpa dibazirkan.¹⁰⁴ Oleh itu, kaedah taklid semata tanpa perencaman dan perincian ilmu akan hanya menimbulkan kekeliruan.

Dalam al-Quran, kita boleh dapati pelbagai ayat yang mempersoalkan manusia yang adakalanya meragui kewujudan tuhan. Walaupun manusia juga wujud hakikatnya secara saintifik adalah diciptakan dan bukanlah bersifat wujud semulajadi.¹⁰⁵ Allah telah mempersoalkan peragu tentang kuasaNya untuk mencipta, firman Allah :

﴿يَسْأَلُكَ رُسُلُهُ مَا فَلَئِمَّا أَهْمُشْنَ لَقَدْ أَطْرَقَ السَّيْرُ مُمُوتٌ وَأَرْضٌ جِيدٌ عَوُكًا لَيُفْعِلَنَّ مِنْ قُبُورٍ أَوْ يُؤَخِّرُنَا إِلَىٰ أَجَلٍ مِّنْ مَّيِّ قَالُوا إِنَّا لَنَنظُرُكَ بِهَيْدُونِ أَن تَصُدُّنَا عَمَّا كَانُوا يَعْبُدُونَ قُلْ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ۝ ١٠﴾

10. Rasul-rasul mereka bertanya: Patutkah berlakunya sebarang keraguan tentang wujudnya Allah, yang menciptakan langit dan bumi? Dia menyeru kamu beriman kerana hendak membersihkan dan melepaskan kamu dari dosa-dosa kamu dan memberi tempoh kepada kamu hingga ke suatu masa yang tertentu. Mereka menjawab: Kamu tidak lain hanyalah manusia seperti kami. Kamu bertujuan hendak menyekat kami daripada menyembah apa yang telah disembah oleh datuk nenek kami. Oleh itu, bawalah kepada kami satu bukti yang jelas nyata.¹⁰⁶

Tuntasnya, akal yang sihat dan rasional tidak akan meragui bahawa alam ini mempunyai suatu Pencipta yang kuasaNya adalah bersifat mutlak. Jika unta betina mampu menunjukkan adanya unta jantan dan mengesan jejak bahawasanya adanya seseorang berjalan dengan jejak kaki di

¹⁰³ Surah Yunus 10:101.

¹⁰⁴ Sayyid Sabiq, *al-'Aqaid al-Islamiyyah*, terj. M. Abdai Rathomy (Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., 2002), 21.

¹⁰⁵ Abdul Majid al-Zindani, *Tauhid al-Khalik*, terj. Osman Khalid (Selangor : al-Rahmaniah, 1989), 37.

¹⁰⁶ Surah Ibrahim 14:10.

padang pasir, maka mustahil adanya alam ini yang mempunyai jalan dan langit yang tersusun adalah tanpa kuasa yang hebat dan bijaksana.¹⁰⁷

Dalil-dalil wujudnya Allah itu amat banyak dan tidak terkira, sebanyak jumlah makhluk di muka bumi ini. Setiap daripada makhluk itu merupakan tanda bahawa wujudnya tuhan Pencipta.

Firman Allah S.W.T :

إِنَّمَا لِلَّهِ هُتَ وَأَرْضَ يَتْلُومُ ۝ ۳

3. Sesungguhnya pada langit dan bumi terdapat tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman.¹⁰⁸

Sehubungan itu, tanggungjawab Muslim mengambil berat mengenai urusan keagamaan. Bahkan dalam kehidupan, paling tidak individu itu perlu berfikir akan hala tuju hidup dan matlamat dunia ini diciptakan. Perkara utama dalam urusan ini adalah dengan mengenal pencipta alam ini yang sudah pasti tidak menciptakannya dengan sia-sia. Adalah menjadi suatu kefarduan bagi setiap *mukallaf* untuk mempercayai bahawa terdapat tuhan yang secara hakiki adalah wujud.

Perjalanan alam dan cakerawala yang amat sistematik memperlihatkan bahawa pasti wujud suatu kuasa hebat yang bijaksana kuasanya dalam mentadbir dan mengawal perjalanan alam. Penciptaan yang kompleks dan hebat itu mengisyaratkan bahawa ianya adalah hasil ciptaan Pencipta yang Maha Agung. Keteraturan dalam penciptaan dan saling berkait dalam alam ini membuktikan bahawa ianya adalah satu kuasa yang esa.¹⁰⁹ Firman Allah S.W.T :

قُلْ لِمَنْ أَرْضُ وَمَنْ فِيهَا إِن لَّيُنْفَكُنَّ عَنْ آلِهَاتِهِمْ ۝ ٨٤

¹⁰⁷ Abdul Majid al-Zindani, *Tauhid al-Khalik*, terj. Osman Khalid (Selangor : al-Rahmaniah, 1989), 37.

¹⁰⁸ Surah al-Jathiah 45:3.

¹⁰⁹ Abdul Majid al-Zindani, *Tauhid al-Khalik*, terj. Osman Khalid (Selangor : al-Rahmaniah, 1989), 37.

84. Tanyakanlah (wahai Muhammad): Kepunyaan siapakah bumi ini dan segala yang ada padanya, kalau kamu mengetahui?¹¹⁰

Dan firmanNya :

وَيَسْأَلُكَ ۖ مَنْ حَقَّ لَهُمُوتٌ وَأَرْضٌ وَمِنْ خَزَائِنِ السَّمٰوٰتِ وَٱلْأَرْضِ قُلْ وَمَنْ يَرْزُقُكُمْ إِنْ أَسْفَلَ سَافِلُونَ ٦١

61. Dan sesungguhnya jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: Siapakah yang menciptakan langit dan bumi dan yang memudahkan matahari dan bulan (untuk faedah makhluk-makhlukNya)? Sudah tentu mereka akan menjawab: Allah. Maka bagaimana mereka tergamak dipalingkan (oleh hawa nafsunya daripada mengakui keesaan Allah dan mematuhi perintahNya)?¹¹¹

Perbahasan mengenai kepercayaan wujudnya Allah ini turut dibincangkan oleh para intelek barat. Antaranya sebagai contoh ahli falak Inggeris, Professor Harshell menyatakan:

*“Setiap Bidang Ilmu pengetahuan semakin luas, maka semakin bertambah pula bukti yang memastikan dan mengukuhkan perihal adanya Zat yang Maha Mencipta, Maha Dahulu yang tidak ada batas kekuasaanNya dan tidak pula ada pengakhiran iaitu kekal selamanya”.*¹¹²

Selanjutnya, pandangan ahli ilmu geologi :

*“Alam dan falak pasti saling tolong menolong dan bantu membantu. Mereka memberikan jaminan yang kuat tentang pengukuhan seruan ilmu pengetahuan yakni seruan kenyataan akan keagungan Allah”.*¹¹³

Keyakinan para intelektual mengenai kuasa agung yang hebat itu adalah amat rasional. Menurut

Dr. Wets, ahli kimia Perancis :

¹¹⁰ Surah al-Mu'minun 23:84.

¹¹¹ Surah al-Ankabut 29:61.

¹¹² Sayyid Sabiq, *al-'Aqid al-Islamiyyah*, terj. M. Abdai Rathomy (Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., 2002), 60.

¹¹³ Sayyid Sabiq, *al-'Aqid al-Islamiyyah*, terj. M. Abdai Rathomy (Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., 2002), 60.

*“Pada suatu ketika aku merasakan kepercayaanku kepada Allah agak kurang dan bergoncang, maka aku bersegera mengarahkan perhatianku kepada akademik agar keimanan kembali kukuh dan damai”.*¹¹⁴

Pun begitu, terdapat juga dalam kalangan intelektual yang meletakkan wujud tuhan adalah suatu kebatilan dengan menggunakan hujah sains tabii sekalipun wujud kelemahan dalam sains untuk mengenal dan menanggapi hakikat ‘benda’ yang bukan bersifat kebendaan. Akal fikiran yang terbatas dan tidak dapat mencapai hakikat tidaklah dapat digunakan sebagai bukti bahawa sesuatu itu adalah tidak wujud (‘adam). Dengan maksud, sekiranya manusia yang tidak mampu mencapai hakikat jiwa, maka tidaklah bermaksud jiwa itu tidak ada. Hakikat keadaan sesuatu benda yang lain yang tidak mungkin difahami oleh minda, tidak semestinya tidak wujud hanya kerana kedangkalan akal yang mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu. Begitu juga keadaan *Zat ilah*, jika manusia belum dapat mencapai hakikatNya, maka tidak bererti bahawa *Zat* tersebut tidak wujud. Bahkan ia bukan sekadar *Zat*Nya sahaja, tetapi kewujudan identiti tuhan turut merangkumi sifat dan *af’al*. Pemilikan *wajib al-wujud* tersebut turut merangkumi sifat-sifat kesempurnaan yang layak bagi Allah dan mustahil daripada sifat kekurangan. Allah S.W.T memiliki sifat-sifat yang suci dan merupakan ketetapan dari *kamalat* dari keadaanNya dan keagungan *ilahiyyah*Nya. Pemilikan segala sifat tersebut hanya hak Pencipta. Justeru, tiada suatupun yang boleh wujud sebagai sekutu atau memiliki sifat yang sama sebagaimana yang dimiliki oleh Allah S.W.T. Ini kerana wujud Allah sebagai *ilah* adalah esa dan hanya Allah sahaja tuhan yang esa, tiada selain dariNya dalam aspek seruan dan sembah. ¹¹⁵

¹¹⁴ *Ibid.*, Sayyid Sabiq, *al-‘Aqaid al-Islamiyyah*, terj. M. Abdai Rathomy (Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., 2002), 60.

¹¹⁵ Sayyid Sabiq, *al-‘Aqaid al-Islamiyyah*, terj. M. Abdai Rathomy (Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., 2002), 42.

Menurut pandangan Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah bahawa sifat-sifat Allah tidak terbatas kepada bilangan tertentu kerana sifat-sifat Allah yang lain adalah meliputi sifat *af'al* (perbuatan) Allah yang sangat luas dan tidak terbatas jumlahnya.¹¹⁶

Selain itu, perbahasan *af'al Allah* merupakan topik yang besar dalam persoalan *ilahiyyat*. Perbahasan ini membincangkan kaitan tentang segala kejadian alam yang berkait dengan makhluk ini adalah berdasarkan kepada kehendak dan *Iradat* Allah S.W.T. Keimanan dan iktikad dengan fasal ini adalah wajib bagi setiap manusia. Fasal ini adalah berkaitan dengan keimanan dengan segala ketetapan dan pelaksanaan Allah S.W.T terhadap hambanya yang merujuk kepada rukun iman keenam iaitu beriman dengan *al-Qada'* dan *al-Qadar* Allah. Begitu juga, perbahasan ini adalah merupakan jawapan kepada persoalan kehidupan yang merangkumi keimaran dan juga kerosakan alam yang berfaktorkan tangan-tangan manusia.

Ahl Sunnah wa al-Jama'ah mengimani bahawa segala bentuk perbuatan dan perilaku manusia adalah mempunyai kaitan dan hubungan dengan Allah S.W.T. Walaupun manusia diberikan pilihan untuk melakukan sesuatu, hakikat yang perlu difahami adalah bahawa segala perbuatan tersebut adalah suatu yang dijadikan dan berkait dengan kehendak Allah S.W.T.¹¹⁷ Makhluk sama ada secara *Zat* dan perbuatan, hakikatnya adalah ciptaan Allah Taala. Perkaitan perbuatan Allah S.W.T. dengan apa yang dilalui oleh manusia dalam kehidupan sehariannya

¹¹⁶ Muhyiddin Abd al-Somad, *Aqidah AhlulSunnah Wal Jama'ah Terjemah dan Syarh Aqidah al-Awam* (Jakarta : Khalista Surabaya, 2009), 25.

¹¹⁷ *Al-Asya'irah* berpegang bahawa *Iradah* Allah adalah berkait dengan *mumkin* yang merangkumi perkara baik mahupun yang buruk. Lihat al-Juwayni, *al-Irshad*, (1950), 237. Lihat juga al-Laqqani, *Sharh Jawhar al-Tauhid*, (1955), 91.

termasuk tindak tanduk dan perancangan hidupnya adalah merupakan *al-Qada'* dan *al-Qadar* yang telah ditentukan oleh Allah SWT.¹¹⁸ Allah berfirman :

وَاللَّهُ يَخْتَارُ وَمِمَّا يُخْتَارُ ۖ

96. Padahal Allah yang mencipta kamu dan benda-benda yang kamu buat itu!¹¹⁹

Ibn Katsir mentafsirkan ayat ini dengan membawakan hadith dari al-Bukhari dalam kitab *Af'al Ibad* :

عن ثعلبة بن جهم عن عمار بن ميمون عن عائشة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال :
"إن الله خلق كل شيء من عرشه"

Bermaksud:

*Daripada Ali bin al-Madini daripada Marwan bin Mu'awiyah daripada Abi Malik
daripada Rabi'I bin Harrash daripada Huzaifah RA , katanya : "Sesungguhnya
Allah menjadikan setiap pembuat dan pembuatannya".*

Riwayat ini juga membuat penegasan bahawa Allah bukan sahaja menciptakan pembuat iaitu manusia, bahkan juga menjadikan segala apa yang dibuatnya (perbuatan). Sepertimana manusia secara zahirnya diciptakan, begitu juga manusia tiada hak untuk mendabik dada untuk mengaku sebagai pencipta perbuatannya.

¹¹⁸ Wan Suhaimi Wan Abdullah, *Ulasan Makalah "Konsep Perbuatan Allah (Af'al Allah) Dalam Pemikiran Islam, Pengaruh dan Kesannya kepada Pemikiran Umat Islam di Malaysia"*, Jurnal Pengajian Melayu : Universiti Malaya, 2006, 383.

¹¹⁹ Surah al-Saffat ayat 37:96.

Namun begitu, terdapat persoalan yang menimbulkan kekeliruan terhadap kaitan pergerakan manusia dengan *af'al Allah* iaitu samada setiap gerakan manusia itu dikira sebagai perbuatan Allah atau hasil daripada kekuasaan manusia itu sendiri. Dalam menjawab kekeliruan ini, Syeikh Daud Abdullah al-Fatani mengatakan bahawa :

*“Maka Allah Ta’ala ialah yang menjadikan bagi segala hambaNya dan menjadikan segala perbuatan yang keluar daripada segala hambaNya yakni perbuatan yang ikhtiyariyyah dan perbuatan yang idtirariyyah atas mazhab Ahl Sunnah Wa al-Jamaah seperti yang telah tersebut bahawa bersalahan kata mu’tazilah”*¹²⁰

Daripada kata-kata ini, dapat difahami bahawa yang disebutkan perbuatan yang diciptakan kepada manusia itu sifatnya *ikhtiyariyyah* dan *idtirariyyah*. Perbuatan ini diletakkan pada manusia dengan dasar ikhtiar iaitu baginya pilihan untuk melakukannya. Sebagai contoh, manusia tidak pernah dipaksakan untuk menjadi baik atau sebaliknya seperti robot yang diciptakan untuk berjalan secara tegak sahaja. Walhal diberikan pilihan sama ada untuk beamal soleh atau tidak. Namun diberikan Allah redha kepada si pelaku baik dan sebaliknya kepada si pelaku jahat. Begitu juga dalam hal *idtirariyyah*, ianya adalah ciptaan Allah yang tidak diberikan kuasa ke atas manusia terhadapnya seperti degupan jantung, aliran darah, denyutan nadi dan sebagainya. Dalam hal ini, manusia tidak akan dihitungkan dosa dan pahala kerana ia bukanlah atas kuasa manusia.

Berbeza dengan golongan *Qadariyyah* dan *Jabbariyyah* yang hanya meletakkan kepada suatu pihak sahaja dan menyisihkan kaitan antara kedua-duanya. *Qadariyyah* berpegang bahawa

¹²⁰ Daud bin Abdullah al-Fatani, *al-Durr al-Thamin (Permata Yang Indah)* (Selangor : Batu Caves, 2005), 47.

segalanya adalah dikuasai oleh manusia semata-mata dan *Jabbariyyah* pula berpegang bahawa segala perbuatan hanya dikuasai oleh Allah semata dan manusia dipaksakan seolah-olah tidak punya kuasa dan kehendak serta pilihan. Secara eksplisit, segala perbuatan manusia ini adalah dalam lingkungan kehendak Allah S.W.T.

Ini bermakna, ketika manusia diberikan pilihan sendiri dalam melakukan sesuatu perbuatan, ia masih terkait dengan Allah dengan kehendaknya. Sebagai contoh, sekiranya Allah menhendaki sesuatu perbuatan, maka perkara itu secara pasti akan berlaku. Adapun sekiranya Allah tidak menghendaki daripada manusia untuk melakukannya, walau dengan apa cara sekalipun, perkara tersebut tidak akan berlaku atas takdir Allah. Lebih dari itu, Syeikh Daud juga menyatakan bahawa pada diri manusia itu, hanya *al-kasb* sahaja :

“Dan tiada ada bagi hamba itu memberi bekas, yakni hamba bagi hamba itu kasbun bagi segala perbuatannya yang bergantung dengan dia taklif, tiada ia yang mengadakan dan tiada ada ia menjadikan baginya dan hanyasanya baginya itu padanya itu padanya nisbah memberatkan dan memilih bagi perbuatan dan meniggalkan perbuatan supaya hasil nisbah itu kepadanya. Maka kerana inilah pahala atasnya dan diberi dosa bagi memperbuatnya.”¹²¹

Pandangan Syeikh Daud al-Fatani ini adalah selari dengan ajaran *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah* iaitu Allah S.W.T. memberi kuasa untuk memilih kepada manusia berdasarkan kepada akal dan

¹²¹ *Ibid.*, Daud bin Abdullah al-Fatani, *al-Durr al-Thamin (Permata Yang Indah)* (Selangor : Batu Caves, 2005), 143.

wahyu dalam menentukan sesuatu perkara. Akan tetapi, terjadinya sesuatu perkara itu adalah dengan izin atau ketentuan Allah SWT.¹²²

*“Apa yang dikehendaki Allah (pasti) berlaku dan apa yang tidak dikehendakinya tidak akan berlaku.”*¹²³

Demikianlah pentingnya hubung kait antara kehendak manusia dan kehendak Allah. Kuasa kehendak Allah adalah lebih besar daripada kehendak manusia dengan tanpanya pada Allah, maka dengan cara apa sekalipun tidak akan berlaku.

2.4.2 Konsep Penyembahan dalam Islam

Konsep penyembahan dalam Islam dapat dilihat melalui penegasan Allah dalam pelbagai ayat yang menjadi sebahagian kalimah syahadah sebagai persaksian bagi setiap individu Muslim antaranya :

وَاللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ وَحْدَهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ مُوَلَّدَ مَنْ لَمْ يُولَدْ ۝ ١٦٣

*163. Dan Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Esa; tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.*¹²⁴

Dan firmanNya :

قُلْ أَيُّ شَيْءٍ أَكْبَرُ مِنْ مَدْعُوكُمُ الْمُشْرِكِينَ وَيَعْلَمُ الْغُيُوبَ وَأُوْحِيَ إِلَيَّ مَذَاقُ الْإِسْلَامِ أَنْ تَذْكُرَ بَعْدَ وَمَنْ يَلْعَنُ اللَّهَ الْإِسْلَامَ مَدُونٌ أَنْ مَعَ اللَّهِ عَالَمٌ
الْحَرَىٰ قُلْ هَلْ نَقُلُ مَا لَا نَعْلَمُ ۝ هُوَ اللَّهُ وَحْدَهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ ۝ ١٩

¹²² Mohd Hamidi, Mohd Fauzi, *Af'al Allah menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2015), 7.

¹²³ Ali, S., Shahrman, S. (2012) *Pemikiran al-Juwayni Tentang Ketuhanan : Terjemahan dan Analisis Bahagian al-Ilahiyyat, Kitab Luma' al-Adillah*. Disertasi (MA) Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 204, terjemahan daripada al-Luma. Lihat juga al-An'am 6:35, 6:125 dan 6:111.

¹²⁴ Surah al-Baqarah 2:163.

Dan firmanNya :

55

Selain daripada pengisbatan tuhan yang disembah sebagai yang esa, Allah juga menegaskan bahawa keperluan dalam menolak dan menafikan selain daripadaNya untuk diambil sebagai sembah. Dalam ayat yang sama dari surah al-An'am, Ibn Kathir menyatakan bahawa tuhan yang esa tersebut adalah suci dan bebas daripada sebarang pembantu sama ada dari unsur alam atau anak dalam mencipta dan mentadbir urus alam.¹²⁹ Ia bermaksud bahawa tidak ada kesyirikan dalam urusan pentadbiran Allah. Syirik berasal dari *syirk* yang bererti sertai. Dalam ungkapan "*syarika/asyriku fulan fi al-amr*" sebagai contoh, ia bererti "menyertai si fulan dengan urusan tersebut". Contoh lain juga diambil daripada al-Quran iaitu firman Allah:

وَتَلَأُرْكُمُفِي الْأَمْرِ ٣٢

32. Dan jadikanlah dia turut campur bertanggungjawab dalam urusanku,¹³⁰

Ayat tersebut memperlihatkan kewajaran saling membantu dalam urusan dakwah dalam kalangan para anbiya'. Tetapi bukan dalam urusan keyakinan terhadap keesaan Allah.¹³¹

Sehubungan itu, syirik dalam konteks agama bermaksud meyakini kewujudan tuhan lain selain Allah¹³² sama ada berbentuk plural¹³³ atau *Syarakah wa nasib ma'a Allah*.¹³⁴ Secara istilah, syirik bererti seseorang telah menjadikan Allah bersekutu dengan sesuatu yang lain¹³⁵ dan menyamakan tuhan selain daripada Allah dalam hal-hal yang merupakan hak Allah.

¹²⁹ Ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir* (Beirut : Dar al-Kutub al-'Alamiyah, 1971), tafsir ayat 102 al-An'am.

¹³⁰ Surah Taha 20:32.

¹³¹ Abu Abdullah Muhammad, *Tafsir al-Qurtubi* (Beirut : Dar al-Kutub al-'Alamiyah, 1971), ayat 32, Taha.

¹³² Shauqi Dhaif, *Mu'jam al-Wasit* (Kaherah : Maktabah al-Syuruq al-Duwaliyyah, 2004), 480.

¹³³ *Ibid.*, Shauqi Dhaif, *Mu'jam al-Wasit* (Kaherah : Maktabah al-Syuruq al-Duwaliyyah, 2004), 480.

¹³⁴ Taha Abu Dahm, *Mu'jam al-Islami* (Kaherah : Dar al-Syuruq, 1968), 341.

¹³⁵ Yusuf al-Qaradawi, *Pengertian Tauhid*, terj. Abdul Majid Abdullah (Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 2014), 48.

Syirik merupakan suatu kezaliman atau dosa besar di sisi Allah S.W.T Perbuatan ini boleh diletakkan sebagai setinggi-tinggi tingkatan dosa. Imam Bukhari meriwayatkan hadith dari Abi Bakrah RA dalam kitab Adab bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

أَلَيْسَ بِأَكْبَرَ الْبَطَرِ مَا أَقُولُ بِلَيْعِي رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: أَشَرُّ الْبَطَرِ، وَخُشُوعٌ لِلْوَلَدَيْنِ، وَلَكَانَ بِمَعْلُوفٍ لِحَقِّ سَقَاةٍ: أَقُولُ
لِلزَّوْرِ، وَشِدَادَةُ الزُّورِ فَمَا زَالَ يَرُرُّهَا صَحْبِي قُلْنَا: لَيْسَ مَسْئَلَتِ

Mahukah aku beritakan kepada kamu tentang sebesar-besar dosa? tiga kali diulangi. Kemudian kami menjawab : ya wahai Rasulullah, sabdanya : mempersekutukan Allah, derhaka kepada kedua orang tua, dan perkataan palsu dan pengakuan palsu. Maka diulangi “dan persaksian palsu sehinggalah kami berkata “semoga nabi diam”.¹³⁶

Luqman al-Hakim telah turut menasihati anaknya agar menjauhi perbuatan syirik. Firman Allah :

وَالَّذِي لَقِيَ مِنْ بَلَاءٍ وَهُوَ عَظِيمٌ يَنْتَرِكُ لِلَّهِ أَنْ تَشْرِكَ بِهِ إِنَّ لِكُلِّ ظُلْمٍ عَظِيمٌ ١٣

13. Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa dia memberi nasihat kepadanya: Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.¹³⁷

Perbuatan ini dikategorikan sebagai suatu kezaliman yang besar kerana merendahkan sifat kesempurnaan Allah S.W.T. Firman Allah :

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ قَلْبًا إِنَّ اللَّهَ مَوْلَاهُ عَمْرٍ خُطْبَانٌ مَلِيٌّ قَالَ لَأَمْرِي خَيْرٌ مِنْ بِلَالِ رِيَالٍ أَلْعُدُّوْا اللَّهَ رَبِّي وَيَهْ أَلِنْهُ مِنْ يَشْرِكُ بِاللَّهِ فَقَدْ خَرِمَ
اللَّهُ عَلَيْهِ لَعْنَةً وَمَأْوَاهُ لَنَارُ وَمَا الظَّالِمِينَ مِنْ أَصَارٍ ٧٢

¹³⁶ Hadith riwayat al-Bukhari 3/151-152 Fathur Bari 5/261 no. 2654 dan riwayat Muslim no. 87.

¹³⁷ Surah Luqman 31:13.

72. Demi sesungguhnya! Telah kafirlah orang-orang yang berkata: Bahawasanya Allah ialah Al-Masih Ibni Mariam. Padahal Al-Masih sendiri berkata: Wahai Bani Israil! **Sembahlah Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu, bahawasanya sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya Syurga dan tempat kembalinya ialah neraka dan tiadalah seorang penolong pun bagi orang-orang yang berlaku zalim.**¹³⁸

Perbuatan zalim ini akhirnya tidak melayakkan manusia dari memasuki syurga dan selayaknya tempat bagi mereka adalah neraka. Firman Allah lagi :

لَقَدْ كُذِّبَتْ رُسُلُكُمْ مِنْ قَبْلِكَ بِآيَاتِنَا وَلَكِنْ كُنْتُمْ كَافِرِينَ ۚ ۝ ٨٨

88. Yang demikian itu ialah petunjuk Allah, yang dengannya Dia memimpin sesiapa yang dihendakiNya dari hamba-hambaNya dan **kalau mereka sekutukan (Allah dengan sesuatu yang lain) nescaya gugurlah dari mereka, apa yang mereka telah lakukan (dari amal-amal yang baik).**¹³⁹

Dan firmanNya :

لَقَدْ أَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ أَنْ أَعْلَمْ بِآيَاتِنَا أَنْ تَقُولَ إِنِّي رَسُولُ رَبِّي ۚ ۝ ٦٥

65. Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan kepada Nabi-nabi yang terdahulu daripadamu: **Demi sesungguhnya! jika engkau (dan pengikut-pengikutmu) mempersekutukan (sesuatu yang lain dengan Allah)**

¹³⁸ Surah al-Maidah 5:72.

¹³⁹ Surah al-An'am 6:88.

*tentulah akan gugur amalmu dan engkau akan tetap menjadi dari orang-orang yang rugi.*¹⁴⁰

Selain itu, sekiranya manusia melakukan sesuatu amal kebaikan semasa hidupnya, tetapi melakukan perbuatan syirik, bererti amalan kebaikan hanya sia-sia dan tidak diperhitungkan sebagai timbangan di akhirat nanti.

Bahkan atas sebab perbuatan syirik, golongan ini diperangi kerana perbuatan jahil kecuali selepas mereka bertaubat, dan keamanan diberikan kembali kepada mereka. Firman Allah S.W.T :

فَإِذَا رَجَعْتَ إِلَى أَهْلِكَ فَوِّدْ عَلَيْهِمْ قُلُوبَكَ ۚ إِنَّهُمْ عَفِيفُونَ ۚ
لَا يَدْرَأُونَ أَشْأَهُمْ الْأَمْثَلُ يُحِثُّ وَجَعْتُمْ وَمَا وَخَذُوا وَالْمَصْرُومَ وَالْعُدُوَّالَ مَا لَكُمْ مِنْ صَفٍّ أَنْ تَتَلَبَّؤُا وَقَالُوا
لِلصَّالَةِ وَعَمَلُوا الْكَفَّ وَالْوَاسِعَةَ مَا إِنَّ اللَّهَ فَخُورٌ وَجِي ۝

5. Kemudian apabila habislah (masa) bulan-bulan yang dihormati itu maka bunuhlah orang-orang musyrik itu di mana sahaja kamu menemuinya dan tawanlah mereka, dan juga kepongklah mereka, serta tunggulah mereka di tiap-tiap tempat mengintipnya. Kemudian jika mereka bertaubat (dari kekufurannya) dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, maka biarkanlah mereka (jangan diganggu). Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.¹⁴¹

Dalam perbincangan syirik, Islam turut membicarakan berkaitan patung ataupun berhala. Patung berhala disebutkan di dalam al-Quran beberapa kali dalam menegah manusia melakukan sembahsan patung berhala. Firman Allah S.W.T :

يُشْرِكُونَ مَا لَا يَخْلُقُ شَيْئًا وَهُمْ يُشْرِكُونَ ۙ

¹⁴⁰ Surah al-Zummar 39:65.

¹⁴¹ Surah al-Taubah 9:5.

191. Patutkah mereka sekutukan Allah dengan benda-benda yang tidak dapat menciptakan sesuatupun, sedang benda-benda itu sendiri diciptakan?¹⁴²

وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ يَلْقَوْنَ فِيهَا وَهْمًا ۖ وَإِلَىٰ اللَّهِ يَرْجَعُونَ ۚ ٢٠

20. Dan makhluk-makhluk yang mereka sembah selain dari Allah itu tidak dapat menciptakan sesuatupun, bahkan merekalah yang diciptakan.¹⁴³

Sembahan sesama makhluk amat ditegah kerana keduanya bercirikan yang sama iaitu diciptakan dan bukan Pencipta. Bahkan penyembahan, pembinaan dan pengukiran serta memahat sebarang patung juga ditegah sama ada berbentuk patung makhluk yang bernyawa yang meliputi manusia dan haiwan. Penegahan ini berdasarkan kepada anjuran nabi Muhammad S.A.W. :

تَدْخُلُ لَمْ يَأْتِ الْمَلَكُ الْعَلِيُّ، وَ صُورَتُهُمْ فِي

Maksudnya: “Sesungguhnya Malaikat tidak akan masuk suatu rumah yang di dalamnya mempunyai anjing dan **patung**”.¹⁴⁴

Daripada Abdullah berkata aku mendengar Nabi SAW bersabda :

إِنَّ لِكُلِّ نَفْسٍ عَذَابًا ۚ عَذَابُ الْيَوْمِ الْقِيَامَةِ لِكُلِّ صَوْرَةٍ

Maksudnya: Sesungguhnya orang yang paling berat siksaannya nanti di Hari

Kiamat ialah orang yang membuat gambar (**patung**).¹⁴⁵

¹⁴² Surah al-A'raf 7:191.

¹⁴³ Surah al-Nahl 16:20.

¹⁴⁴ Hadith riwayat al-Bukhari (2106).

¹⁴⁵ Hadith riwayat al-Bukhari (5950).

Perihal ini bersandarkan kaedah *sad al-zarai'* iaitu menegah amat wajar kerana bimbang keburukan dan mudarat yang besar bakal tercipta akibat daripada pembuatan patung berhala.¹⁴⁶

Sejarah ukiran dan sembah patung berhala bermula ketika zaman nabi Nuh A.S.¹⁴⁷ Dalam mentafsirkan ayat 59 dari surah al-A'raf, Ibn Kathir menaakalkan dari Abdullah Ibn Abbas dengan menyatakan bahawa patung pertama dibina dan disembah adalah ketika zaman nabi Nuh. Pada ketika ini, patung dibina atas nama individu soleh dari satu kaum dan setelah mereka wafat, maka patung dibina. Setiap patung tersebut diberikan sempena nama-nama individu soleh seperti *Wadd, Suwa, Yagus* dan *Nasr*¹⁴⁸ sebagai tanda penghormatan kepada mereka. Bangunan masjid turut dibina dan gambar para soleh tersebut turut digantung di dalam masjid bertujuan mengingatkan pengunjung perihal dan amalan-amalan ibadat para soleh sebagai motivasi agar para pengunjung mengikuti jejak mereka.¹⁴⁹

Namun setelah zaman berlalu, tercetusnya fenomena baru dalam kalangan masyarakat tersebut dengan membina patung/tugu yang didekasikan kepada orang soleh itu. Pada ketika ini, tujuannya masih kekal sebagai peringatan kepada manusia berkaitan kesolehan individu tersebut. Tetapi akhirnya, patung/tugu tersebut mulai disembah kerana pengetahuan masyarakat mulai keliru dan bisikan syaitan turut mengheret umat manusia kepada perbuatan yang dimurkai Allah S.W.T. Ibnu Abbas mengisahkan :

لَمَّا بَنَى رَجُلٌ مِنْ آلِ نُوْحٍ فَلَمَّ الْوُحُوشَ وَالْطَّيْرَ طَائِفَةً لِيَقْوَمَ عَنْهُ أَنْ يَصْبُوا إِلَى مَا كَانَ لِلْأَوَّلِينَ يُعْبُدُونَ الْأَصْنَابَ ،
وَسَمَوْهُ بِلُحْيَةٍ تَقِفُ عَلَى وَطْنِهِ تُشْغِدُ بِهَا إِذَا قَامَ عَلَيْكَ رَبُّكَ يُنَادِيُ بِعَدَتِ

¹⁴⁶ Walaubagaimanapun, dalam membina monumen dalam bentuk selain makhluk bernyawa adalah diharuskan dan perlu mengikuti panduan yang disarankan pihak Majlis Fatwa. Lihat keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-86 yang bersidang pada 21 – 23 April 2009.

¹⁴⁷ Pembinaan patung yang pertama di atas muka bumi. Lihat Ibn Kathir, *Qashas al-Anbiya'* (Damsyik : Dar al-Faiha', t.t) 105.

¹⁴⁸ Ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir* (Beirut : Dar al-Kutub al-'Alamiyah, 1971), surah al-A'raf, ayat 59.

¹⁴⁹ Ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir* (Beirut : Dar al-Kutub al-'Alamiyah, 1971), surah al-A'raf, ayat 59.

Mereka adalah nama-nama orang soleh dalam kalangan kaum Nuh. Ketika mereka meninggal dunia, syaitan membisikkan kepada kaumnya untuk membuat binaan di tempat-tempat majlis ibadat mereka. Kemudian memberi nama binaan itu sesuai nama orang soleh tersebut. Mereka pun melakukannya namun, binaan itu tidak disembah. Ketika generasi (pembuat binaan) tersebut pula meninggal dunia, dan pengetahuan tentang binaan ini mulai kabur, akhirnya ia disembah.¹⁵⁰

Nabi Nuh A.S diutus memberi pemurnian kepada umatnya dengan membawa perintah tuhan yang memerintahkan untuk menyembah Allah yang Esa, firmanNya :

لَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ بِالْحَقِّ لِيُخْرِجَهُمْ مِنَ دِينِهِمْ وَهُمْ كَافِرُونَ ۚ قَالَ يَا قَوْمِ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ٥٩

59. Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nabi Nuh kepada kaumnya, lalu berkatalah ia: Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Sesungguhnya aku bimbang, kamu akan ditimpa azab hari yang besar (hari kiamat).¹⁵¹

Ketika Allah S.W.T mengutus nabi Nuh A.S, maka dia membawa seruan agar manusia mengesakan peribadatan hanya kepada Allah dan tidak menyekutukanNya, tidak menyamakan peribadatan kepada Allah dengan patung-patung, berhala, dan taghut dan meyakini keEsaan Allah serta meyakini bahawa tiada *ilah* yang berhak disembah dan tidak ada pentadbir selain Allah.

¹⁵⁰ Hadith riwayat al-Bukhari no. 4920.

¹⁵¹ Surah al-A'raf 7:59.

2.5 Kesimpulan

Dalam kehidupan beragama, pelbagai konsep telah lahir hasil daripada pengalaman yang pelbagai. Kepentingan untuk beragama boleh diletakkan sebagai suatu yang terpenting dalam kehidupan manusia kerana padanya terdapat fungsi-fungsi yang rasional. Walaubagaimanapun, epistemologi yang berbeza dalam beragama menghasilkan asas yang rumit dan kompleks dalam setiap isme-isme yang berbagai dan berbeza. Perbezaan ini juga kemudian menjadikan suatu agama itu kukuh atau rapuh dalam mendepani penganut masing-masing yang juga sukar untuk dikawal daripada mentaakul dan mentafsirkan kehidupan. Kerapuhan doktrin dalam menjawab persoalan-persoalan kehidupan menjadikan masyarakat turut rapuh dalam beragama. Islam dengan penegasan konkrit memberikan kefahaman asas ketuhanan mempercayai bahawa Allah secara hakikat adalah wujud sebagai tuhan yang esa. Islam meletakkan perbezaan di antara *khalik* dan makhluk berdasarkan dalil daripada nas-nas syarak sebagaimana firman Allah S.W.T dalam surah al-Syura :¹⁵²

لَيْسَ كَمِثْلِ شَيْءٍ ۚ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ۝ ١١

11. ...Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya dan pentadbiranNya) dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.¹⁵³

Tegasnya, Allah Taala itu tidak menyamai makhluk baik dari segi *ZatNya*, sifatNya dan *af'alNya*.¹⁵⁴

¹⁵² Ikatan Penuntut Ilmu Islam Pulau Pinang, *Muqaddimah idhah al-Dalil & Syarah Matan Jawharah al-Tauhid* (Pulau Pinang : Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, 2015), 37.

¹⁵³ Surah al-Syura 42:11.

¹⁵⁴ Ibrahim bin Muhammad al-Baijuri, *Tuhfat al-Murid Syarh Jauharah al-Tauhid* (Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 2013), 72.

Ahl Sunnah wa al-Jama'ah mengimani bahawa segala bentuk perbuatan dan perilaku manusia mempunyai kaitan dan hubungan dengan Pencipta. Walaupun manusia diberikan pilihan untuk melakukan sesuatu, hakikat yang perlu difahami adalah bahawa segala perbuatan tersebut adalah suatu yang dijadikan dan berkait dengan kehendak Allah S.W.T.¹⁵⁵ Makhluk sama ada secara *Zat* dan perbuatan, hakikatnya adalah ciptaan Allah S.W.T. Perkaitan perbuatan Allah S.W.T. dengan apa yang dilalui oleh manusia dalam kehidupan sehariannya termasuk tindak tanduk dan perancangan hidupnya adalah merupakan qada' dan qadar yang telah ditentukan oleh Allah SWT.¹⁵⁶

Dalam perbahasan tentang kewujudan Allah ini, perbincangan nama Allah juga menjadi suatu yang penting untuk mengenal dan membanding dan membezakan Allah dengan makhluk. Lafaz Allah adalah nama yang Maha Mulia dan merupakan nama *Zat* atau *ism al-Zat* atau *ism al-Khas* bagi tuhan iaitu nama agung yang memiliki segala sifat *kamalat*.¹⁵⁷ Lafaz ini juga disebut dengan *Jalalah*. Perkataan Allah adalah nama dan hanya terpakai kepada satu entiti sahaja dan tidak pernah dinamakan kepada sebarang identiti selain daripadanya. Secara terminologi, lafaz Allah adalah berasal daripada perkataan bahasa Arab yang digunakan bukan hanya oleh masyarakat Arab bahkan seluruh dunia menggunakannya tanpa batas bangsa dan sempadan yang menegaskan wujud tuhan Allah yang esa dan hanya Allah yang layak disembah.¹⁵⁸

¹⁵⁵ *Al-Asya'irah* berpegang bahawa *Iradah* Allah adalah berkait dengan *mumkin* yang merangkumi perkara baik mahupun yang buruk. Lihat al-Juwayni, *al-Irshad*, (1950), 237. Lihat juga al-Laqqani, *Sharh Jawhar al-Tauhid*, (1955), 91.

¹⁵⁶ Wan Suhaimi Wan Abdullah, *Ulasan Makalah "Konsep Perbuatan Allah (Af'al Allah) Dalam Pemikiran Islam, Pengaruh dan Kesannya kepada Pemikiran Umat Islam di Malaysia"*, Jurnal Pengajian Melayu : Universiti Malaya, 2006, 383.

¹⁵⁷ Ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir* (Beirut : Dar al-Kutub al-'Alamiyah, 1971), 37-38.

¹⁵⁸ Mohammad Arifin Ismail, Khalif Muammar, *Isu Kalimah Allah* (Kuala Lumpur : Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2013), 6.

Jika memilih daripada isme-isme yang ada samada ateisme, teisme, politeisme atau monoteisme, maka tauhid adalah sebenar-sebanar isme yang layak diletakkan dalam konsep ketuhanan dalam Islam.

Universiti Malaya

BAB TIGA

KONSEP KETUHANAN DALAM BUDDHISME

3.1 Pengenalan

Dalam bab tiga ini, pengkaji membahaskan latar belakang agama Buddha. Bab ini dimulakan dengan perbincangan perkataan Buddha secara etimologi dan perbincangan Siddharta Gautama Buddha sebagai individu yang bertanggungjawab mengasaskan ajaran ini. Pengkajian terhadap beliau akan meliputi ajarannya yang berkembang hingga seperti hari ini yang merangkumi pecahan-pecahan yang wujud dalam ajarannya. Perbincangan ini penting kerana pencerahan yang diperolehi Buddha mendorong kewujudan beraneka bentuk kepercayaan terhadap tuhan dalam ajaran Buddhisme. Secara rinci, perbincangan konsep ketuhanan dalam Buddhisme dikemukakan dalam bab ini sebagai memenuhi objektif penyelidikan.

3.2 Siddharta Gautama Buddha

Nama agama Buddha disandarkan kepada pengasasnya, Siddharta Gautama Buddha atau digelar Sakyamuni. Nama asalnya hanyalah Siddharta, manakala Gautama adalah nama bagi keluarganya.¹⁵⁹ Walaubagaimanapun, perkataan Buddha sebenarnya bukanlah nama bagi seseorang, tetapi secara bahasanya adalah sebutan kata nama atau kata sifat¹⁶⁰ yang berasal daripada bahasa Sankrit yang bermaksud ‘yang mendapat petunjuk’ (*awaken one*).¹⁶¹ Akar kata

¹⁵⁹ Norazlinda Bt Zakaria (2006) *Pengaruh agama Buddha ke atas Masyarakat Islam di Semarak, Kelantan*, Disertasi (MA) Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 31.

¹⁶⁰ Ahmad Shalaby, *Agama-agama Yang Terbesar di India* (Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., 2001), cet. 2, 111.

¹⁶¹ Donald S. Lopez, Dipetik pada 21hb September 2016, daripada <https://global.britannica.com/biography/Buddha-founder-of-Buddhism>

bagi Buddha adalah '*buddh*' yang membawa maksud '*to awaken*', '*to be enlightened*', '*to comprehend*' atau dalam versi lain disebut '*a supremely enlightened one*' dan '*fully awaken one*'.¹⁶² Sifat ini diberikan kepada individu yang telah mencapai suatu tahap atau pencapaian tertinggi.¹⁶³ Tahap ini merujuk kepada pencapaian ilmu pengetahuan yang tinggi dan sempurna iaitu ilmu untuk mendapatkan jalan sebagai membebaskan diri dari kesengsaraan yang dialami oleh manusia dan pada akhirnya, ilmu ini akan mengeluarkan manusia dari karma; dan mencapai nirvana. Oleh itu, ajaran Buddhisme adalah suatu ajaran yang mengajarkan supaya manusia dapat memperolehi pencapaian ilmu (nirvana) bertujuan untuk membebaskan diri dari karma. Oleh itu, nirvana adalah tujuan akhir hidup bagi ajaran tersebut.¹⁶⁴

Membicarakan sejarah awal India sering ditemui ianya merupakan ruang perdebatan dalam kalangan para tokoh ilmuwan. Sehubungan itu terdapat pelbagai versi dalam kisah pengasas Buddhisme iaitu Siddharta. Namun, kajian ini tidak bermaksud mengulangi sejarah Buddhisme secara rinci. Hanya menilai kisah Siddharta yang membawa kepada kewujudan aneka konsep ketuhanan dalam kalangan penganut Buddhisme. Dalam usaha menjelaskan latarbelakang Siddharta, kajian merujuk kepada sejarahnya yang diterima oleh kebanyakan pengkaji agama berbanding kisahnya yang disulami mitos dan lagenda. Justeru, kemungkinan kelahiran Siddharta adalah pada kurun ke-6 sebelum Masihi (SM) menjadi suatu tarikh yang diterima dan disebar luaskan oleh pelbagai tokoh sejarawan.¹⁶⁵ Dalam buku yang pelbagai, kita

¹⁶² Dipetik daripada laman sesawang <http://www.luc.edu/faculty/twren/phil120/ch3/buddhism> pada 21hb September 2016 .

¹⁶³ Oleh kerana *buddh* adalah suatu pencapaian, semestinya wujud 'pencapai' sebelum daripada Siddharta. Terdapat pandangan menyatakan bahawa Siddharta telah pun didahului oleh 24 Buddha yang lain. Kesemuanya telah mengajarkan dan menyampaikan mesej dan hukum yang sama pada era yang berbeza. Seorang Buddha hanya boleh mencapai tahap *Buddhahood* melalui perjalanan spritual yang panjang dalam pelbagai jenis kelahiran yang lepas. Mereka yang ditakdirkan dalam golongan Buddha dikenali sebagai Bodhisattva atau disebut sebagai "*creatures of enlightenment*" atau ciptaan pencerahan. Lihat L. D. Barnett, M.A. Litt. D, *The Path of Light* (London : Buttlar and Tanner Ltd., 1947), 20.

¹⁶⁴ Ann Wan Seng, *Perayaan Orang Cina* (Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti 1994), 15.

¹⁶⁵ Ninian, *The World's Religions* (United Kingdom : Cambridge, 1989), Ed. 2, 57.

turut menemui pelbagai versi cerita yang berlainan tentang Buddha. Kisah Buddha sebenarnya boleh diletakkan sebagai lagenda kerana percampuran antara beberapa fakta historis dengan cerita-cerita mitos yang menakjubkan.¹⁶⁶ Oleh itu, menyebabkan kesukaran bagi pengkaji untuk mengambil apa yang disebut “sejarah Buddha”. Walaubagaimanapun, kisah kehidupan peribadi Buddha adalah sangat penting kerana kisah hikayat suka duka inilah menjadi penguat dan semangat bagi pengikut Buddha sehingga mengangkat Buddha sebagai model kehidupan, pembimbing dan bahkan tuhan.

3.2.1 Etimologi

Siddharta telah dilahirkan di Taman Lumbini¹⁶⁷ pada malam bulan purnama pada hari Vakash atau Wesak¹⁶⁸ (April-Mei)¹⁶⁹ pada akhir abad ke-6 SM atau awal abad ke-5 SM.¹⁷⁰ Siddharta telah dilahirkan dari golongan kasta *Ksatria*¹⁷¹ dalam keluarga diraja di suatu daerah di ibu Kota

¹⁶⁶*Ibid.*, Ninian, *The World's Religions* (United Kingdom : Cambridge, 1989), 57. Lihat juga Bhikku Boddhi, *Buddha dan Dhammanya*, terj. Wahid Winoto (Jakarta : Penerbit Dian Dharma, 2006), 2.

¹⁶⁷ Taman Lumbini atau diterjemahkan dari bahasa Sanskrit bermaksud Taman Indah. Taman ini menjadi tempat pelancongan dan tumpuan penganut Buddha sehingga menjadi salah satu Tapak Warisan Dunia UNESCO (no. 666) pada tahun 1997. Menurut UNESCO, tempat ini telah menjadi tempat ziarah (*pilgrimage*) setelah Maharaja Asoka meletakkan tiang peringatan di situ suatu ketika dahulu. Kemudian ia dijadikan sebagai pusat ziarah agama Buddha. Dipetik daripada laman sesawang UNESCO pada 23hb September 2016, <http://whc.unesco.org/en/list/666/>. Lihat juga Sukumar Dutt, *The Buddha and Five After Centuries* (London : Lucar and Company Limited, 1957), 20. Lihat juga Coningham RAE, Acharya KP, Strickland KM et al., *The earliest Buddhist shrine: excavating the birthplace of the Buddha, Lumbini (Nepal)*, *Antiquity* : Durham 87 (2013), 1104–1123, kertas Kerja Durham Universiti.

¹⁶⁸ Noresah Baharom, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), ed. 4, 1806.

¹⁶⁹ Narada Mahathera, *Sang Buddha dan Ajarannya* (Jakarta : Yayasan Dhammadipa Arama, 1997), 4.

¹⁷⁰ Berkenaan tahun kelahiran Buddha secara spesifik, pelbagai pendapat diutarakan. Antaranya adalah dikatakan Buddha dilahirkan pada tahun 563 oleh Zainul Arifin, tahun 623 SM oleh Narada, dan 644 SM oleh Buddha Theravada. Narada menyebut bahawa perbezaan perkiraan antara perkiraan kalender Kristian dan Buddha yang dikira dari kematian Buddha (543 SM) dan bukan dikira dari lahirnya Buddha. Lihat Narada (1980), 2. Lihat juga G.P. Malalasekera, “Theravada Buddhisme” dalam Ismail al-Faruqi dan David Sopher, *Historical Atlas of The Religious of The World* (New York : Macmillan Publishing, 1974), 161.

¹⁷¹ L. D. Barnett, M.A. Litt. D, *The Path of Light* (London : Buttler and Tanner Ltd., 1947), 9. Kasta atau dalam bahasa Sankrit, *Varna* bererti memilih (sebuah kelompok). Kamus Dewan mengertikan kasta sebagai golongan berdasarkan tingkatan kedudukan dalam masyarakat Hindu. John Minsheu's Oxford English menyebut kasta atau *caste* adalah berasal dari bahasa Sepanyol yang bermaksud bangsa. Di India, kasta adalah satu sistem pembahagian masyarakat oleh agama Hindu kepada pelbagai kelas; sistem kasta. Pembahagian tersebut dipecahkan kepada 4 kelas iaitu (1) Brahma, yang terdiri daripada golongan pendeta dan agamawan. Individu pada kelas ini dihormati kerana keahlian mereka dalam bidang keagamaan. Oleh itu, golongan ini boleh dilahirkan dari mana-mana kelas kerana gelaran dan status Brahma diperoleh dengan proses menimba ilmu sehingga beliau diperakui sebagai

Kapilavastu atau sekarang terdapat di dalam negara Nepal. Kerajaan tersebut terdiri daripada wilayah Nepal, Bhutan dan Sikkim yang terletak di tengah-tengahnya negara India, iaitu antara Baneras dan Pergunungan Himalaya, di utara Ganges.¹⁷² Berdasarkan arkeologis terkini, Kota Kapilavastu terletak di wilayah Terai dalam negara Nepal.¹⁷³ Ayahnya bernama Suddhadana yang merupakan seorang raja aristokrasi¹⁷⁴ dari kerajaan Sakya iaitu satu kaum yang tinggal di daerah tersebut.¹⁷⁵ Ibunya adalah seorang permaisuri raja, Maha Maya. Beliau dikatakan meninggal dunia pada hari ke-7 selepas melahirkan puteranya, Siddharta. Kemudian selepas kematian Maya, adiknya Maha Pajapati Gotami dinikahi oleh baginda raja seterusnya mengambil alih tanggungjawab kakaknya sebagai ibu kepada Siddharta.¹⁷⁶

Secara etimologi, kota kelahiran Siddharta telah menarik minat pengkaji dan sejarawan dengan mengatakan bahawa terdapat persamaan antara perkataan Kapilavastu dengan *Kifli*

Brahmin. Golongan brahmin wajib mempelajari kitab-kitab Veda dan berkewajipan untuk mengajarkan kepada kaum-kaumnya.(2) Ksatria (*Kshatrya*), yang terdiri daripada bangsawan terutama yang terlibat dalam pemerintahan negara dan urusan pertahanan. Golongan ini telah dikembangkan pemukiran mereka dengan kitab Veda dan sebab itulah mereka layak untuk memimpin kerajaan, tentera dan penghakiman bagi seluruh manusia. (3) Waisya (*Vaisya*), iaitu golongan yang menggunakan keringat dan berusaha dalam proses pengeluaran produk untuk kegunaan di semua lapisan kasta. Golongan ini terdiri daripada pedagang, usahawan dan petani. Dan (4) Sudra (*Syudra*), iaitu golongan yang mematuhi arahan Brahmin yang menjadi tuan rumah yang mempunyai sifat-sifat mulia. Kepatuhan mereka dalam seharian diharap dapat mengangkat mereka kepada suatu taraf yang lebih mulia semasa kelahiran semula nanti. Anak golongan ini tidak layak untuk mengahwini golongan lebih tinggi dari mereka. Sekiranya mereka mempunyai niat untuk menyamakan diri mereka dengan golongan yang lebih tinggi, mereka akan dicap pada pangkal paha mereka dan sekiranya mereka mengangkat tangan atau tongkat dengan tinggi terhadap golongan lebih tinggi, maka tangan mereka akan dipotong. Sekiranya kaki menendang, kaki pula akan dipotong. Kemudian, sekiranya mereka mengangkat suara, mulutnya akan dimasukkan pisau bermata tiga panas sepanjang sepuluh inci. Golongan ini dipandang rendah dari keempat-empat kasta. Lihat Ahmad Shalaby, *Agama-agama Yang Terbesar di India* (Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., 2001), cet. 2, 39.

¹⁷² Ahmad Shalaby, *Agama-agama Yang Terbesar di India* (Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., 2001), cet. 2, 141.

¹⁷³ Daisaku Ikeda, *Sang Buddha Shakyamuni : Biografi Tafsir*, terj. Anton Adiwijoto (Jakarta : P.T. Indira, 1989), 8. Lihat juga Sukumar Dutt, *The Buddha and Five After Centuries* (London : Lucar and Company Limited, 1957), 18-20.

¹⁷⁴ Sistem pemerintahan yang dikawal kaum bangsawan. Lihat Noresah Baharom, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 78.

¹⁷⁵ Narada (1980), 2. Lihat juga L. D. Barnett, M.A. Litt. D, *The Path of Light* (London : Buttler and Tanner Ltd., 1947), 9.

¹⁷⁶ Dalam versi lain, Pajapati dikatakan tidak berkahwin dengan Suddhadana dan Pajapati hanya mengambil tugas tersebut hanya sebagai ibu saudara. Lihat *Pengenalan Kepada Buddhisme*, www.what-buddha-thought.net, 1.

(Zulkifli). Mereka mengatakan bahawa Nabi Zulkifli yang disebutkan di dalam al-Quran adalah memiripi Siddharta Gautama Buddha.

Keperibadian Siddharta yang komited menjadi dorongan pendiriannya demi kebenaran dengan meninggalkan keselesaan dan berdepan pelbagai ujian. Kesungguhan dalam pencarian dan penderitaan yang beliau alami menunjukkan bahawa kebenaran adalah menjadi prioriti melebihi segalanya. Kalam Azad antaranya telah meletakkan Gautama Buddha sebagai seorang nabi. Beliau menyatakan bahawa tempat lahir Siddharta iaitu Kapilavastu menyamai *wazan* bagi nama nabi Zulkifli (kaf fa lam). Menurutnya, *Kifl* dalam bahasa Arab bermaksud “*orang yang berasal dari Kifl* dan *Kifl* itu adalah sebutan Arab bagi singkatan kepada Kapilavastu; Kapila.¹⁷⁷ Perkara tersebut menjadikan Siddharta seolah-olah menyamai individu yang dinyatakan tersebut. Selain itu, seorang ulama Sudan membuat perkiraan yang sama bahawa Zulkifli yang disebut di dalam al-Quran adalah Buddha. Syeikh Ahmad Soorkati menyatakan bahawa makna *Zul-Kifl* adalah empunya pengasuhan atau yang ahli dalam mengasuh. Erti pengasuh di sini adalah mengasuh jiwa manusia. Kemudian, Syeikh Ahmad Soorkati bersependapat bahawa kalimah *Kifl* adalah berdekatan dan memiripi dengan nama negeri tempat Gautama Buddha dilahirkan.¹⁷⁸ Ia dikukuhkan dengan istilah Buddha yang disandarkan kepada Siddharta yang membawa maksud ‘yang menerima petunjuk’ dan sekaligus menegaskan bahawa Siddharta adalah antara nabi yang tidak diketahui.

Dari awal pencarian hakikat kebenaran, Buddha telah menjalaninya dengan penuh kesabaran bermula dari istana dengan meninggalkan kemewahan dan keluarga serta mencuba jalan-jalan yang direkomendasi oleh Brahmin. Sehingga pada ujian terakhirnya dalam menjalani

¹⁷⁷ Hamid Abdul Qadir, *Budza al-Akbar : Hayatuh wa Falsafatuh* (Mesir : Dar Nahdhah, 1986).

¹⁷⁸ Hamka, *Tafsir al-Azhar* (Jakarta :Penerbit PT Pustaka Panjimas, 1982) 204-205.

kehidupan esketik yang membinasakan tubuh badannya, namun kebenaran kepada persoalan kehidupannya masih gagal ditemui. Ciri kesabaran dalam diri Buddha ini telah dianalogikan seolah-olah memiripi pemilikan sifat kesabaran yang terdapat pada nabi dan rasul terdahulu. Ciri kesabaran tersebut yang disebut di dalam al-Quran yang cuba dianalogikan kepada keperibadian Siddharta Gautama untuk membuktikan bahawa beliau adalah nabi dan rasul. Ciri personaliti akhlak mulia yang dimiliki oleh para anbiya telah dianalogikan dengan pemilikan ciri yang sama pada diri Siddharta Gautama. Perkara itu seolah-olah memperlihatkan bahawa kedudukan Siddharta Gautama itu juga sebagai nabi dan rasul. Di dalam surah al-Anbiya' ayat ke-85 Allah berfirman :

وَلَيْلٌ مُّجِيْلٌ وَالْإِنْسَ وَذَ الْفَالْ كُلِّ مِّنَ الصَّوِيْنَ ٨٥

85. dan (Demikianlah pula) Nabi-nabi Ismail dan Idris serta Zulkifli; semuanya adalah dari orang-orang yang sabar.¹⁷⁹

Sebagaimana yang dianalogi sebagai Nabi Zulkifli, Siddharta mempunyai ciri yang sama disebutkan di dalam ayat ini. Perkara tersebut boleh dilihat sebagaimana kesabaran beliau dalam beberapa hal antaranya dalam mencari pencerahan bagi jawapan permasalahannya. Biara-biara telah dilawati dan beliau mengambil inisiatif untuk bersama-sama mendalami apa sahaja rekomendasi daripada biarawan-biarawan. Keputusan-keputusan yang diambil Siddharta semuanya ditempuhi dengan penuh kesabaran sehingga tercapai matlamat hakikatnya. Penegasan Bhikku yang menyatakan bahawa untuk seseorang itu mendapatkan hakikat kehidupan, beliau perlu menjalani asketik untuk menyucikan jiwa dan roh. Dalam tempoh ini, ternyata bahawa Buddha bukan sahaja telah meninggalkan kemewahan bahkan meninggalkan urusan dunia dan tidak lagi menghiraukan keadaan di sekelilingnya bahkan meninggalkan keperluan kelangsungan hidup termasuk makan dan minum. Dengan kesabaran yang tinggi, Buddha menguji setiap ajaran

¹⁷⁹ Abdullah Muhammad Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (Kuala Lumpur : Dar al-Fikr, 1968).

untuk mendapatkan jawabannya namun satu-satu berakhir dengan kegagalan. Namun, kegagalan ujian-ujian tersebut langsung tidak memutuskan semangat beliau untuk terus berusaha mencari.

Setelah penemuan *enlightmen*, Buddha kemudian merancang untuk memulakan perkongsian pencerahannya kepada kenalan terdekatnya walaupun menyadari bahawa mereka adalah pengikut Brahmin.¹⁸⁰ Walaupun berbeza dari satu aspek, Buddha berpendapat bahawa sahabatnya masih mencari sesuatu yang sama dengannya iaitu mencari rahsia hidup. Oleh kerana cita-cita mereka sama, Buddha yakin mereka akan menerima ajarannya.¹⁸¹ Buddha kemudian meneruskan perjalanan penyebarannya.¹⁸² Kemudian, dengan kesabarannya hari demi hari ‘dakwahnya’ mulai tersebar dan pengikutnya semakin bertambah dan merangkumi pelbagai lapisan masyarakat. Tidak dikhususkan hanya untuk golongan kasta sahaja.¹⁸³ Sinaran pencerahan dapat dilihat dengan pertambahan pengikut merangkumi rakyat jelata bahkan raja-raja juga tertarik dan mengambil petunjuk hakikat hidup Siddharta Gautama Buddha.¹⁸⁴ Selepas menghembuskan nafas terakhir pada umur ke 80 tahun, ajaran Buddha kemudian berkembang

¹⁸⁰ Ajaran ini disebut oleh Buddha sebagai ajaran yang tidak tepat. Lihat K.H. Agus Hakim, *Perbandingan Agama* (Bandung : CV Diponnegoro, 1985), 167.

¹⁸¹ *Ibid.*, Agus Hakim, *Perbandingan Agama* (Bandung : CV Diponnegoro, 1985), 167. Kemudian Buddha menuju ke Isipatana (Sarnath) di Kota Baneras yang merupakan tempat suci bagi penganut Hindu untuk mencari temannya iaitu lima pendeta dahulu. Ketika dalam perjalanan tersebut, Buddha telah terserempak dengan bekas gurunya, Uddaka Lahore. Dalam pertemuan tersebut, Gautama Buddha belum lagi menyampaikan pencerahan tersebut sebaliknya hanya memperkenalkan dirinya sebagai “Pembawa Kebenaran” (Saint of Victor). Lihat K. Nedaraja, *Tracing The Footstepsof Buddha*, dalam *The New Straits Times*, Isnin 15hb Mei 1995, 31. Lihat juga Daisaku Ikeda, *Sang Buddha Shakyamuni : Biografi Tafsir*, terj. Anton Adiwijoto (Jakarta : P.T. Indira, 1989), 29.

¹⁸² Kemudian Buddha tiba di sempadan Sungai Ganges dan beliau menyeberanginya dan akhirnya hajat untuk bertemu kelima-lima sahabatnya berjaya ; Anya Kontanya, Assaji, Pattiya, Vappa dan Mahanama. Setelah itu, Buddha memulakan khutbahnya di Taman Rusa, di Desa Sarnath. Antara kata-kata yang pertama dalam menyampaikan risalah yang dikenali sebagai Sermon at Baneras adalah: “Saya adalah seorang seni dan sempurna yang memperoleh hikmat”. Lihat M. L. Manish Jumsai, *Understanding Thai Buddhisme* (Bangkok : Chalermint Press, 1971), 110-111. Lihat juga Daisaku Ikeda, *Sang Buddha Shakyamuni : Biografi Tafsir*, terj. Anton Adiwijoto (Jakarta : P.T. Indira, 1989), 86-90.

¹⁸³ Agus Hakim, *Perbandingan Agama* (Bandung : CV Diponnegoro, 1985), 167.

¹⁸⁴ M. Rifai, *Perbandingan Agama* (Semarang : Wicaksana, 1984), 94.

secara giat terutama selepas 300 tahun kematian Siddharta dan peranan menyebarkan ajaran ini telah dimainkan oleh beberapa pemimpin seperti Maharaja Asoka.¹⁸⁵

Searah dengan perkembangan, sesuatu yang tidak dapat dielakkan adalah lahirnya kepelbagaian dalam ajaran. Ini kerana lazimnya perkembangan melangkaui daerah sempadan dan pertambahan pengikut dari luar kawasan. Ini menyebabkan pertambahan permasalahan dan perbincangan. Seterusnya jawapan yang pelbagai akan menyebabkan lahir kepelbagaian aliran. Ajaran Budddhisme turut mengalaminya selepas ketiadaan Buddha. Beberapa aliran telah lahir sejak berkembangnya ajaran Buddha ke serata pelusuk dunia. Walaubagaimanapun, aliran tersebut hanya merupakan pecahan daripada dua tradisi utama iaitu Hinayana dan Mahayana. Kewujudan dua aliran dalam Buddha bukanlah atas dasar perbezaan pokok ajaran, tetapi hanya berbeza dari segi ritual dan peraturan mengikut kebudayaan sesuatu bangsa.¹⁸⁶ Bahkan setiap aliran ini saling mempertahankan ajaran Buddha yang sebenar.

Terdapat beberapa usaha untuk mengumpulkan pengikut Buddha selepas kematian pengasasnya. Pada seperempat terakhir abad ke-5 SM, Mahakashyapa ketika itu memimpin murid-murid Buddha sehingga terjadinya Persidangan Pertama¹⁸⁷. Seramai 500 orang murid belia yang terkemuka berjaya dikumpulkan di Rajagaha, ibu negeri Magadha.¹⁸⁸ Dalam persidangan yang julang kali diadakan tersebut, banyak isu yang dibincangkan antaranya

¹⁸⁵ Jerry Bentley, *Old World Encounter : Cross-Cultural Contact and Exchange in Pre-Modern Times* (New York : Oxford University Press, 1993), 46.

¹⁸⁶ Ann Wan Seng, *Perayaan Orang Cina* (Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti 1994), 16. Walaubagaimanapun, Ahmad Shalaby mengemukakan perkara berbeza dengan mengatakan bahawa perubahan berlaku melibatkan juga hal-hal dasar pokok ajaran.

¹⁸⁷ Collin McDougall, *Buddhisme In Malaya* (Singapura : Donal Moore, 1956), 13.

¹⁸⁸ P. V. Bapat, *2500 Years of Buddhism* (Government of India : The Publications Division, 1959), cet. 2, 60.

berkenaan (1) pokok-pokok ajaran (*Dhamma*), (2) peraturan-peraturan, dan (3) tata tertib (*Vinaya*) yang harus ditaati oleh setiap *Sangha* dalam masyarakat wat.¹⁸⁹

Perbezaan timbul dalam kefahaman dan pandangan para penganut Buddha mengenai beberapa tuntutan dalam kitab *Winayapittaka*. Oleh kerana bibit perbezaan tercetus pada peringkat ini, wujud usaha untuk menyatukan penganut Buddha dengan mengusahakan satu lagi perjumpaan. Sehingga pada abad yang seterusnya, persidangan telah berlangsung di Vaisali yang dikenal sebagai Persidangan Kedua. Pada tahun 383 SM (abad ke-4) persidangan secara khusus diadakan untuk membincangkan tentang *Vinaya*. Walaupun persidangan ini antara lain bertujuan untuk menyatukan perbezaan yang telah lahir sebelumnya, namun ianya tidak dicapai dan perpecahan di antara para *Sanggha* tidak dapat dielakkan lagi. Dari sinilah telah timbul perbezaan yang ketara antara pengikut dan melahirkan perpecahan ajaran Buddha kepada dua aliran utama.¹⁹⁰

Golongan pertama yang lahir dalam persidangan tersebut adalah golongan yang tradisional atau konservatif. Golongan ini menamakan diri mereka dengan Sthaviravadins atau lebih masyhur dikenali dengan Theravada, Hinayana atau Buddhisme Selatan.¹⁹¹ Golongan kedua pula menamakan diri mereka sebagai Mahasanghikas atau masyhur sehingga hari ini dengan nama Mahayana. Golongan kedua ini dilihat sebagai bersifat liberal dalam memberikan pentafsiran dalam ajaran. Dalam mengamalkan ajaran, golongan ini lebih bebas dalam mentafsir ajaran Gautama Buddha.

¹⁸⁹ Pada persidangan ini, para pendeta daripada anggota Sanggha telah menulis kesemua pengajaran yang disampaikan oleh Buddha. Hasilnya dua kitab telah dibukukan dan dinamakan dengan *Winayapittaka* dan *Sutrapittaka* kemudian diwarisi kepada generasi ke generasi. Lihat Rogayah Ester, 55.

¹⁹⁰ Abu Akhmadi, *Perbandingan Agama* (Sala : AB. Sitti Syamsiyah, 1974), cet. 3, 1, 50. Lihat juga Collin McDougall, *Buddhisme In Malaya* (Singapura : Donal Moore, 1956), 13-14. Lihat juga Agus Hakim, *Perbandingan Agama* (Bandung : CV Diponnegoro, 1985), 176.

¹⁹¹ Blancard Wendell, *Thailand* (t.t.p : New Haven Hraf Press, 1970), 87.

Pada persidangan kedua, penyusunan baru kitab suci telah dijalankan iaitu Empat Himpunan Baru dalam *Sutta-Pitaka* yang dipanggil *Nikaya*.¹⁹² Pada Pesidangan Kedua ini, perbincangan juga dilihat khusus mengenai pegangan penganut aliran Mahayana.¹⁹³

Seterusnya ketika pemerintahan Dinasti Maurya (321-184 SM)¹⁹⁴ ketika ditadbir oleh Asoka (268-232 SM)¹⁹⁵ yang merupakan antara pemerintah terhebat dalam sejarah India dan menganuti ajaran Buddhisme dan sekaligus menjadikan beliau sebagai raja Empayar India pertama yang menjadi penaung kepada ajaran Buddha. Beliau telah menetapkan Buddha sebagai agama rasmi empayarnya.¹⁹⁶ Seiring dengan pengembangan empayarnya, Asoka tidak melepaskan peluang untuk memastikan keterjaminan ajaran Buddha tersebar ke seluruh benua India dan beberapa negeri lain sehingga menjadikan tempoh pemerintahan beliau sebagai zaman keemasan serta puncak kemegahan selepas tiga abad peninggalan Gautama Buddha.¹⁹⁷

24 tahun pemerintahan, pada tahun 244 SM Asoka telah mengadakan persidangan untuk agama Buddha di Patalputra. Dalam persidangan ini, segala pokok ajaran Gautama Buddha mula disusun secara bertulis dalam bahasa Pali. Kemudian dihimpunkan ajaran-ajaran Buddha

¹⁹² Rogayah Ester, 56. Empat Himpunan Baru tersebut ialah (1) Majjhima Nikaya, (2) Samyutta Nikaya, (3) Anguttara Nikaya dan (4) Kuddhaka Nikaya. Sebelumnya, Sutta-Pitaka terdiri dari satu himpunan sahaja iaitu Dhiga Nikaya. Ia merupakan koleksi 34 syarahan panjang Gautama Buddha yang mengandungi tiga puluh empat sutta dan paling masyhur daripadanya adalah Sutta tentang Kemangkatan Terbesar (Mahaparinibbanna-sutta). Sutta tersebut mengandungi pelbagai perbincangan daripada tiga bulan terakhir kehidupan Gautama Buddha dan ucapan-ucapan beliau. Kemudian setelah berakhir persidangan kedua ini, Sutta-Pitaka disusun semula dan terdiri daripada lima bahagian setelah berlaku pertambahan empat bahagian lainnya.

¹⁹³ P. V. Bapat, *2500 Years of Buddhism* (Government of India : The Publications Division, 1959), cet. 2, 41-44.

¹⁹⁴ Dinasti yang dibangunkan oleh Chandragupta yang telah berjaya menguasai ibu Kota Taksila dari tangan Seleucus Nicator pada tahun 305 SM. Lihat G. T. Bettany, *Encyclopedia of World Religions* (London: Bracken Books, 1988), 294.

¹⁹⁵ Pada tahun 268 SM, pemerintahan kerajaan diambil alih oleh putera Chandragupta iaitu Bindusara (297-268 SM), kemudian berpindah takhta kepada cucunya iaitu Asoka. Lihat Thapar Romila, *Asoka and The Decline of The Mauryas* (Oxford: Oxford University Press, 1973), ed. 2, 51. Pendapat lain juga menyebut bahawa pemerintahan telah diambil oleh Asoka pada tahun 270 SM, lihat Mircea Eliade, *The Encyclopedia of Religions* (New York: Mcmillan Publishing Company, 1987), 338.

¹⁹⁶ Rogayah Ester, 57.

¹⁹⁷ G. T. Bettany, *Encyclopedia of World Religions* (London : Bracken Books, 1988), 294. Lihat juga Mircea Eliade, *The Encyclopedia of Religions* (New York : Mcmillan Publishing Company, 1987), 338.

menjadi *Tripitaka* yang bermaksud ‘tiga bakul’ yang mengandung tiga bahagian ajaran Buddha. Pada ketika ini, jarak penyusunan kitab suci dengan kematian Gautama Buddha adalah hampir tiga abad. Dalam jangka masa tersebut, kemungkinan untuk berlaku pertambahan tafsiran oleh pengikut terkemudian Buddhisme dan perkara ini berlaku sehinggakan ia menyukarkan para pengkaji dan sarjana agama untuk membezakan antara ucapan asal atau tambahan yang telah dihindungkan bersama dalam kitab tersebut. Apatah lagi, setiap tafsiran dan ajaran yang dimasukkan dalam himpunan kitab turut disandarkan kepada Gautama Buddha.¹⁹⁸

Setelah hampir 14 dekad memerintah, akhirnya pada tahun 184 SM Dinasti Maurya dikalahkan oleh Dinasti Sungga (184-78 SM). Kali ini, pemerintah yang baru dilihat sebagai pro-Hindu dengan mengambil golongan Brahmin sebagai penasihat empayar. Bahkan Dinasti Sungga telah memberikan tekanan terhadap penganut Buddha yang ketika itu adalah majoriti rakyatnya. Sejak daripada itu, kesan tekanan tersebut akhirnya telah melemahkan pengaruh Buddha dan beransur kurang pengikut Buddha. Akhirnya pada tahun 78 SM, Dinasti Sungga runtuh kerana berlaku pemberontakan di merata-rata tempat. Pemberontakan yang berlangsung hingga satu abad ini telah menyebabkan lahirnya penguasa-penguasa setempat dengan mengisytiharkan kedaulatan kerajaan masing-masing. Walaubagaimanapun, kebanyakan penguasa-penguasa ketika itu masih mempertahankan agama Hindu dan terus memberikan tekanan terhadap agama Buddha.

Namun begitu, terdapat seorang penguasa yang bersifat terbuka terhadap agama Buddha. Dinasti Kushana (78-178 M) berada di bawah pemerintahan Raja Kanisha yang bertempat di Kota Ujjain dan Kota Mathur yang terletak di sebelah barat benua India. Raja Kanisha

¹⁹⁸ Joesoef Sou'yb, *Agama-agama Besar di Dunia* (Jakarta : Pustaka al-Husna, 1993), 87. Lihat juga G. T. Bettany, *Encyclopedia of World Religions* (London : Bracken Books, 1988), 294.

menjadikan kotanya sebagai pusat pengembangan agama, falsafah dan kesenian yang masyhur seterusnya menjadikan agama Buddha kembali bersinar. Ketika pemerintahan Kanisha, telah berlangsungnya satu lagi persidangan yang bertempat di Kota Jalandra di dalam wilayah Punjab yang dikelolakan oleh *Prakarsa sekta Sarvastivada*, iaitu pecahan dari aliran Theravada. Hasil persidangan kali keempat ini adalah berlakunya penterjemahan *Tripitaka* ke dalam bahasa Sankrit dan disusun ‘bunga rampai’ bernama Agamas yang kandungannya menyamai *Nikaya*.¹⁹⁹

Pada zaman inilah, terzahir pelbagai perbezaan yang ketara dalam dua aliran ajaran Buddhisme merangkumi hukum-hukum kecil dan sampingan, kesan daripada perbezaan tafsiran dalam hukum-hukum yang ditetapkan oleh Gautama Buddha. Selain itu, bukan sahaja perkara kecil menjadi perbalahan bahkan hal-hal pokok ajaran dan kepercayaan mula diperbahaskan pada peringkat ini. Dalam persidangan keempat ini, tidak semua aliran Buddha dapat dikumpulkan kerana pendokong aliran Mahasangghika sahaja yang hadir. Oleh kerana pendokong aliran yang lain tidak hadir, maka wujudlah perpecahan yang besar antara kedua-dua aliran dalam perjumpaan kali ini. Akibatnya, aliran ini bergerak dengan pendirian masing-masing. Sehingga pada abad ke-2 muncul tokoh dalam Mahasangghikas iaitu Nagarjuna. Beliau mengubah bentuk golongan tersebut dengan menamakan aliran mereka dengan Mahayana dan aliran Sthawirawade sebagai Hinayana.²⁰⁰

Hinayana atau Theravada dikenal sebagai aliran yang mengikut tradisi silam, “*the teaching of elders*” atau “*the ancient teaching*”. Hinayana adalah istilah dari bahasa Sankrit yang bermaksud ‘kenderaan kecil’. Dalam perspektif halatuju kehidupan dan cara hidup, Theravada berusaha untuk menjadi ‘orang zuhud’ dengan meninggalkan kehidupan duniawai, dan berusaha

¹⁹⁹ Mircae Eliade, *The Encyclopedia of Religions* (New York : Mcmillan Publishing Company, 1987), 340-341. Lihat juga Abu Akhmadi, *Perbandingan Agama* (Sala : AB. Sitti Syamsiyah, 1974), cet. 3, jil. 1, 50.

²⁰⁰ Agus Hakim, *Perbandingan Agama* (Bandung : CV Diponnegoro, 1985), 177.

menjadi orang suci yang mencapai tahap Buddha yang mencapai nirvana. Cara hidup ini hanya dijalankan oleh para sami yang menumpukan seluruh kehidupan mereka di wat-wat. Mereka mengharapkan agar perjalanan hidup mereka bakal tidak dilahirkan semula dan menjadikan mereka individu yang sama atau berada dalam kehidupan nirvana pada kehidupan seterusnya.²⁰¹

Mahayana atau Mahasanghikas adalah aliran yang lahir sekitar abad ke-4 M dalam persidangan ke-2 di Vaisali. Secara terminologi, Mahayana merupakan perkataan Sanskrit yang bererti ‘Kenderaan Besar’.²⁰² Menurut Jan Nattier, Mahayana asalnya adalah sinonim bagi Bodhisattvayana (Kenderaan Bodhisattva).²⁰³ Mahayana adalah aliran yang tersedia kepada semua manusia daripada keseluruhan cara hidup bukan sahaja sami dan kehidupan asketik. Aliran ini menggunakan kitab suci dalam bahasa Pali seperti Theravada tetapi karya-karya *sutra* lain dipakai dalam bahasa Sankrit.²⁰⁴ Mahayana adalah aliran yang lebih liberal dalam memahami ajaran Gautama Buddha berbanding Theravada yang hanya mengamalkan apa sahaja ajaran tanpa mentafsirkan mengikut kesesuaian. Sebagai contoh, dalam menjalankan kehidupan, mereka mengharapkan untuk menjadi Boddhisattva dan bukanlah biarawan seperti aliran Theravada. Sebagai individu awam, mereka harus untuk menjalankan kehidupan seharian dan dalam masa yang sama mereka tidak mementingkan diri sendiri dengan mengambil jalan untuk melambatkan nirvana bagi tujuan membantu yang lain untuk sama-sama menarik individu lain untuk mencapai nirvana seperti yang dilakukan oleh Gautama Buddha.

Perkembangan aliran dalam ajaran Buddhisme yang mutakhir itu telah memberikan impak dalam pemahaman terhadap ajaran Buddha khususnya dalam kalangan penganut aliran

²⁰¹ *Mahayana Buddhisme*, <http://www.religionfacts.com/mahayana> , dipetik pada 7hb November 2016.

²⁰² A. K. Warder, *Indian Buddhisme* (Delhi : Motilal Banarsidass, 2000), 388.

²⁰³ Nattier, Jan, *A Few Good Men : the Bodhisattva path according to the Inquiry of Ugra* (Hawaii : University of Hawaii Press, 2003), 174.

²⁰⁴ *Mahayana Buddhisme*, <http://www.religionfacts.com/mahayana> , dipetik pada 7hb November 2016.

Mahayana. Walaupun peringkat awal aliran Hinayana dan Mahayana saling melengkapi dan sependapat dalam pemahaman ajaran Buddhisme, namun selepas persidangan Vaisali, pemahaman kedua aliran tersebut adalah berbeza. Sekaligus turut memberikan kesan dalam pemahaman terhadap konsep ketuhanan dalam ajaran Buddhisme.

3.2.2 Pencerahan dan Ilham

Sehubungan perbincangan tersebut, ajaran Siddharta bermula ketika berlakunya *enlightment* pada suatu malam pertapaannya dan ketika ini Siddharta telah menjadi sepenuhnya Buddha, “*the awaken one*”.²⁰⁵ Kenikmatan pencerahan hikmat yang tinggi yang dirasainya itu dapat melepaskan beliau dari *samsara*, iaitu tercapainya keamanan dari pengetahuan spritual; nirvana.²⁰⁶ Buddha merenungkan erti rahsia pencerahan yang dicapainya, dia merasakan kebahagiaan dan kegembiraan. Walaupun indah pada diri beliau, namun kesedihan masih menyelubungi perasaannya kerana memikirkan perihal keadaan manusia keseluruhannya. Berkenaan petunjuk hakikat yang diimpikan selama ini²⁰⁷ yang telah ditemuinya, terdapat sebahagian pengkaji barat telah menyamakan hal tersebut seperti asas penerimaan wahyu dalam Islam.²⁰⁸ Hal ini kerana, gambaran yang diberikan Siddharta ketika mendapat ‘*isyraq*’ tersebut sebagai suatu suara yang bercakap kepadanya. Pencerahan yang ditemui Siddharta digambarkan oleh Maulana Muhammad Abd al-Salam al-Ramburi sebagai:

Dia tenggelam dalam penenungannya dan mengharungi fikirannya kerana dia telah ditarik oleh suatu rintihan langit. Dia tidak sedar dengan dirinya dan apa

²⁰⁵ Digambarkan juga ketika peristiwa mendapat pencerahan tersebut, pelbagai keajaiban telah berlaku antaranya, berlaku sebanyak enam kali gempa bumi, seluruh alam diterangi cahaya, kejahatan meninggalkan hati manusia, segala kelompokan ditampung dengan kesempurnaan, semua makhluk mendamaikan, dan dewa-dewa menyebarkan bunga-bunga bahkan Siddharta diberi gelaran *Tathagata*. Lihat Harun Hadiwijono, *Agama Hindu dan Buddha* (Jakarta : Badan Penerbitan Kristen, 1977), 52.

²⁰⁶ L. D. Barnett, M.A. Litt. D, *The Path of Light* (London : Buttler and Tanner Ltd., 1947), 10.

²⁰⁷ Edward Thomas, *The Live of Buddha* (New York : Routldge, 2000) 80. Lihat Ahmad Shalaby, *Agama-agama Yang Terbesar di India* (Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., 2001), cet. 2, 109.

²⁰⁸ Rene Sedillot, *The History of The World* (t.t.p : Mentor Book, 1952), 52. Dipetik daripada Ahmad Shalaby, *Agama-agama Yang Terbesar di India* (Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., 2001), cet. 2, 109.

yang berada di sekelilingnya. Dia terus ditimpa oleh keadaan dan perubahan satu demi satu. Kemudian perasaannya datang semula dan timbul nyata sedikit demi sedikit. Alam menjadi cerah, akal sudah terpisah dari tanda-tanda kebendaan, dadanya terbuka dan dia melihat alam ini dalam pembentukannya, perubahannya dan menampakkan cahaya. Dia merasa kegembiraan yang belum pernah dirasakan hatinya, dia mendapat kekuatan yang tidak pernah sesekali dirasainya. Dia melihat saluran-saluran hidup, dia meliputi segala kepedihan dan mengetahui semua punca, penderitaan serta menyingkap punca-punca kegembiraan. Dia mendapat suatu jalan yang memandunya kepada penghapusan kedukaan dan kebinasaan penderitaan. Dia mendapat apa yang dicita-citakannya dan mencapai tujuannya, dia terlepas dari beberapa perubahan hidup, terselamat dari tekanan-tekanan penderitaan, perasaannya menjadi subur cergas, penglihatan hatinya menjadi terang, duduklah dia di singgahsana ajaran Buddha dan menjadi seorang Buddha atau orang arif yang sentiasa berjaga dan seorang alim yang sentiasa berseri-seri.”²⁰⁹

Begitu juga menurut Zainur Arifin, pencerahan yang diperolehi Siddharta memperlihatkan bahawa punca segala kesengsaraan adalah nafsu. Nafsu sewajarnya dikawal dan bukan sebaliknya. Bermaksud, punca penderitaan manusia adalah manusia sering mengikut nafsu sehingga memusnahkan.²¹⁰ Justeru persepsi masyarakat penganut Buddhisme yang meletakkan Buddha sebagai pembimbing itu lebih jelas hujahnya berbanding tuhan kerana Siddharta turut menerima ‘pencerahan’ yang seolah-olahnya seperti nabi. Walaubagaimanapun, berdasarkan pengertian ‘*the awakening*’ yang digambarkan sebagai :

*Siddharta’s quest was to end the eternal cycle of death – birth – rebirth and the suffering of all sentient being, but he could not achieve enlightenment until he had found a middle way between heedless luxury and ascetic self-denial.*²¹¹

Sebagaimana yang dimaklumi bahawa Siddharta telah berfikir tentang permasalahan tentang kematian, kelahiran, kelahiran semula dan penderitaan manusia. Kemudian beliau mempraktikkan beberapa cadangan pendeta dan seterusnya menemui jalan pertengahan

²⁰⁹ Muhammad Abd al-Salam al-Rambuli, *Falsafat al-Hind al-Qadimah*, 89-90. Lihat juga Ahmad Shalaby, 109-110.

²¹⁰ Muhammad al-Syahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, terj. Asywadie Syukur (Bandung : PT Bina Ilmu, t.t), M. Said Kailani, *Agama-agama Kuno yang Belum Dibicarakan Syahrastani*, ((Bandung : PT Bina Ilmu, 1961), bah. 3, 12.

²¹¹ Ian Harris, *The Complete Illustrated Encyclopedia of Buddhisme* (UAE : Hermes House, 2011), 20.

antara keduanya dan kemudia melakukan meditasi di bawah pohon Boddhi. Seterusnya ketika mendapat pencerahan tersebut, mesej tersebut tidak lari daripada pemikiran beliau iaitu untuk keluar daripada putaran hidup tersebut. Selain itu, mesej yang bersifat ilham tersebut merupakan hasil daripada pemikirannya.

Ketika mendapat pencerahan dalam meditasi tersebut, Siddharta telah digambarkan telah diganggu oleh beberapa unsur jahat sebagai gangguan daripada Mara iaitu kuasa yang bergabung dengan kematian dan kelahiran semula. Gangguan tersebut dikatakan adalah bagi menghalangnya untuk memperoleh kebebasan dan pencerahan. Walaubagaimanapun, pada akhirnya Siddharta berjaya menangkis gangguan ruh Mara tersebut.²¹²

3.3 Konsep Ketuhanan dalam Buddhisme

3.3.1 Ateisme

Berdasarkan perbincangan di atas, aliran Hinayana merupakan aliran yang berpegang teguh kepada ajaran asal Buddhisme dan Mahayana lebih liberal dalam mentafsirkan ajaran Buddhisme. Sehubungan itu, dalam perbincangan konsep ketuhanan, ternyata muncul pelbagai persepsi akibat dua aliran yang berbeza ini.

Menurut aliran Hinayana tumpuan utama ajaran Buddhisme adalah aspek moral dan etika. Justeru, ketidakwujudan tumpuan perbahasan mengenai konsep ketuhanan dalam Buddhisme, mencetuskan penafian bahawa Gautama Buddha mengajarkan kepercayaan terhadap tuhan.

²¹² Ian Harris, *The Complete Illustrated Encyclopedia of Buddhisme* (UAE : Hermes House, 2011), 21.

“In the tipitaka there is absolutely no reference whatever to the existence of a God. On several occasions the Budha denied the existence of a permanent soul (Atta). As to the denial of a Creator-God, there are only a few references. Buddha never admitted the existencence of a creator whether in the form of a force or a being.”

Bahkan Buddha dikatakan telah menolak akan kewujudan tuhan samada secara zat atau dalam bentuk suatu kuasa atau perlakuan. Menurut Nerada, Buddha telah menafikan suatu kuasa supernatural kepada manusia dan menolak secara diam dalam diri Buddha terhadap persoalan penting ini. Dengan memetik daripada *Anguttara Nikaya* :

“Whatever happiness or pain or neutral feeling this person experiences all that is due to the creation of a Supreme Deity (issaranimmanahetu).”

Melalui teks ini, pandangan bahawa kemahuan kita adalah daripada kehendak Pencipta. Segala takdir secara keseluruhannya adalah berada pada kuasaNya. Ketentuan semuanya adalah ditentukan olehNya. Nerada menyatakan pemahaman berkaitan maksud kebebasan yang diberikan kepada makhluk daripada Pencipta adalah salah. Menurut Nerada lagi, Buddha selanjutnya telah mengkritik pandangan tersebut :

“So, then, owing to the creation of a Supreme Deity men will become murderers, thieves, unchaste, liars, slanderers, abusive, babblers, covetous, malicious and perserve in view. Thus for those who fall back on the creation of God as the essential reason, there is neither desire nor effort nor nacementy to do this deed or abstain from that deed.”

Sikap Buddha telah digambarkan sebagai skeptikal dalam soal wujud tuhan pencipta dan dalam masa yang sama tidak dapat membuktikan ketiadaan tuhan.²¹³

Menurut aliran Hinayana bahawa ajaran Buddhisme menekankan falsafah etika dalam kehidupan. Dengan menekankan aspek falsafah dan cara hidup, Buddha menuntut pengikut-

²¹³ Hyes, Richard P., *Principled Atheism in The Buddhist Scholastic Tradition* (Journal of Indian Philosophy, 1991), 9.

pengikutnya mengamalkan ajaran dan pengalaman yang dilaluinya sebelum ini. Pengalaman yang dilaluinya dapat mengajar manusia memahami kehidupan yang sebenar.

“The Buddha introduced a righteous way of life for us to follow after having himself experienced the weaknesses and strengths of human mentality. During the early part of his life as a young man he experienced worldly pleasures just like any other human being”.

Pengalaman yang dimaksudkan adalah penemuannya terhadap ilmu pengetahuan, iaitu solusi kepada penderitaan manusia yang berpunca daripada perbuatan masa lampau mereka. Oleh itu Siddharta Gautama Buddha mengajar manusia supaya menjalani kehidupan dengan melakukan kebaikan bermatlamat untuk keluar dari putaran kelahiran atau mencapai nirvana. Selain itu, *Dharma* adalah asas ajaran Buddha yang menjadi pegangan penganut Hinayana dalam kehidupan beragama.

“The Buddha advised mankind to follow his teachings and practice diligently what he preached in order to gain salvation. In fact, we cannot call ourselves followers of the Buddha if we merely follow him blindly by just regarding him as a powerful master. What the Buddha expected of us is to live in accordance with the Dharma. Only then can we truly say to all that we do follow the Buddha”²¹⁴

Dharma sebenarnya adalah suatu jalan praktikal yang ditekankan sebagai satu “*lifestyle*”. Buddha menganjurkan supaya setiap ajarannya dipraktikkan bagi mendapatkan hakikat kehidupan. Melalui pengalamannya yang lampau, Buddha telahpun menemui hakikat tersebut dalam perjalanan pencarian yang penuh liku sebelum ini. Justeru, sebagai pengikut setia Buddha, hanya perlu mempraktikkan sahaja pencerahan yang ditemuinya.²¹⁵

Asasnya ajaran Buddha berlandaskan penderitaan yang telah dialami manusia akibat daripada kekhilafan yang wujud dalam ajaran Hinduisme yang menekankan aspek kasta. Justeru,

²¹⁴ K. Sri Dhammananda, *How to Practice Buddhism* (Kuala Lumpur : Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society, 2000), 29.

²¹⁵ Narada, *The Buddha and His Teaching* (Kuala Lumpur : Buddhist Missionary Society Malaysia, 1988), 108.

Buddha menekankan aspek etika dan moral dan Buddha telah mengalami pencerahan berhubung perihai tersebut dalam pertapaannya. Buddha telah menganjurkan agar manusia dapat mempraktikkannya sebagai solusi. Setelah penderitaan dapat dihindarkan dalam kehidupan manusia, mereka diharapkan dapat terus keluar daripada punca penderitaan dan terhapus dari lingkaran penderitaan tersebut. Sebagai matlamat akhir, mereka berharap ia diakhiri dengan pencapaian yang terbesar iaitu nirvana. Pencapaian ini bakal memutuskan manusia dengan lingkaran kehidupan dan mengangkat mereka ke tahap yang tinggi. Walaubagaimanapun, perkara ini hanya dapat dicapai melalui usaha yang gigih dari penganut dan menghasilkan perubahan. Justeru, para penganut aliran Hinayana wajar memahami dan mempraktikkan *Dharma*.

*“The Buddha introduced a righteous way of life for us to follow after having himself experienced the weaknesses and strengths of human mentality. During the early part of his life as a young man he experienced worldly pleasures just like any other human being”.*²¹⁶

Antara salah satu ajaran *dharma* adalah empat jalan mulia atau empat kebenaran agung. Empat jalan atau cara ini adalah anjuran supaya manusia dapat menjalani hidup dengan kebaikan dan menghindarkan kedukaan dalam kehidupan seharian.

*“Buddhisme teaches followers to perform good and wholesome actions, to avoid bad and harmful actions, and to purify and train the mind. The aim of these practices is to the suffering of cyclic existance, samsara, by awakening the practitioner to the realisation of true reality, the archievement of Nirvana and Buddhahood”.*²¹⁷

Dasarnya, dalam Empat Jalan Kebenaran penganut diajarkan asas kehidupan. Pengetahuan mengenai dasar kehidupan dititikberatkan supaya manusia dapat mengenal erti sebenar dan dapat

²¹⁶ K. Sri Dhammananda, *How to Practice Buddhism* (Kuala Lumpur : Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society, 2000), 28.

²¹⁷ *Buddhist temple opens in Nicosia*, Jean Christou, Cyprus Mail, dicapai pada 7hb November 2017. <http://www.buddhistchannel.tv/index.php?id=3,1441,0,0,1,0#.WgFY5SB97cs>

menjalaninya dengan jalan yang betul dan petunjuk yang ada. Pertama daripada Empat Jalan Mulia adalah *dukkha*, iaitu kefahaman bahawa kehidupan manusia pada asalnya adalah daripada keduakaan. Keduanya adalah *samudaya* iaitu suatu ajaran supaya penganut mengetahui bahawa *dukkha* mempunyai puncanya. Seterusnya yang ketiga iaitu *nirodha* yang bermaksud lenyap. Lenyap di sini adalah kefahaman bahawa wujudnya kebenaran tentang lenyapnya *dukkha*. Terakhir bagi Empat Jalan Kebenaran adalah *darga*. Dalam asas keempat ini, kefahaman pengikut disuntik berkenaan amalan yang perlu dilakukan untuk mencapai kebenaran supaya *dukkha* dapat dihindarkan.

Selain itu, pencerahan yang dikemukakan oleh Buddha dikategorikan kepada tiga tahap iaitu (1) tahap pertama, Buddha telah mengetahui kehidupan terdahulu, (2) tahap kedua beliau mengetahui segala apa yang telah terjadi dan (3) beliau mendapat ilmu berkaitan asbab yang menjadi punca segala kejahatan.²¹⁸

Sebagai solusi, Buddha mengajak manusia untuk memilih jalan tengah dalam kehidupan dunia yang merujuk kepada keseimbangan antara dua perkara dalam setiap kehidupan manusia. Buddha turut mengemukakan 8 perkara yang disebut *astawida* yang perlu diikuti; (1) pandangan yang betul (*samma dhitti*), (2) fikiran yang betul (*samma sankappal*), (3) pertuturan yang betul (*samma vaca*), (4) perbuatan yang betul (*samma kamanta*), (5) pekerjaan yang betul (*samma ajiva*), (6) usaha yang betul (*samma vayana*), (7) kesedaran yang betul (*samma sati*) dan (8) tumpuan yang betul (*samma samadhi*). Perkataan *samma* yang merupakan perkataan Pali atau dalam Sanskrit disebut sebagai *samyāñc* diertikan sebagai sempurna atau ideal.²¹⁹ Kelapan-lapan perkara ini perlu menepati kriteria-kriteria sebagai ‘kesempurnaan’ dalam segala amalan.

²¹⁸ Zainul Arifin *Hinduisme-Buddhisme*, (Surabaya, Badan Penerbitan dan Pengembangan Ilmiah, 1996), 77.

²¹⁹ John Allan, *Buddhanet Basic Buddhism Guide : The Eight-Fold Path*, dipetik pada 20 Jan 2017, <http://www.buddhanet.net/e-learning/8foldpath.htm>

Lazimnya, lapan perkara tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu (1) Kebijaksanaan (*Panna*), (2) Moral (*Sila*) dan (3) Konsentrasi (*Samadhi*). Dalam bahagian kebijaksanaan, ia menkankan pandangan dan fikiran yang benar. Buddhha mementingkan kebijaksanaan dalam memandang dan berfikir sesuatu perkara. Dalam proses penyempurnaan, setiap penganut Buddha wajar melihat dan berfikiran dengan betul. Ini bermakna, epistemologi terhadap sesuatu mestilah menepati (*mutabaqah*) dengan hakikat sesuatu. Seterusnya, moral mesti dijaga agar tidak tersasar. Pertuturan, perbuatan dan pekerjaan yang betul mesti menjadi amalan setiap individu. Dalam menjalani kehidupan seharian, penganut Buddha dianjurkan agar menjaga etika. Percakapan yang terungkap mestilah tidak melebihi batas sebagai individu yang berakhlak. Begitu juga dalam aspek perbuatan. Dalam melakukan sesuatu perbuatan, perkara yang menjadi amalan penganut mestilah sesuatu yang betul yang tidak melanggar batasan. Pekerjaan yang betul juga menjadi teras dalam menjaga moral. Dalam mencari mata pencarian, pekerjaan yang tidak menepati sebagai seorang yang bermoral adalah ditegah kerana amalan tersebut terkeluar dari indikator yang betul. Oleh itu, indikator kepada segala perbuatan seharian mestilah menepati indikator yang dibawa oleh Buddha iaitu betul dan sempurna.

Tuntasnya menurut persepsi aliran Hinayana, setiap penganut Buddhisme wajar mempraktikkan segala *dharma* Buddhisme sebagaimana yang ditegaskan oleh Buddha. Justeru, setiap penganut dapat menjalankan kehidupan berprinsipkan kepada *dharma* yang membentuk keperibadian penganut Hinayana. Ia membantu setiap penganut menghayati erti kehidupan dan berharap matlamat akhir dikurniakan nirvana sebagaimana yang dikecapi oleh Buddha. Ini bererti, aliran ini menegaskan bahawa Buddha adalah pembimbing dan guru kepada pencerahan dan kerana itu aspek kepercayaan kepada tuhan berkisar dalam '*dharma*' Buddhisme. Oleh kerana ketiadaan perbahasan yang merencami konsep ketuhanan dalam aliran Hinayana,

mengungkapkan seolahnya ajaran Buddhisme dalam aspek wujud tuhan menurut persepsi Hinayana adalah berbentuk ateisme. Aliran Hinayana lebih tertumpu kepada aspek etika dan moral yang difahami oleh kebanyakan para sami/bikkhu dalam skala yang lebih kecil berbanding aliran Mahayana. Pun begitu, aliran Hinayana tidak menafikan wujud tuhan dalam bentuk teisme.

3.3.2 Teisme

Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa perbincangan persoalan tuhan di dalam Buddhisme kurang menjadi tumpuan. Perbahasan ajaran tertumpu kepada pengenalan kaedah jalan kehidupan yang sangat terkenal dalam Buddhisme. Penemuan perbincangan mengenai tuhan yang dibuat oleh Buddha dalam kitabnya adalah suatu yang menarik. Dalam membincangkan sesuatu persoalan dalam suatu agama, seharusnya kita perlu merujuk kepada kitab yang menjadi rujukan asal agama. Zakir Naik dalam tulisannya, *Concept of God in Major Religions* menyebut:

*“The concept of God espouse by a religion cannot be judged by merrly observing the practices of its followers. It is quite common for the followers of many religions to be ignorant of the concept of God in their scripture. It is therefore better to analyse the concept of god in any religion by referring to its holy scriptures”.*²²⁰

Amalan ritual dan kepercayaan sesuatu kaum itu tidak boleh diambil sebagai suatu yang *absolute*. Ini kerana, amalan sebahagian penganut agama yang terkemudian adakalanya bertentangan daripada ajaran yang termaktub dalam kitab ajaran asal mereka. Oleh itu, dalam mengadili suatu ajaran, wajar merujuk sumber asal dalam menanggapi sesuatu agar ianya bertepatan dengan kehendak ajaran. Sekalipun kemungkinan wujud penambahan dan pengurangan dalam penulisan kitab suci yang lazimnya ditulis kembali atau hanya berasaskan

²²⁰ Zakir Naik, *Concept of God in Major Religions* (t.t.p : Darussalam, 2007), 3.

kisah secara lisan semata, kitab suci wajar dirujuk untuk mendapatkan sumber utama dalam konsep wujud tuhan dalam Buddhisme.

Sebagaimana yang telah dijelaskan, bahawa sebahagian penganut agama Buddha khususnya aliran Hinayana meletakkan ajarannya sebagai agama yang tidak mengangkat kewujudan tuhan, namun didapati dalam kitab *Sutta Pitaka*²²¹, Buddha dikatakan turut mengakui kewujudan tuhan sebagai Pencipta yang bermaksud:

*“Biarkanlah Tuhan menjadikan segala sesuatu, dan manusia hendaklah memelihara kesucian ciptaan Tuhan, kesucian yang sempurna itulah Tuhan. Kesucian yang demikian harus terdapat pada tiap-tiap waktu”.*²²²

Ungkapan tersebut memperlihatkan bahawa Buddha telah memperakui bahawa dalam bab penciptaan, alam yang wujud adalah hasil daripada penciptaan tuhan. Tugas manusia adalah memelihara dan menjaga alam ini sesuai dengan kesuciannya pada setiap masa tanpa prejudis. Tuhan sahaja yang memiliki kesempurnaan kesucian.

Selain itu, Gautama Buddha pernah menyatakan:

*“Apabila, wahai para bhikku, makhluk-makhluk mengalami penderitaan dan kebahagiaan sebagai hasil atau sebab dari ciptaan Tuhan, maka para petapa telanjang ini tentu diciptakan oleh satu Tuhan yang nakal, kerana mereka kini mengalami penderitaan yang mengerikan”.*²²³

Tegasnya, pengakuan Gautama Buddha dalam persoalan tuhan sebagai pencipta alam ini yang adakalanya alam itu derita dan turut mengalami kebahagiaan bukanlah sesuatu yang wujud secara semula jadi tanpa wujudnya kuasa agung tuhan.

²²¹ Sumber rujukan dalam agama Buddha merangkumi ucapan, peraturan dan ajaran Gautama Buddha. Ketiga-tiga bahagian ini kemudiannya dikumpulkan dalam satu kitab *tri-Pitaka* atau ‘tiga bakal’. Adapun yang paling penting di dalam kitab tersebut adalah pada bahagian Sutta Pitaka yang merupakan kandungan yang terpenting adalah Sutta Pitaka yang menjadi inti pati ajaran Buddha. Lihat Ann Wan Seng, *Perayaan Orang Cina* (Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti 1994), 16-17.

²²² Agus Hakim, *Perbandingan Agama* (Bandung : CV Diponnegoro, 1985), 171.

²²³ *Devadaha sutta, Majjhima Nikaya 101.*

Kitab Udana VIII, 3 :

*“Atthi bhikkhave ajâtam abhûtam akatam asankhatam,
no ce tam bhikkhave abhavisam ajâtam abhûtam akatam asankhatam,
nayidha jâtassa bhûtassa katassa sankhatassa nissaranam paññâyetha.
Yasmâ ca kho bhikkhave atthi ajâtam abhûtam akatam asankhatam,
Tasmâ jâtassa bhûtassa sankhatassa nissaranam paññâya’ ti.”²²⁴*

Bermaksud :

“Para bhikkhu, ada Yang Tidak Dilahirkan, Tidak Dijelmakan, Tidak Diciptakan, Yang Mutlak. Para bhikkhu, bila tidak ada Yang Tidak Dilahirkan, Tidak dijelmakan, Tidak Diciptakan, Yang Mutlak, maka tidak ada kemungkinan untuk bebas dari kelahiran, penjelmaan, pembentukan, dan pemunculan dari sebab yang lalu. Tetapi para bhikkhu, karena ada Yang Tidak Dilahirkan, Tidak Dijelmakan, Tidak Diciptakan, Yang Mutlak, maka ada kemungkinan untuk bebas dari kelahiran, penjelmaan, pembentukan, dan pemunculan dari sebab yang lalu.”

Secara kontekstual, jelas bahawa konsep ketuhanan adalah suatu yang lain daripada makhluk yang lazim dikaitkan dengan kelahiran dan penciptaan. Menurut Buddha, sekiranya tidak wujud ‘entiti yang dinyatakan’ (tuhan), pastinya tidak wujud kemungkinan penciptaan dan kelahiran manusia. Justeru, kaitan antara kelahiran dan ciptaan tuhan adalah sangat kukuh dan ternyata bahawa manusia yang diciptakan ini adalah bukti tekal kewujudan ‘sesuatu yang lain’ itu yang bebas daripada bentuk kelahiran, penjelmaan dan yang diciptakan.

Dalam hal ini, kefahaman tekstual dalam ajaran Buddhisme dikategorikan sebagai bentuk kepercayaan teisme iaitu mempercayai wujud entiti yang amat berkuasa dan dirujuk sebagai Tuhan Yang Mutlak dan turut dirujuk dalam keyakinan agama lain sebagai Yang Maha Esa yang bermaksud kepadaNya sahaja diibadatkan secara mutlak. Dalam bahasa Pali, Yang Maha Esa disebut “*Atti Ajatang Abhutang Akatang Asamkhatang*” yang bererti Sesuatu yang Tidak Dilahirkan, Tidak Menjelma, Tidak Tercipta dan Yang Mutlak. Entiti tersebut berdiri dengan

²²⁴ *Sutta Pitaka, Udana VIII, ayat 3.*

sendirinya tanpa dilahirkan oleh sesuatupun, bahkan ia tidak dapat dan boleh dipersonafikasikan dan tidak dapat digambarkan oleh suatu bentuk apapun serta jauh sekali untuk disamakan dengan personaliti seseorang.

Keyakinan berbentuk teisme ini terungkap dalam fahaman aliran Hinayana dan Mahayana. Aliran Hinayana melihat bahawa ajaran Buddhisme yang tercetus akibat daripada kepincangan ajaran Hinduisme yang menekankan aspek kasta dan mengakibatkan penderitaan para penganutnya telah mendorong Buddha mencari ‘jalan kebenaran’ dan pembebasan daripada penderitaan. Justeru, Buddha lebih tertumpu kepada aspek etika dan moral tanpa sebenarnya menafikan ‘fitrah’ dalam diri yang telah mengenal wujud tuhan berteraskan ajaran Hinduisme yang memperakui wujud tuhan Brahman. Wujud tuhan Brahman dimanifestasikan melalui kewujudan Dewa Brahma, Shiva dan Vishnu. Justeru, apabila Buddha mendapat ‘pencerahan’ dan meyakini bahawa *dharma* beliau adalah solusi kepada penderitaan yang membelenggu manusia dan penekanan kepada falsafah tersebut terus dijunjung. Kecenderungan fitrah manusia kepada wujud kuasa hebat dan dikaitkan dengan wujud tuhan sentiasa melonjak untuk diserlahkan.

Buddha dikatakan telah ‘mencapai nirvana’ dan meninggalkan penganutnya dengan *dharma* beliau, mengakibatkan pengikutnya mulai terbahagi kepada dua aliran. Sekalipun asasnya saling melengkapi namun berpecah kepada aliran yang masih cuba mengekalkan identiti ajaran asal Buddha dan satu lagi aliran yang lebih bersikap terbuka dalam mentafsirkan ajaran Buddha. Oleh itu, menurut Hinayana, aspek keyakinan kepada tuhan ini adalah hak peribadi

penganut yang memiliki fitrahnya dan juga tidak menolak wujudnya konsep ateisme yang turut diungkapkan oleh fahaman penganut Hinayana.²²⁵

Aliran Mahayana yang lebih liberal dan terbuka turut memprakui konsep fitrah tersebut dan yakin bentuk teisme dalam ajaran Buddhisme sesuai dengan kecenderungan fitrah manusia. Bentuk wujud tuhan dalam aspek teisme menurut Mahayana lebih dirujuk kepada peribadi Buddha yang telah mencapai nirvana. Buddha telah diangkat sebagai entiti yang mutlak dan diyakini sebagai tuhan dalam bentuk teisme. Manakala aspek keyakinan teisme Mahayana turut bersulamkan kepada bentuk politeisme yang diserlahkan dalam bentuk sembah.²²⁶

Keyakinan wujud tuhan yang diidentitikan kepada Buddha dalam bentuk teisme itu kerana aliran Hinayana dan Mahayana melihat bahawa jiwa Buddha terus hidup dalam diri penganutnya untuk melaksanakan *dharma* Buddha yang ditinggalkan sebagai panduan kehidupan. Justeru, kedua aliran ini mempercayai konsep 'hayyah' iaitu hidup dalam pemikiran, jiwa dan keseluruhan aspek kehidupan. Ini memperlihatkan perlaksanaan ajaran Buddhisme lebih berteraskan logik akal dan pemikiran yang turut disulami dengan pengaruh sosio budaya masyarakat tempatan. Justeru, bentuk ajaran Buddhisme pelbagai dari aspek pelaksanaannya kerana keanekaan aliran yang wujud dan perihal ini turut terkait dalam urusan sembah kepada tuhan.

Selain itu terdapat satu perbahasan yang disebut Boddhisattva di dalam Mahayana yang mempercayai bahawa terdapat sejumlah besar individu yang sebelum Gautama Buddha sendiri

²²⁵ K. Sri Dhammananda, *How to Practice Buddhism* (Kuala Lumpur : Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society, 2000), 30-38.

²²⁶ *Ibid.*, K. Sri Dhammananda, *How to Practice Buddhism* (Kuala Lumpur : Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society, 2000), 30-38.

telah wujud. Seperti yang dikemukakan bahawa kata *buddh* adalah suatu pencapaian.²²⁷ Maka aliran Mahayana meletakkan 24 Buddha lain yang telah mendahului Gautama Buddha yang telah mendapat pencerahan.²²⁸ Kemudian golongan Buddha inilah menjadi saranan untuk masyarakat Buddha untuk sama-sama mencapai tahap ini. Boddhisattva kemudian diambil sebagai suatu kuasa lain untuk membantu mencari potensi diri penganut Buddha.²²⁹

3.4 Konsep Sembahan Tuhan dalam Buddhisme

3.4.1 Politeisme

Kepercayaan ajaran Buddha sangat beragam di setiap negara kerana fahaman aliran yang berbeza. Sepanjang 2500 tahun, agama Buddha mengalami pertembungan dengan berbagai budaya, masyarakat, tamadun dan agama yang kemudian menyebabkan turut serta bercampur aduk dengan pengaruh persekitaran, keadaan setempat, adat dan budaya yang menjadi tempat penyebarannya. Ketika ini, berbagai jenis ajaran Buddha yang terdapat di Tibet, Thailand, Sri Lanka, Vietnam, Jepun mahupun di Amerika. Setiap tempat mempunyai perbezaan aliran yang telah dipengaruhi dengan soiso budaya tempatan.

Dalam ajaran Buddhisme, keyakinannya adalah berlatar belakangkan akal dan fikiran yang waras. Walaubagaimanapun, percampuran dan pertembungan yang berlaku kemudiannyanya melahirkan pelbagai campur aduk antara ajaran dan tradisi setempat dengan kemasukan mitos dan gagasan baru sehingga menjadi satu bentuk falsafah.²³⁰ Seperti yang diungkapkan dalam sejarah, Buddha berbicara mengenai pemikiran dan menyampaikannya

²²⁷ Lihat perbincangan awal pada bab ketiga.

²²⁸ L. D. Barnett, M.A. Litt. D, *The Path of Light* (London : Buttler and Tanner Ltd., 1947), 20.

²²⁹ K. Sri Dhammananda, *Apa Buddha Percaya* (Selangor : Buddhist Missionary Society Malaysia,)

²³⁰ Adnan Oktar, *Islam and Buddhisme*, terj. Ron Evans (New Delhi : Islamic Book Service, 2003), 9.

secara lisan dan ketika itu tidak wujud sebarang bentuk catatan penulisan. Namun, keyakinan terhadap ajaran Buddha terus dipegang oleh pengikutnya dari generasi ke suatu generasi secara lisan selama 400 tahun, sehingga akhirnya ajarannya dikumpulkan dan dicatatkan dalam Bahasa Pali.²³¹ Walaubagaimanpun, pihak sejarawan percaya bahawa sebahagian besar himpunan kata-kata Buddha bukanlah perkataan asal Buddha, sebaliknya tambahan-tambahan catatan yang dibuat terkemudian dan ianya diwarisi oleh para penganut Buddha sehingga kini.²³²

Oleh itu, beberapa aliran dalam Buddhisme mempercayai bahawa bukanlah satu kesalahan untuk mentafsirkan ajaran Buddhisme mengikut fahaman mereka dan turut dipengaruhi dorongan persekitaran sosio budaya yang berbeza. Terdapat kajian yang menonjolkan pelbagai ritual yang telah dipraktikkan oleh masyarakat Buddha dan berbeza mengikut latar belakang bangsa dan tempat. Di Singapura contohnya, masyarakat di sana menjalankan amalan menyimpan dan memakai tangkal yang dijampi oleh para sami di kuil dan praktikal itu telah dijadikan sebagai aset jualan dan mata pencarian. Tangkal yang dijampi dipercayai mempunyai kesan kepada si pemakai kerana pemikiran masyarakat Singapura telah didoktrinkan bahawa para sami daripada Thailand adalah para sami daripada pusat kehebatan ritual. Justeru, masyarakat Buddhisme seolahnya telah ‘mensyirikkan’ kedudukan bentuk teisme dalam ajaran Buddha. Begitu juga bagi masyarakat Buddha beraliran Hinayana yang meyakini dan berfikiran ateisme, namun ternyata turut memprakui kehebatan tangkal dan membuktikan wujudnya keyakinan kepada ‘kuasa hebat’ yang sering dirujuk sebagai tuhan. Ini mengukuhkan kenyataan bahawa aliran Hinayana sekalipun berfahaman ateisme tetapi turut memprakui fahaman teisme dalam wujud tuhan sebagaimana yang telah dijelaskan dalam sub topik ateisme.

²³¹ Alexander Wynne, *How Old is The Suttapitaka?* (The Relative Value of Textual and epigraphical sources for the study of early Indian Buddhisme, St John’s College, 2003) 3-4.

²³² *Ibid.*, Alexander Wynne, *How Old is The Suttapitaka?* (The Relative Value of Textual and epigraphical sources for the study of early Indian Buddhisme, St John’s College, 2003) 3-4.

Selain itu, azimat telah turut menjadi produk daripada para sami dan wat untuk digunakan oleh kalangan masyarakat Buddha. Pada awalnya, produk azimat tersebut adalah pemberian pihak wat kepada penyumbang pembangunan wat sebagai tanda terimakasih dan *reminder of the Buddha* yang mudah dibawa ke mana sahaja. Namun akhirnya, azimat itu disalah ertikan oleh sebahagian masyarakat Buddha dengan menjadikannya sebagai punca rezeki melalui perniagaan. Apatah lagi wujudnya fahaman bahawa azimat itu mampu memberi ‘keberkatan’ dan ‘kehebatan’ kepada pembeli dan pemakai azimat.²³³ Bahkan, wujudnya wat yang secara terbuka membuat jualan azimat seperti yang dilakukan oleh tokong/wat Guanyin Klang. Sementelah pihak tokong/wat Guanyin Klang telah memperkenalkan kaedah “bayar sahaja” kepada masyarakat yang sekaligus memberi kebenaran untuk tidak perlu hadir melakukan ritual sembah di tokong/wat tetapi hanya perlu ‘membayar’ untuk memastikan ritual dilakukan oleh pihak wat. Aktiviti ini telah turut memberikan peluang penjanaan ekonomi pihak wat.²³⁴ Aktiviti seumpama ini turut menyerlahkan bentuk keyakinan politeisme dalam sembah kepada wujud tuhan dalam kalangan masyarakat Buddhisme.

Bentuk sembah masyarakat Buddhisme ini turut bersulam dengan kepercayaan ajaran nenek moyang dalam kalangan masyarakat Cina. Penyembahan pengikut Buddhisme pada hari ini boleh dilihat di pelbagai tempat. Beraneka jenis patung yang diyakini sebagai dewa perantara tuhan penganut ajaran nenek moyang turut diyakini oleh masyarakat penganut Buddhisme. Sinkritisme berlaku dalam bentuk sembah kepada para dewa dan dewi kerana pengaruh sosio budaya tempatan. Di Malaysia khususnya, penganut Buddhisme dikategorikan dalam aktiviti sembah berbentuk politeisme. Mereka menyembah pelbagai dewa-tuhan. Seperti agama lain,

²³³ Shirley Yee Meng Sam (1992) *Thai Buddhist Cosmology and It's Influence in Singapore*, Disertasi (MA) Sarjana Sains Sosial, Universiti Kebangsaan Singapura.

²³⁴ *Ibid.*, Shirley Yee Meng Sam (1992) *Thai Buddhist Cosmology and It's Influence in Singapore*, Disertasi (MA) Sarjana Sains Sosial, Universiti Kebangsaan Singapura.

sembahan dilakukan kerana kepercayaan bahawa sembahsan dapat memberi kesan kepada kehidupan seharian. Kesanggupan manusia untuk tunduk sembah ke bumi dan melutut supaya permohonan dan harapan dapat ditunaikan dan dimakbulkan.²³⁵

Kajian Ley di tokong/wat Guanying Klang menunjukkan bahawa amalan penyembahan pelbagai tuhan telah lama dipraktikkan. Sembilan patung telah dijadikan sembahsan masyarakat Buddhisme iaitu Zhanggong, Shengjun, Taisui, Dewa Hitam dan Dewa Putih, Tud Gong, Mazu dan Dabu Gong dan Dewi utama di tokong Guanyin Klang iaitu Bodhisattva Guanyin. Patung-patung dipilih untuk disembah adalah mengikut kesesuaian dengan hajat masyarakat Buddhisme. Walaupun pada mulanya, sesetengah patung hanya disembah oleh sebahagian etnik dan dialek sahaja, namun kebelakangan ini ia telah disembah oleh setiap penganut Buddhisme sekalipun berbeza etnik dan dialek. Sebagai contoh, dewa Zhanggong Shenjun hanya disembah oleh etnik Hokkien dialek Eng Choon dan beberapa dewa-tuhan lain pada asalnya disembah oleh etnik tertentu namun akhirnya diterima sebagai sembahsan oleh etnik lain dan disembah oleh semua penganut Buddhisme.²³⁶

Aliran Mahayana yang bersikap liberal dan terbuka dalam tafsiran ajaran Buddhisme menerima aktiviti ritual masyarakat Cina nenek moyang dan dijadikan sebagai bentuk sembahsan kepada wujud tuhan teisme mereka. Pengaruh tempatan telah mewarnai bentuk kepercayaan aliran ini. Aliran Hinayana telah cuba mempertahankan ajaran asal Buddhisme dan melarang bentuk sembahsan sedemikian. Namun 'fitrah' manusia yang cenderung kepada wujud kuasa dan entiti lain telah turut mengheret mereka terlibat sama dalam aktiviti tersebut.²³⁷ Sembahsan kepada Buddha sebagai tuhan yang mutlak telah turut berbaaur dengan sembahsan kepada pelbagai

²³⁵ Temubual dengan Cik Xian Kai (Ketua Pentadbir Malaysia Buddhist Institute (MBI), Pulau Pinang), temubual pada 21hb Ogos 2017.

²³⁶ Ley Fey Ching (2013) *Sejarah Perkembangan Tokong Guanyin Klang dan Komuniti Cina Tempatan*.

²³⁷ Ley Fey Ching (2013) *Sejarah Perkembangan Tokong Guanyin Klang dan Komuniti Cina Tempatan*.

patung berhala kerana pengaruh sosio budaya tempatan. Ia adalah sukar untuk menghalang masyarakat Buddha daripada melakukan aktiviti ritual tersebut kerana secara tradisi mereka meyakini para dewa dan dewi sentiasa mendengar ‘hajat’ mereka.²³⁸

Sehubungan itu, aliran Hinayana dan Mahayana melakukan ritual sembah terhadap Buddha yang diangkat sebagai tuhan yang mutlak. Sekalipun aliran Hinayana yang menolak konsep wujud tuhan dan melarang melakukan ‘sembahyang’ terhadap Buddha, namun mereka melakukan ritual untuk memohon perlindungan dalam menjaga penganut Hinayana berteraskan dharma peninggalan Buddha. Selain itu, penganut aliran Hinayana dan Mahayana turut melakukan ‘sembahan hormat’ kepada pohon Bodhi dan juga gambar Buddha untuk dipuja dengan tujuan memohon hajat ditunaikan oleh Buddha dan rahmat daripada Buddha.²³⁹

3.5 Kesimpulan

Sepeninggalan Gautama Buddha, ajarannya telah melalui perkembangan kerana pengaruh sosio budaya yang berbeza. Gautama Buddha adalah individu yang bertanggungjawab memperkenalkan ajaran Buddhisme. Beliau melalui perjalanan yang panjang hampir 51 tahun untuk menyebarkan fahaman yang diterima hasil pencariannya selama bertahun-tahun. Akhirnya menyinari sebahagian benua Asia.

Kematian Siddharta tanpa meninggalkan sebarang catatan penulisan sebagai satu *syllabus* ajaran telah melahirkan permasalahan lain bagi pengikut yang terkemudian. Seiring dengan perubahan tempat dan juga pertembungan pelbagai tamadun, menyebabkan wujud perubahan

²³⁸ Temubual dengan Cik Xian Kai (Ketua Pentadbir Malaysia Buddhist Institute (MBI), Pulau Pinang), temubual pada 21hb Ogos 2017.

²³⁹ Temubual dengan Cik Loh Pai Ling (Presiden Buddhist Missionary Society Malaysia (BMSM)), temubual pada 25 Ogos 2017.

samada pengurangan dan juga pertambahan dalam ajaran Buddhisme. Selepas 400 tahun kematiannya, barulah lahir kitab baharu yang disandarkan kepada ajarannya. Dalam tempoh ini, kemungkinan untuk berlaku perkara sedemikian adalah besar. Daripada amalan praktikal hinggalah dalam persoalan dasar dalam konsep ketuhanan mempunyai kebarangkalian untuk wujud suatu yang baharu dalam ajaran pastinya besar. Perkembangan aliran Hinayana dan Mahayana telah mewarnai konsep kepercayaan kepada tuhan dalam ajaran Buddhisme yang boleh dikategorikan kepada ateisme dan teisme dan disembah dalam bentuk politisme kerana pengaruh sosio budaya tempatan.

BAB EMPAT

ANALISIS KONSEP KETUHANAN DALAM BUDDHISME MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

4.1 Pengenalan

Bab empat kajian ini membicarakan analisis pengkaji dalam pandangan Islam berkenaan konsep ketuhanan dalam Buddhisme. Perbincangan dibahagikan kepada beberapa topik supaya tersusun dan tidak tergelincir daripada fokus kajian. Pertamanya, kajian menganalisis keperibadian pengasas agama Buddha. Hal ini kerana, Siddharta adalah individu yang terpenting dalam Buddhisme dan dirinya ketika ini menjadi ikutan dan pedoman bahkan diambil sebagai tuhan dan menjadi sembah pengikut. Selain itu, ciri-ciri yang wujud pada Siddharta telah menarik pengkaji agama termasuk sebahagian umat Islam sehingga menempatkannya sebagai ‘pilihan’ tuhan. Perbincangan soal penganalogian kenabian Buddha adalah berpunca untuk meletakkan bahawa mesej Buddha sebagai autentik sebagai mesej tuhan seterusnya membawa perbincangan konsep ketuhanan. Akhirnya, pengkaji menganalisis konsep ketuhanan dalam Buddhisme menurut perspektif pemikiran Islam.

4.2 Siddharta Gautama Buddha

Setiap zaman, pasti akan wujud manusia yang mempunyai jati diri yang suci dalam keadaan kebejatan masyarakat. Permasalahan dalam kalangan masyarakat wajar diselesaikan. Jika tidak diselesaikan dari pihak pemimpin masyarakat, ataupun organisasi, maka wujud individu tertentu

mengambil inisiatif tersebut untuk mengadakan satu solusi demi mengeluarkan masyarakat daripada kepompong masalah.

Begitulah yang terjadi pada era pemerintahan Suddhadana yang memperlihatkan kesulitan dan kesengasaraan dalam kehidupan rakyat. Kesusahan rakyat sebenarnya adalah pada tahap kritikal, walaupun keadaan berbeza secara total dalam istana yang ditonjolkan dalam kehidupan harian keluarganya. Sekaligus menjadikan punca keresahan dalam kalangan keluarganya iaitu Siddharta. Keselesaian Siddharta di dalam istana sebenarnya menjadikan kebimbangannya terhadap rakyat yang pada awalnya disembunyikan oleh raja. Walaubagaimanapun, keseimbangan Siddharta akhirnya mendorong beliau mencari jawapan untuk merungkai permasalahan. Akhirnya dengan rela hati, harta kekayaan, kedudukan dan segala kemewahan ditinggalkan bagi mencari solusi kepada masyarakatnya. Beliau memilih *survival* masyarakat melebihi *survival* politik keluarganya.

Perihal ini telah wujud dalam diri para nabi dan rasul terdahulu dalam menyatakan kebenaran. Harta kemewahan bukanlah prioriti tetapi pendirian yang konkrit adalah untuk mencari dan menyebarkan hakikat kebenaran. Bahkan pelawaan dengan kemewahan ditolak kerana nabi mengetahui bahawa perkara tersebut hanyalah pemberian untuk menghalang daripada penyebaran agama.²⁴⁰

4.2.1 Etimologi Buddha dan Nabi

Seperti yang dibahaskan di dalam bab sebelumnya, Siddharta Gautama Buddha telah dianalogi sebagai nabi atau rasul secara umum dan juga secara khusus merujuk sebagai nabi Zulkifli. Walaubagaimanapun perkara ini perlu dilihat dengan rinci kerana analogi tersebut adalah suatu

²⁴⁰ Lihat Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, *Fiqh al-Sirah* terj. Mohd Darus (Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar, 26).

perkara yang sangat serius. Ciri yang berkemungkinan memenuhi kriteria adalah tidak mencukupi untuk menghukum secara holistik. Ini kerana, pensejarahan telah membuktikannya sebagai suatu yang diragui. Mengikut kronologi, Nabi Zulkifli hidup lebih awal daripada abad ke-6 SM iaitu 1500-1425 SM. Baginda diutuskan dan diangkat menjadi nabi pada tahun 1460 SM. Baginda menentang penyembahan berhala yang berleluasa ketika itu dan mengajarkan tauhid sebagai solusi ilahi.

Nabi Zulkifli pula telah diutuskan untuk kaum Amoria yang berada di Damsyik, Syria. Manakala Buddha dilahirkan di Kapilavastu dan menyebarkan ajarannya kepada pengikutnya di sekitar tempat kelahirannya Lumbini. Kedua-dua tempat ini (Lumbini dan Damsyik) bukanlah suatu jarak yang dekat bahkan terletak di benua yang berbeza. Selain itu, isu penamaan juga turut meragukan dan mengelirukan. Sekalipun nama Nabi Zulkifli bukanlah nama sebenar, tetapi baginda bukanlah Siddharta Gautama kerana nama asalnya adalah Basyar bin Ayub AS bin Amose bin Tarekh bin Rum bin Ish bin Ishaq A.S bin Ibrahim A.S. Nabi Zulkifli adalah anak kepada Nabi Ayub A.S serta cucu kepada Nabi Ishaq dan cicit kepada Ibrahim A.S.²⁴¹ Siddharta pula adalah seorang putera kepada Maharaja Suddhadana di Kapilavastu yang berketurunan Gautama. Ternyata bahawa analogi itu adalah suatu yang dangkal dan tidak selaras dengan teras fakta.

Selain itu, secara umum diletakkan Buddha sebagai nabi dan rasul oleh beberapa kajian seperti Dr. Alexander Berzin yang menyebutkan bahawa terdapat catatan para sejarawan yang telah mengaitkan beberapa ayat al-Quran dengan Gautama Buddha, antaranya daripada firman Allah S.W.T. :

²⁴¹ Ridwan, Kafrawi, *Ensiklopedia Islam* (Jakarta : Ichtiar Baru van Hoeve, 1993), 1.

*1. Demi buah tiin dan zaitun, 2. Dan gunung Tursina, 3. Dan ini (Mekah) adalah negeri yang aman.*²⁴²

Dalam ayat ini, beliau menjelaskan buah zaitun sebagai kiasan kepada Jerusalem iaitu tempat dilahirkan nabi Isa A.S, Gunung Sina'i dikiaskan kepada nabi Musa A.S dan Kota Mekah melambangkan tempat terutusnya nabi terakhir iaitu Muhammad S.A.W. Walaubagaimanapun, timbul persoalan kepada siapakah sebenarnya ayat (buah tin) itu ditujukan? Dr Alexander membuat kiasan dengan menyamakan buah tin sebagai pohon Bodhi yang sinonim dengan Gautama Buddha. Bahkan beliau turut menegaskan bahawa kemungkinan mesej berhubung 'kerasulan' Buddha telah diubah sepertimana berlakunya penambahan dalam catatan ajaran Buddha ketika usaha pengumpulan ajarannya yang disampaikan secara lisan sebelum ini. Ajaran Gautama Buddha hanya diriwayatkan seperti perawi dalam riwayat-riwayat hadith dalam kalangan mereka iaitu dari mulut ke mulut dan kemudiannya setelah berabad barulah timbul inisiatif untuk dikumpul dan dicatat dalam bentuk 'kitab suci' selepas pesatnya perkembangan ajaran Buddhisme. Untuk mengukuhkan lagi keterkaitan buah zaitun dan pohon Bodhi itu, Dr Alexander menegaskan bahawa asbab pohon ini juga, Buddha telah diangkat sebagai nabi.²⁴³

Pandangan Dr Alexander telah disangkal oleh perbahasan Hamka yang menjelaskan bahawa pentafsiran tersebut tidak mendalami realiti falsafah Buddha. Ini kerana ajaran Buddha lebih banyak membicarakan berkenaan falsafah untuk menjalani kehidupan yang lebih baik dan bukannya membincangkan soal tuhan sesuai dengan faktor dorongan Buddha mencari jawapan kepada penderitaan rakyatnya. Namun, pengikutnya yang terkemudian telah mempertuhankan Buddha demi memuaskan hati mereka yang secara fitrahnya memperakui wujud tuhan dan

²⁴² Surah al-Tin 95:1.

²⁴³ Dipetik daripada Hamka, *Tafsir al-Azhar* (Jakarta : Penerbit PT Pustaka Panjimas, 1982), 204-205.

merasakan Buddha adalah sesuai sebagai tuhan atas jasanya yang membebaskan penderitaan pengikutnya.²⁴⁴

Menelusuri makna tersirat daripada penyebutan sumpah Allah terhadap kedua buah-buahan tersebut telahpun ditafsirkan oleh *mufassirin* yang muktabar. Antaranya adalah daripada Mujahid dan Hasan menyatakan bahawa terdapat punca utama kedua jenis buah-buahan tersebut dilantunkan dalam al-Quran. *Tin* diambil kerana kemasyhurannya sebagai buah untuk dimakan dan zaitun kerana ianya digunakan untuk ditempa minyaknya. Selain itu, Qatadah menyatakan *tin* disebut kerana ianya adalah nama suatu bukit di Damsyik dan zaitun merupakan nama bagi sebuah bukit di *Bait al-Maqdis*. Ibnu Abbas juga mentafsirkan sebagai suatu nama bagi sebuah masjid yang mula didirikan oleh Nabi Nuh A.S di pergunungan al-Judi manakala zaitun sebagai kiasan kepada *Bait al-Maqdis*. Ini bermaksud, kedua-dua negeri tersebut adalah suatu yang penting untuk diambil perhatian.²⁴⁵ Ibn Kathir turut mentafsirkan ayat ini dengan pentafsiran secara holistik. Beliau menjelaskan :

“Berkata sesetengah imam : inilah tiga tempat yang masing-masing tempat Allah membangkitkan nabi-nabi utusannya, rasul-rasul yang terkemuka, mempunyai syariat yang besar. Pertama tempat yang banyak tumbuhnya tin dan zaitun, itulah Bait al-Maqdis. Di sana Tuhan mengutuskan Isa bin Maryam A.S. Kedua Tursinina, iaitu Tursina tempat Allah bercakap dengan Musa bin Imran A.S. Ketiga, negeri yang aman iaitu Mekah. Barangsiapa yang masuk ke sana, terjamin keamanannya. Di sanalah diutuskan oleh Tuhan rasulNya Muhammad S.A.W.”²⁴⁶

Bahkan menurut Ibnu Kathir, perkara ini juga turut disebut di dalam kitab terdahulu iaitu Taurat.

Ibn Kathir menyatakan:

“Dan di dalam Taurat pun telah disebut tempat yang tiga ini : “Telah datang Allah dan Tursina”, iaitu Allah bercakap dengan Musa. “dan memancar Dia dari Seir”, iaitu sebuah tempat di antara bukit-bukit di Bait al-Maqdis yang di sana Isa

²⁴⁴ Hamka, *Tafsir al-Azhar* (Jakarta : Penerbit PT Pustaka Panjimas, 1982), 204-205.

²⁴⁵ Hamka, *Tafsir al-Azhar* (Jakarta : Penerbit PT Pustaka Panjimas, 1982), 204-205.

²⁴⁶ Dipetik daripada Hamka, *Tafsir al-Azhar* (Jakarta : Penerbit PT Pustaka Panjimas, 1982), 204-205.

al-Masih dibangkitkan. “Dan menyatakan dirinya Faran”, iaitu nama bukit-bukit di Mekah, tempat Muhammad S.A.W diutuskan. Maka disebutkan itu semuanya untuk memberitakan adanya rasul-rasul, sebab itu diambil sumpah berurutan yang mulia, yang paling mulia dan yang paling mulia.”²⁴⁷

Justeru, rujukan kedudukan buah tin itu adalah sebagai pohon Boddhi wajar direncami secara ilmiah dan saintifik. Ini kerana secara fizikal kedua-duanya daripada spesies berlainan. Menurut istilah sains, buah tin dikenali sebagai *Ficus carica*²⁴⁸ manakala pohon Boddhi adalah *Ficus religiosa*²⁴⁹. Ternyata ianya adalah berbeza.

Pun begitu dalam keghairahan untuk melantunkan perkaitan Buddha adalah nabi dan ajarannya adalah absah, terdapat catatan di dalam *Chakkavatti Sinhna Suttanta*, menegaskan bahawa seorang individu bakal lahir selepasnya (Gautama dan keturunannya) dan bakal membawa agama yang sempurna yang digelar Buddha sebagai *Matreya*. Buddha menyatakan:

“Aku bukanlah satu-satunya Buddha sahaja. Selepas aku akan lahir seorang Buddha lagi yang dikenali dengan nama Maitreya. Dia akan memiliki banyak sifat-sifat yang mulia dan utama. Kalau anak murid aku beratus-ratus anak murid, Maitreya tersebut beribu-ribu.”²⁵⁰

Matreya bermaksud seorang yang mempunyai karakter baik dan murah hati. Beliau digambarkan sebagai seorang suci yang mempunyai kuasa yang besar, dikurniakan pemikiran yang bijak dan juga bertuah dan terpilih. Beliau dianugerahkan ilmu alam termasuk daripada ilmu ghaib dan ilmu-ilmu beliau akan disebar luas ke seluruh pelusuk alam. *Matreya* menyebarkan ajarannya hingga ke akhir hayatnya. Menurut Buddha, *Matreya* akan memperkenalkan suatu cara hidup

²⁴⁷ Dipetik daripada Hamka, *Tafsir al-Azhar* (Jakarta :Penerbit PT Pustaka Panjimas, 1982), 204-205.

²⁴⁸ Saeidah Allahyari, Abbas Delazar dan Moslem Najafi, *Evaluatoin of General Toxicity, Anti-Oxidant Activity and Effect of Ficus Carica Leaves Extract on Ischemia/Reperfusion Injuries in Isolated Heart of Rat*, *Advanced Pharmaceutical Buletin*, 2014 Dec, 577.

²⁴⁹ S.B Chandrasekar, M. bhanumathy, A. T. Pawar dan T. Somasundaram, *Phytopharmacy of Ficus religiosa*, *Pharmacognosy Review*, 2010 Jul-Dec, 195.

²⁵⁰ T. W. Rhys Davids, *Sacred Books of the East* (London : Oxford University Press, 1980), jil. 35, 225.

sempurna dan suci sepertimana Buddha memperkenalkan agamanya. Bahkan disebut juga bahawa pengikut *Matreya* adalah lebih daripada pengikutnya (1000 orang).²⁵¹

“Ananda (anak murid Buddha) bertanya kepada Gautama Buddha, ‘Siapakah akan mengajar kita semua selepas kamu meninggalkan kami?’”

Gautama Buddha menjawab : “Saya bukanlah Buddha yang pertama atau yang akhir yang didatangkan ke dunia ini. Selepas aku seorang Buddha lagi akan dihantar ke dunia ini, dialah seorang yang suci, yang mempunyai pencerahan yang tinggi, yang dikurniakan dengan kebijaksanaan dalam berakhlak, yang mengenali alam, pemimpin manusia yang tidak terbanding, yang dikasihi oleh malaikat dan makhluk lain. Dia akan mendedahkan kebenaran abadi sepertiku. Dia akan mengajarkan kepada kamu semua agamanya, mulia pada awalnya, mulia pada klimaks, dan mulia pada matlamat, dalam semangat. Dia akan mengklaim agama sebagai satu cara hidup yang sempurna dan suci seperti pengklaimanku.”

Ananda bertanya lagi : “Bagaimana kami hendak mengenali Buddha ini ?”

*Jawab Gautama Buddha : “Dia akan dikenali dengan gelaran Maitreya, yang bermaksud seseorang yang namanya baik.”*²⁵²

Juga :

*“There will arise in the world a Buddha named Maitreya (the benevolent one) a holy one, a supreme one, an enlightened one, endowed with wisdom in conduct, auspicious, knowing the universe”.*²⁵³

Sebagaimana gambaran beliau mendapat pencerahan, maka kaedah yang sama turut diperolehi *Matreya*. Buddha dipercayai telah mendapat pencerahan pada waktu malam dan digambarkan sebagai diangkat ke tahap yang tinggi dan mulia.

*“Buddha pernah berkata: “Terdapat dua peristiwa di mana rupa Tathagata (Buddha) akan jadi amat cerah. Peristiwa yang pertama ialah di waktu malam bila mana beliau sudah sampai ke tahap yang paling tinggi dari segi rohani (Nirvana). Peristiwa yang kedua ialah pada malam Buddha meninggal dunia yang fana ini (dia mati).”*²⁵⁴

²⁵¹ *Chakkavatti Sinhada Suttanta D.111*, 76. Lihat Andi Achmad, *Misteri Muhammad* (Jakarta : Mirqat Tebar Ilmu, 2008), 72.

²⁵² Paul Carus, *Gospel of Buddha* (London :The Open Court Publishing, 1915), 245.

²⁵³ *Chakkavatti Sinhada Suttanta D. III*, 76.

²⁵⁴ Paul Carus, *Gospel of Buddha* (London :The Open Court Publishing, 1915), 214.

Perihal itu telah disabitkan dengan baginda Nabi Muhammad S.A.W yang telah diangkat dan mendapat wahyu pertama pada malam hari.²⁵⁵ Dalam masa pengiktirafan kenabian dan kerasulan tersebut, baginda SAW dikurniakan kefahaman dengan cahaya ilahi. Usaha Baginda SAW mendapatkan petunjuk Allah adalah hasil usahanya mencari kebenaran dengan beruzlah dan berkhawah jauh dari kesesatan masyarakat Arab waktu itu.

Perkara yang sama turut dikaitkan dengan *Matreya*. Beliau juga diangkat dengan kaedah yang sama dan diberikan cahaya petunjuk sebagai solusi permasalahan dan *Matreya* juga telah ‘bertapa’ dan menyendiri daripada masyarakatnya yang sering melakukan kerosakan dan kemudaratan.²⁵⁶

*“Aku telah memberitakan kebenaran tanpa membezakan antara doktrin exoteris dan isoteris dalam hal kebenaran, Ananda, Tataghata tidak seperti guru yang mempunyai kepalan tertutup yang merahsiakan sesuatu di belakang”*²⁵⁷

Matreya digambarkan sebagai guru yang jujur dalam penyampaian mesej kebenaran. Beliau menyebarkan segala petunjuk yang ditemuinya tanpa prejudis. Beliau berusaha keras memastikan mesej kebenaran disebarkan ke seluruh pelusuk alam. Seluruh manusia tidak kira lapisan masyarakat menerima ajarannya tanpa syarat termasuk rakyat marhaen sehinggalah kepada golongan masyarakat elit seperti raja. Tiada satu pun mesej yang disembunyikan daripada pengetahuan orang ramai.

²⁵⁵ Lihat Surah al-Dukhan 44:2-3 dan al-Qadr 97:1.

²⁵⁶ Ibn Ishaq berkata bahawa Wahb bin Kaisan berkata kepadaku bahawa Ubaid berkata: Pada bulan itu, Rasulullah S.A.W menetap di Gua Hira’. Baginda memberi makan kepada orang miskin yang datang kepadanya. Selesai melakukan hal tersebut, aktiviti pertama baginda adalah pergi ke Kaabah sebelum pulang ke rumahnya. Baginda bertawaf di sekitar Kaabah sebanyak tujuh kali atau lebih. Selesai tawaf, baginda pulang ke rumah. Itulah yang terjadi hingga pada bulan di mana Allah berkehendak memuliakan baginda dengan pengutusan sebagai nabi pada bulan Ramadan. Pada bulan tersebut, baginda pergi ke Gua Hira’ seperti kebiasaan dengan diikuti keluarganya. Pada suatu malam, Allah telah memuliakan dengan memberi risalah dan merahmati hamba-hambanya dengan baginda, datanglah malaikat Jibril dengan membawa perintah Allah S.W.T. Lihat Muhammad Ibn Hisyam, *Sirah Nabawiyah Ibn Hisyam*, terj, (Selangor : al-Hidayah Publication, 2009), 197-200.

²⁵⁷ T. W. Rhys Davids, *Sacred Books of the East* (London : Oxford University Press, 1980), jil. 11, 36.

Selain itu, terdapat kenyataan mengaitkan masyarakat Buddhisme sebagai ahli kitab. Walaupun perihal ini tidak dilantunkan di dalam al-Quran, Zainun Kamal berpendapat bahawa pada zaman Rasulullah S.A.W ketika itu tidak wujud interaksi antara masyarakat Buddha dan Hindu. Namun, selepas Islam semakin luas tersebar, konsep ahli kitab juga meluas. Menurut Zainun, al-Syahrastani dan al-Baghdadi telah meletakkan Zoroaster iaitu agama tempatan di Iran sebagai ahli kitab.²⁵⁸ Ini kerana wujudnya interaksi antara mereka dan sekaligus konsep ahli kitab perlu direncami secara ilmiah. Menurutnya lagi, semua agama yang wujud di Indonesia boleh dan layak untuk digelar sebagai ahli kitab. Pada pendapat Zainun, secara literal, ahli kitab adalah individu yang mempunyai kitab dan mengikuti kitab suci. Secara makro, Zainun telah merujuk pendapatnya dengan pendapat Abu Hanifah dan al-Baghdadi dan dinukilkan daripada *al-Farq bain al-Firq* yang menjelaskan bahawa al-Baghdadi meletakkan Majusi dan Zoroaster sebagai ahli kitab bahkan meletakkan Zoroaster sebagai seorang nabi.²⁵⁹ Selain itu, beliau merujuk ayat 36 daripada surah al-Nahl :

وَقُلِّبْنَا لَكُمْ أُمَمٌ مِّنْهُمْ أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَالْحَيْثُ وَالْطَّغُوتُ

36. Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut.²⁶⁰

Allah menegaskan bahawa telah diutuskan nabi bagi setiap umat sebagai penyampai mesej kebenaran. Berdalilkan ayat ini juga, Zainun menyatakan bahawa bilangan nabi dan rasul adalah tidak terkira jumlahnya. Pengetahuan berhubung para *anbiya'* yang difahami oleh Islam hanyalah sebahagian kecil daripada keseluruhan jumlah para nabi. Bahkan, Zainun

²⁵⁸ Pengkaji melihat bahawa al-Syahrastani menggolongkan Zoroaster sebagai 'memiripi ahli kitab' dan bukannya sebagai ahli kitab. Lihat Muhammad al-Syahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, terj. Asywarie Syukur (Bandung : PT Bina Ilmu, t.t), 219.

²⁵⁹ Zainun Kamal: "Penganut Buddha dan Hindu adalah Ahlul Kitab", laman sesawang islamlib, dicapai 22 Oktober 2017, <http://islamlib.com/agama/minoritas/zainun-kamal-penganut-budha-dan-hindu-adalah-ahlul-kitab/>

²⁶⁰ Surah al-Nahl 16.36.

Pandangan Zainun ternyata amat berbeza daripada maksud ahli kitab yang dilantunkan oleh para fuqaha bahkan al-Quran yang turut merujuk ahli kitab sebahagiannya dijanjikan dengan keselamatan di akhirat. Firman Allah:

199. Dan sesungguhnya di antara Ahli Kitab, ada orang yang beriman kepada Allah dan (kepada) apa yang diturunkan kepada kamu (Al-Quran) dan juga (kepada) apa yang diturunkan kepada mereka, sedang mereka khushyuk kepada Allah dengan tidak menukarkan ayat-ayat Allah untuk mengambil keuntungan dunia yang sedikit. Mereka itu beroleh pahalanya di sisi Tuhan mereka. Sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabNya.²⁶²

قَالِ يَا آلَ لَبَّابٍ عَلُوا إِلَى النَّفْسِ وَأَعْيُنًا وَيَعْنِي أَهْلُ نَجْدٍ إِيَّاهُ اللَّهُ وَشَأْنُ رَبِّهِمْ شَرِيًّا وَيَتَخَفَّبُ نُبْلُغُ ۖ ۱۱ الرُّبْدَا مِنْ دُونِ أَهْقَانِ
تَبْلُغُ لِقَائِهِمْ وَأَهْلُ مَدْلُغٍ ۖ ۶٤

²⁶² Surah Ali Imran 3:199.

64. Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu Kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah dan kita tidak sekutukan denganNya sesuatu jua pun dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah. Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam.²⁶³

Dalam surah lain :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا تَتَّبِعُونَ بَيِّنَاتٍ مِّنَ اللَّهِ وَلِتُنَاسُوا مَعَهُ ۚ

70. Wahai Ahli Kitab! Mengapa kamu kufurkan (ingkarkan) ayat-ayat keterangan Allah padahal kamu menyaksikan kebenaranNya?²⁶⁴

Penjelasan tersebut bukan hanya berkisar dalam aspek interaksi sosial, bahkan Allah S.W.T turut menyebut golongan ahli kitab sebagai suatu golongan yang melakukan onar dalam ajaran yang pada asalnya merupakan sebahagian daripada mesej daripada rasul terdahulu dan ajakan-ajakan untuk kembali kepada kebenaran.

Tuntasnya, pemaknaan nabi yang dipilih Allah secara konkrit adalah berobjektif sebagai agen pembawa risalah Allah. Bukan sekadar melakukan kebaikan yang meliputi aspek akhlak dalam kehidupan. Sebaliknya risalah tauhid adalah agenda utama risalah Allah. Ayat 36 daripada surah al-Nahl tersebut wajar dilihat secara holistik dengan menghayati maksud bahawa yang dilantik kepada kaum-kaum itu sebagai pembawa peringatan merangkumi mesej peribadatan semata-mata kepada Allah dan dalam masa yang sama mengukuhkan pegangan dengan menolak segala bentuk penyembahan selain daripadaNya. Dalam mentafisirkan ayat ini, Ibn Kathir menegaskan bahawa kebangkitan rasul dalam kalangan sesebuah umat manusia adalah semata-mata mengajak manusia kepada keyakinan dan peribadatan kepada Allah dan menegah daripada

²⁶³ Surah Ali Imran 3:64.

²⁶⁴ Surah Ali Imran 3:70-71, surah Ali Imran 3:98 dan surah al-Nisa' 4:171.

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رِسُولٍ وَ نَبِيٍّ إِذْ تَقُولُ لِلَّذِي أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَأَكْرَمَ: ائْتِنِي بِالْآيَةِ وَالْآيَةُ وَالْآيَةُ ۚ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْسِدُونَ ۚ

وَسَأَلَ مَنْ أَرْسَلَنَا مِنْ قَبْلِكَ مَنْ رَسَلْنَا أَجْلُنَا مَنْ دُونَ لَأَرْحَمِنْ عَلَاهُ يَدُودٌ ٤٥

109

lain. Namun pada hari ini memperlihatkan masyarakat Buddhisme telah mengangkat Siddharta sebagai melebihi daripada entiti manusiawi dan meletakkannya sebagai tuhan dalam bentuk teisme dan disembah dalam bentuk politeisme. Perkara inilah yang telah ditekan oleh beberapa sarjana yang mengatakan bahawa ajaran ini mengalami perubahan hasil daripada pencarian jawapan yang bersifat fitrah dalam beragama.²⁶⁸

4.2.2 Pencerahan dan Wahyu sebagai Epistemologi

Perbincangan dalam bab tiga telah mengemukakan pandangan dari sarjana barat yang meletakkan konsep asas wahyu dalam Islam yang menjadi epistemologi seolah-olah memiripkan pencerahan yang telah dialami oleh Siddharta Gautama Buddha.²⁶⁹ Ia diasaskan dari kisah Nabi Muhammad SAW yang mendapat wahyu di Gua Hira'. Perkara ini apabila dianalogikan kepada pencerahan Buddha seolah-olah mempunyai asas yang sama. Dalam Islam, kepercayaan terhadap wahyu yang diterima oleh nabi-nabi dan rasul khususnya Nabi Muhammad S.A.W adalah kukuh. Namun, para sejarawan berbeza pendapat berkaitan bulan dimulakan Nabi S.A.W dan diturunkan wahyu pertama. Sebahagian berpendapat bahawa peristiwa tersebut berlaku pada bulan *Rabi' al-Awwal*, sebahagian lain berpendapat pada bulan Ramadan dan sebahagian lain menyebutkan pada bulan Rejab.²⁷⁰ Walaubagaimanapun, merujuk surah al-Qadr, kajian ini berpendapat bahawa pendapat wahyu pertama diturunkan adalah pada bulan Ramadan. Hujah ini didasarkan kepada firman Allah S.W.T :

وَإِلَّا رَأَيْتَ أَنَّ مَوْعِدَ الْفَرَجِ ۝

²⁶⁸ Lihat Ann Wan Seng, *Perayaan Orang Cina* (Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti, 1994).Lihat juga Hamka, *Tafsir al-Azhar* (Jakarta : Penerbit PT Pustaka Panjimas, 1982), 204-205.

²⁶⁹ Rene Sedillot, *The History of The World* (t.t.p : Mentor Book, 1952), 52. Dipetik daripada Ahmad Shalaby, *Agama-agama Yang Terbesar di India* (Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., 2001), cet. 2, 109.

²⁷⁰ Muhammad al-Najdi, *Mukhtashar Sirah al-Rasul* (t.tp : Maktabah al-Rushd), 75.

1. *sesungguhnya telah Aku turunkannya (al-Quran) pada malam al-Qadr.*²⁷¹

Ibn Kathir dalam menafsirkan ayat ini telah meletakkan malam *al-Qadr* yang penuh keberkatan ini adalah daripada bulan Ramadan dan kemudian mengaitkan dengan ayat lain:

شَهِدَ رَمَّ - اَنْ اَلَّذِيْ اُنْزِلَتْ فِيْهِ الْقُرْاٰنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدٰى وَٱلنُّوْرِ اَنَّ ...

185. *(Beberapa hari yang ditentukan itu ialah) bulan Ramadan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) Al Qur'an sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (antara yang hak dan yang batil)...*²⁷²

Sebagaimana sudah dimaklumi, malam yang menjadi misi setiap Mukmin di dalam bulan Ramadan adalah antaranya *lailat al-Qadr* yang disebut mempunyai keberkatan lebih dari seribu bulan. Wahyu pertama yang dikurniakan adalah pada hari Isnin bulan Ramadan di dalam Gua Hira' saat baginda SAW bersuluk melalui perantaraan Jibril A.S.

Ini membuktikan bahawa Nabi Muhammad S.A.W telah mendapat wahyu yang sekaligus mengiktiraf kenabian dan kerasulannya. Perihal ini tidak terjadi kepada Buddha sekalipun terdapat dakwaan yang memaklumkan bahawa Buddha mendapat pencerahan tetapi asasnya tidak sama seperti yang dialami oleh baginda Nabi S.A.W bahkan nabi-nabi sebelum itu. Ini menunjukkan bahawa etimologi Buddha yang diletakkan sebagai nabi dan rasul adalah tidak kukuh kerana Buddha tidak pernah menerima wahyu dari Allah sebagaimana yang diterima oleh para *anbiya'* dan rasul. Menurut pandangan sarjana agama, realitinya Buddha menerima pencerahannya dalam bentuk pemahaman berkaitan nafsu sebagai punca kepada segala penderitaan sehingga melahirkan bentuk ajaran Buddha yang tertumpu kepada aspek moral dan etika. Pencerahan yang bersumberkan ilham yang merupakan suatu perasaan emosi yang

²⁷¹ Surah al-Qadr 97:1.

²⁷² Surah al-Baqarah 1:185.

diyakini oleh jiwa yang kerananya terdorong untuk melakukan berdasarkan kehendaknya oleh ilham tersebut tanpa disertai kesedaran jiwa dari mana datangnya, keadaan hampir sama dengan perasaan lapar, dahaga, sedih, dan tenang.²⁷³ Atau dengan kata mudahnya, ilham yang menjadi pencerahan bagi Buddha bukan dari bendasing yang datang datang dari pihak ketiga melainkan darinya sendiri. Begitu juga mesej yang diterima oleh Siddharta, ianya bukanlah berbentuk wahyu yang menegaskan seruan kepada tauhid sepertimana mesej yang dibawa oleh para nabi dan rasul terdahulu.²⁷⁴ Melainkan hanyalah amalan praktikal untuk memperoleh kesenangan dari kepincangan yang telah dilalui oleh masyarakatnya sahaja.

Begitu juga sebagaimana disebutkan didalam bab dua berkenaan wahyu sebagai epistemologi doktrinal Islam, perkara ini perlu berseiringan. Islam yang menjadikan wahyu sebagai perlembagaan yang cukup konkrit sehinggakan jika terdapat Muslim yang punyai jati diri berlawanan dengan sumber ini, bakal terus diletakkan sebagai golongan yang bersalahan dalam beragama-Islam. Berkenaan wahyu itu sendiri yang membezakannya dengan ilham yang dikaitkan dengan pencerahan Buddha adalah pada sumber asalan tersebut. Berbeza dengan wahyu yang bersumberkan daripada Allah²⁷⁵ melalui cara-cara tertentu. Manakala ilham yang dialami oleh Siddharta adalah bersifat akali sendiri. Berbeza dengan wahyu, ilham yang diperolehi adalah berdasarkan latarbelakang penerima dengan pengalaman persekitarannya.²⁷⁶ Pencerahan yang diterima tersebut adalah bersumberkan pemikiran sendiri yang diproses oleh akal sendiri.

Selain itu, penghujahan wahyu Islam adalah berasas oleh kerana kisah nabi pada ketika itu secara sedar memperakui bahawa beliau telah dipeluk oleh sesuatu sebanyak tiga kali.

²⁷³ Rashid Ridha, *al-Wahy al-Muhammadi* (Amerika : al-Zahra' li al-I'lam al-Arabi, 1988), 44.

²⁷⁴ Lihat surah al-Nahl 16:32.

²⁷⁵ Lihat perbincangan pada bab dua.

²⁷⁶ Ian Harris, *The Complete Illustrated Encyclopedia of Buddhisme* (UAE : Hermes House, 2011), 21.

Berbeza dengan Siddharta yang memperolehi pencerahan tersebut dengan gambaran gangguan Mara untuk menggagalkan taakulannya untuk memperoleh pembebasan. Sumber asing pada nabi adalah interaksi secara positif dan aktif telah datang kepadanya untuk memberitakan mesej dan kedua adalah komunikasi pasif Siddharta telah diganggu oleh Mara (roh jahat).

4.3 Konsep Ketuhanan dalam Buddhisme

Perbincangan dalam bab tiga memperlihatkan bahawa pencerahan Buddha yang diperolehinya mendorong sebahagian pengikutnya meletakkan Buddha sebagai individu utama dalam ajaran Buddhisme. Pemahaman aliran utama yang wujud dalam Buddhisme turut memangkinkan kedudukan Buddha sehingga diangkat sebagai tuhan. Perihal ini wajar direncami secara ilmiah.

4.3.1 Ateisme

Perbincangan bab tiga, menjelaskan bahawa aliran Hinayana merupakan penganut yang meyakini bahawa tiada wujud entiti tuhan dalam ajaran Buddhisme. Ini kerana mereka meyakini bahawa Buddha lebih menekankan pendidikan etika dan moral untuk mencapai pencerahan seterusnya keluar daripada putaran karma iaitu nirvana. Pun begitu, aliran Hinayana turut tidak menolak wujud fitrah dalam diri manusia yang turut cenderung memperakui wujud kuasa agung. Kecenderungan fitrah ini telah turut mendorong wujudnya kepercayaan berbentuk teisme yang memperakui wujud mutlak dan dikaitkan kepada Buddha. Keyakinan yang bersulamkan antara ateisme dan teisme merupakan kepercayaan yang jauh berbeza dan amat mengelirukan. Namun diungkapkan dalam *dharma* Buddhisme yang ditafsirkan oleh para penganut Buddha terkemudian. Konsep sedemikian adalah suatu yang tertolak dalam persepsi ajaran Islam. Masyarakat penganut Buddhisme melihat kehidupan mereka wajar sentiasa dalam lingkaran

Kehidupan atau *al-hayah* telah dilantunkan dalam al-Quran dalam pelbagai ayat dan surah. Ia merangkumi perkara yang telah lepas, waktu terkini, *singular, plural*, kata *mashdar* dan juga *ism fi'il*.²⁷⁷ Secara bahasa, *hayyi* memberi maksud nama bagi seekor binatang yang bergerak. Akar kata *mashdarnya* pula adalah *al-hayah* yang bererti kehidupan. Berlawanan dengan kehidupan pula adalah mati atau dalam bahasa Arabnya *al-maut*.²⁷⁸ Di dalam al-Quran, kehidupan diertikan kepada pelbagai makna mengikut situasi. Antaranya adalah hidup diertikan dengan penciptaan awal. Firman Allah S.W.T :

28. Bagaimana kamu tergamak kufur (mengingkari) Allah padahal kamu dahulunya mati (belum lahir), kemudian Dia menghidupkan kamu; setelah itu Dia mematikan kamu, kemudian Dia menghidupkan kamu pula (pada hari akhirat); akhirnya kamu dikembalikan kepadaNya (untuk diberi balasan bagi segala yang kamu kerjakan).²⁷⁹

114

kehidupan dunia, namun akan dikembalikan hidup pada hari akhirat untuk kehidupan yang lebih panjang dan abadi. Allah berfirman:

وَمَوْلَاهُذِي الْمَيِّتَاتُ مَيِّتٌ أَتَمُّ لِي إِذْ أَنْتَ لَفُورٌ ٦٦

66. Dan Dialah yang menghidupkan kamu, kemudian Dia mematikan kamu, kemudian Dia menghidupkan kamu semula. Sesungguhnya manusia sangatlah tidak bersyukur.²⁸¹

قُلْ أَهْلِي لِي أَتَمُّ لِمَعَا لَأَيُّوْمَ الْقِيَامَةِ وَيُبْقِيَهُ لِي رَحْمَةُ الْكَرَّ النَّاسِ يَلْمُونَ ٢٦

26. Katakanlah (wahai Muhammad): Allah yang menghidupkan kamu, kemudian Dia akan mematikan kamu, setelah itu Dia akan menghimpunkan kamu (dalam keadaan hidup semula) pada hari kiamat (hari) yang tidak ada sebarang syak tentang kedatangannya; akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (ketetapan itu).²⁸²

Secara dasarnya, Islam telah menekankan bahawa kehidupan manusia adalah sebahagian daripada kehidupan yang diciptakan bagi tujuan tertentu yang ditentukan oleh *Khalik*. Manusia perlu percaya bahawa mereka adalah makhluk yang dihidupkan dan perlu mengenal Allah. Pengenalan tersebut seterusnya akan memberi kefahaman bahawa Allah mengetahui segala asal kejadian, kelemahan, kesempurnaan, tugas, risalah, kedudukan jawatan, matlamat dan kewujudan dan falsafah hidup setiap hambaNya, juga mengetahui mengenai kehidupan yang abadi.²⁸³ Hakikat kebenaran pengetahuan Allah adalah sebagai Penciptanya yang sudah pasti mengetahui segalanya. Firman Allah S.W.T :

أَيُّ لِي مَلِّحَقٌ وَمَوْلَاهُذِي الْأَصْبَرُ ١٤

²⁸¹ Surah al-Hajj 22:66.

²⁸² Surah al-Jasiyah 45:26.

²⁸³ Zaini, Fadilah, *Ketuhanan dan Manusia dalam Pembentukan Peradaban Manusia menurut Perspektif Islam*, (Jurnal Kemanusiaan, UTM, 2004), 95.

*14. Tidakkah Allah yang menciptakan sekalian makhluk itu mengetahui (segala-galanya)? Sedang Dia Maha Halus urusan PentadbiranNya, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya!*²⁸⁴

Perincian tentang proses penciptaan manusia pertama sehingga kepada keturunan zuriat Nabi Adam wajar difahami sebagaimana firman Allah di dalam pelbagai ayat dan surah.²⁸⁵ Antara ayat 32 surah al-Najm, ayat 9 surah al-Sajadah, ayat 9 surah al-Mu'minun dan ayat 6 dalam surah al-Zumar. Ayat-ayat ini adalah pembuktian pengetahuan manusia tanpa keraguan terhadap keagungan Allah. Secara fizikal, jelas bahawa manusia dicipta dari tanah; maka tuntutan hidup seperti makanan, minuman, pakaian, perhiasan, tempat tinggal dan keamanan adalah suatu keperluan bagi setiap manusia.²⁸⁶

Dalam perbahasan *af'al* Allah, telah jelas bahawa segala sesuatu pada alam ini merupakan ciptaan Allah dan keimanan bahawa segala bentuk perbuatan dan perilaku manusia mempunyai kaitan dan hubungan dengan Allah S.W.T. Walaupun manusia diberikan pilihan untuk melakukan sesuatu, hakikat yang perlu difahami adalah bahawa segala perbuatan tersebut adalah suatu yang dijadikan dan berkait dengan kehendak Allah S.W.T. Kesemuanya adalah di bawah sifat kehendak dan iradat Allah. Dalam kefahaman berhubung perkara ini, matlamat hidup manusia adalah untuk beribadat kepada Allah semata. Firman Allah:

وَمَا يَخْلُقُ إِلَّا جَهَنَّمَ وَأَنْتَ بِهِ لَیَّعٌ ذُنُونٌ ٥٦

²⁸⁴ Surah al-Mulk 67:14.

²⁸⁵ Lihat surah al-Anbiya' 21:30, al-Saffat 37:11, al-Rahman 55:14, al-Hijr 15:29, al-Furqan 25:54 dan al-Najm 53:32.

²⁸⁶ Zaini, Fadilah, *Ketuhanan dan Manusia dalam Pembentukan Peradaban Manusia menurut Perspektif Islam*, (Jurnal Kemanusiaan, UTM, 2004), 95-96.

56. Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.²⁸⁷

Ini adalah asbab utama manusia dicipta agar sentiasa beribadat kepada Allah. Manusia secara fitrahnya dilahirkan suci dan perlu hidup di dunia dengan menghadapi pelbagai perkara merangkumi baik dan buruk. Fitrah tersebut mendorong manusia untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan. Namun, wujudnya bisikan-bisikan syaitan seperti yang dijanjikannya untuk turut mengheret anak Adam bersamanya ke dalam neraka kerana kekufuran yang telah dilakukannya.²⁸⁸ Berbeza binatang yang secara lahirnya melakukan rutin kehidupan tanpa berfikir seperti manusia. Akal yang dianugerahkan oleh Allah kepada manusia adalah antara salah satu unsur utama manusia dipilih sebagai khalifah di muka bumi bagi memakmurkannya.

وَأَنذَرْتُكُمْ لَآلِهَةِ الْبُحْرِ لِيَجْزِيَ أَرْضَ الْحَبَشَةِ لَوِائِلُ الْحَبَشَةِ هَذَا مِنْ غُلَسِ هَيْدَا وَيَقُولُ كَذِبًا أَمْ أَنْتُمْ خَائِدُونَ
قَالَ لِي أَلَيْسَ مَا تَقُولُونَ ٣٠

30. Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?. Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.²⁸⁹

Dalam pemilihan ini, telah dilantik ketua dalam setiap umat sebagai rasul dan nabi agar dapat dicontoh dan tidak meninggalkan umat manusia yang lain terumbang ambing tanpa panduan. Manakala objektif lantikan tersebut adalah sebagai rahmat untuk alam ini. Firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ١٠٧

²⁸⁷ Surah al-Thur 52:56.

²⁸⁸ Lihat surah al-Hijr 15:39-40.

²⁸⁹ Surah al-Baqarah 2:30.

107. Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.²⁹⁰

Dalam mendapatkan rahmat ini, perlu untuk manusia mengikuti segala petunjuk ilahi yang dibawa agar objektif tersebut tercapai. Dalam ajaran Islam, Muslim telah dijelaskan bahawa setiap tindak tanduk yang dibuat bakal ditimbang sebagai indikator baik dan buruk segala amal perbuatan manusia. Untuk memastikan umat manusia memahaminya, syurga dan neraka dicipta sebagai balasan ke atas setiap perbuatan manusia.

Justeru, maksud *al-hayah* ini lebih berkaitan dengan ruang lingkup manusia melalui perjalanan hidup yang terikat dengan segala ajaran Islam. Bahkan manusia dilantik sebagai khalifah untuk memakmur dan membangunkan alam. Setiap perbuatan manusia diperhitungkan untuk balasan yang setimpal. Justeru, manusia wajar terus '*hayy*' dalam lingkungan ajaran Islam untuk mencapai keredaan Allah.

Ia adalah berbeza dengan maksud fahaman masyarakat Buddhisme yang meletakkan *al-hayah* sebagai kepercayaan bahawa Buddha terus 'hidup' dalam nirvana dan wajar diangkat sebagai tuhan untuk terus memastikan jiwa mereka hidup bersama Buddha dengan melaksanakan *dharma* Buddha. Walhal ternyata bahawa Buddha juga dilahirkan dan dibesarkan dalam kehidupan sebagai manusia yang merasai penderitaan dan berusaha membebaskan manusia lain daripada kesengsaraan sehingga menghasilkan *dharma* Buddhisme yang diteraskan kepada empat jalan mulia dan lapan jalan kebenaran diyakini dapat memastikan penganutnya terus 'hidup' dan akhirnya mencapai nirvana.

Begitu juga kehidupan manusia yang secara saintifik adalah berasal daripada suatu yang tiada dan kemudian ada sebagai suatu darah pada rahim. Seterusnya menjadi

²⁹⁰ Surah al-Anbiya' 21:107.

segumpal darah dan menjadi embrio dan kemudian dapat bergerak selepas mendapat ‘kehidupan’. Selepas itu, keluarlah dari rahim menjadi bayi. Selepas beberapa tempoh masa hidup, tanpa pengetahuan manusia, akan kembali tidak bernyawa seperti permulaan kehidupan. Oleh sebab itu, putaran ini hakikatnya adalah putaran norma bagi manusia dan tanpa boleh mengawal akan sentiasa terikat. Begitulah putaran ini tidak akan putus.

Ajaran Islam mengemukakan aspek akidah, syariat dan tasawuf. Syariat sebagai kaedah bermuamalat atau interaksi sosial. Dalam perbincangan syariat, perkara yang menjadi perbincangan adalah salah satu cabang daripada Hadith Jibril²⁹¹ iaitu 5 perkara wajib bagi setiap Muslim untuk dipraktikkan; (1) syahadah, (2) solat lima waktu, (3) zakat, (4) puasa di bulan Ramadan dan (5) menunaikan ibadat haji. Secara dasarnya, lima perkara ini hanyalah sebahagian daripada perkara wajib yang wajar dipraktikkan merangkumi perkara sunat, harus, makruh dan haram. Kesemua bentuk ajaran ini adalah sebagai pengibadatan manusia kepada Allah yang esa.

Selain itu, aspek tasawuf atau akhlak adalah sebahagian amalan untuk diimplimentasi dalam kehidupan. Dalam satu hadith, baginda nabi S.A.W bersabda :

*“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak”*²⁹²

Hadith ini mengisyaratkan bahawa nabi secara tekal diutuskan adalah untuk menyempurnaan akhlak manusia. Ini kerana tanpa pedoman nabi dan rasul, fitrah yang suci sifatnya berupaya dikeruhkan dengan unsur-unsur negatif dalam kehidupan manusia. Justeru, nabi sebagai

²⁹¹ Hadith riwayat Muslim no.8 dan riwayat Bukhari no.190.

²⁹² Hadith riwayat al-Baihaqi no. 20782 dan di dalam riwayat lain daripada al-Bukhari no. 273, Ahmad no. 8952 dan al-Baihaqi no. 7609 disebut “*sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan kesalihan akhlak*”.

pembimbing menjernihkan semula fitrah tersebut agar sejajar dengan naluri dan sifat semula jadi manusia yang suci. Firman Allah S.W.T :

مَنْ عَمَلْ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ وَمَنْ لَّنْ آفَ عَمِلَ ذَا وَمَا يَنْتَظِرُ إِلَّا الْعَذَابُ ٤٦

46. Sesiapa yang mengerjakan amal soleh maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambaNya.²⁹³

Dalam ayat ini, secara tersuratnya menjelaskan bahawa setiap usaha kebaikan akan menghasilkan ganjaran yang setimpal dan begitu sebaliknya. Ayat ini turut menegaskan bahawa setiap pilihan yang dilakukan oleh setiap individu tidak selayaknya disandarkan kepada Allah kerana setiap insan telah diberikan akal ikhtiar (*af'al al-'ibad*). Oleh itu secara tersirat, kesengsaraan atau kebahagiaan hidup adalah pilihan manusia yang memberi kesan kepada dirinya dan tegasnya tidak boleh meletakkan kesalahan kepada individu lain.²⁹⁴

مَنْ عَمَلْ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ وَمَنْ لَّنْ آفَ عَمِلَ ذَا لَآ إِلَهَ إِلَّا رَبُّنَا يُرْجَعُونَ ١٥

15. (Tiap-tiap balasan berdasarkan kaedah): Sesiapa yang mengerjakan amal soleh, maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri dan sesiapa yang berbuat kejahatan, maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri; kemudian kamu akan dikembalikan kepada Tuhan kamu.²⁹⁵

Allah berfirman bahawa segala amal hambaNya sama ada baik dan buruk akan diperhitungkan secara adil dan saksama dan diganjari balasan yang setimpal.²⁹⁶ Peluang setiap manusia hanya

²⁹³ Surah al-Fussilat 41:46.

²⁹⁴ Ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir* (Beirut : Dar al-Kutub al-'Alamiyah, 1971), surah al-Fussilat 41:46.

²⁹⁵ Surah al-Jathiyah 45:15.

²⁹⁶ Ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir* (Beirut : Dar al-Kutub al-'Alamiyah, 1971), surah al-Jathiyah 45:15

sekali sahaja ketika hidup di dunia. Justeru, wajar sentiasa melakukan amal kebaikan²⁹⁷ dan akan dimatikan pada suatu waktu yang ditetapkan dan dihidupkan kembali di hari akhirat kelak.²⁹⁸

Ini membuktikan bahawa *dharma* Buddha merupakan usaha Buddha memastikan pengikutnya terus berada dalam lingkungan etika dan moral yang baik dan bersikap baik terhadap kehidupan. Ia bukan bermaksud bahawa pengikut Buddhisme perlu mempercayai bahawa jiwa Buddha terus hidup dan kerana itu mereka mempertuhankan Buddha dan berharap kepada 'rahmat' Buddha.

Sehubungan itu, konsep ateisme dan teisme yang ditunjangi oleh aliran Hinayana dan Mahayana memperlihatkan pembauran antara dua kepercayaan yang sukar dilaraskan. Namun, kerana keyakinan penganut Buddhisme kepada kedudukan Buddha sebagai jiwa yang hidup di nirvana, mereka yakin ia adalah konsep wujud tuhan yang absah.

4.3.2 Politeisme

Sembahan dan sanjungan kepada Buddha dilakukan dalam bentuk politeisme. Aliran Hinayana dan Mahayana yang memperakui bahawa Buddha adalah tuhan telah melakukan sembahsan kepada patung berhala yang lain kerana pengaruh kepercayaan masyarakat Cina tempatan seperti ajaran nenek moyang. Bahkan ia telah diterima sebagai sebahagian ajaran Buddha sekalipun Buddha tidak menekankan aspek ketuhanan.²⁹⁹

Kelaziman sembahsan dalam bentuk politeisme ini terserlah dalam setiap tokong atau wat Buddha yang mempunyai patung ukiran Buddha dalam pelbagai saiz dan bentuk. Menurut sejarah, pada awalnya seni bina patung Buddha tidak mengandungi gambaran keseluruhan wajah

²⁹⁷ Lihat surah al-Syura 42:20.

²⁹⁸ Lihat surah al-Jumuah 62:8.

²⁹⁹ Temubual dengan Encik Zong Ping (Timbalan Presiden Young Buddhist Association of Malaysia (YBAM), Kelana Jaya), temubual pada 22hb Ogos 2017.

dan fizikal Buddha. Sebaliknya, ukiran patung Buddha diukir secara simbolik seperti tapak kaki, payung dan sebagainya yang menggambarkan kaitan pertapaan Buddha di bawah pohon Bodhi untuk mendapat ‘pencerahan’. Pada waktu itu, tidak ditemui tokong atau wat yang menggunakan patung ukiran fizikal Buddha kecuali simbol-simbol tersebut. Sehingga pada 300 SM, sejarah mencatatkan bahawa penghormatan kepada Buddha bukan sekadar dalam bentuk simbol semata, tetapi mulai dalam bentuk fizikal patung Buddha yang lengkap.

Menurut Bradley, pembinaan tersebut adalah kesan daripada pertembungan dengan ahli seni Greek yang terkenal dengan pembinaan patung-patung ‘makhluk hidup’ yang pelbagai. Buktinya, patung Buddha pertama yang dibina adalah dari rantau barat laut India yang merupakan tempat pertembungan dua tamadun besar ini. Ahli seni India telah menghasilkan seni ukiran patung Buddha berdasarkan imiginasinya. Seajar dengan tersebarnya agama Buddha, semakin banyak bentuk patung Buddha telah dipotretkan dan dihasilkan. Justeru, terdapat patung ukiran Buddha dalam keadaan duduk seperti di India, , dalam keadaan seperti berjalan di beberapa tempat seperti di Thailand, dan dalam keadaan berbaring seperti di Tumpat, Kelantan.

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa sembahsan terhadap Buddha disulami dengan sembahsan kepada patung berhala yang lain dan dianggap sebagai dewa dan dewi yang berkuasa. Menurut Ann Wan Seng bahawa pemujaan oleh penganut Buddha terhadap patung Buddha dan menganggapnya sebagai tuhan adalah fenomena baru dalam ajaran Buddhisme dan sukar dibendung.³⁰⁰

“A Buddha statue that manufactured in a factory is only a piece of art. Image consecration is to invite a Buddha’s Law Body to come and stay on the statue, and then people will take the statue as a kind of tangible body to worship. When a

³⁰⁰ Ann Wan Seng, *Perayaan Orang Cina* (Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti 1994), 17.

*practitioner has apious hearts an cultivates himself, the law Body on the statue will guard the Law for him, look after him, and protect him when he cultivates”.*³⁰¹

Fenomena sembahsan kepada patung berhala sama ada dalam bentuk Buddha atau para dewa yang lain, kerana pengikut ajaran Buddhisme mempercayai patung berhala tersebut mempunyai kuasa hebat dan sekaligus menjadi pengawal, penjaga, yang melindungi penyembahnya.³⁰² Sementelah wujud kepercayaan bahawa setiap manusia mampu menjadi Buddha dan kerana itu setiap individu yang semasa hidupnya amat berpengaruh akan mendorong masyarakat Cina ajaran nenek moyang dan ajaran Buddhisme menghormatinya dalam bentuk ukiran patung berhala dan menjadikannya sebagai sembahsan mereka. Akibatnya memungkinkan lagi pertambahan sembahsan dalam pelbagai bentuk patung berhala.³⁰³ Dalam erti kata lain, Buddha adalah setiap individu yang memperolehi *enlightment*. Justeru, sentiasa wujud tuhan baharu dan diabadikan dalam bentuk patung berhala dan dipercayai dewa dan dewi yang berkuasa seperti patung yang memakai tengkolok dan dikenali sebagai Datuk Gong dan kemungkinan turut dipercayai sebagai tuhan utama. Menurut Cik Xian Kai indikator untuk menentukan samada seseorang yang hebat ketika hayatnya boleh diangkat sebagai Buddha dan seterusnya tuhan atau sebaliknya sebagai *demon* adalah berdasarkan kebaikan individu tersebut.³⁰⁴ Namun, beliau menafikan bahawa Buddha itu adalah tuhan dalam ajaran Buddhisme. Sebaliknya, persepsi masyarakat yang mempercayai akan sentiasa wujud Buddha meletakkannya seolah-olah ‘tuhan’ yang sentiasa hidup dalam jiwa penganut Buddha.³⁰⁵

³⁰¹ Li Hongzhi, *Zhuan Falun Turning the Law Wheel* (Taiwan : Yih Chyun Book Corp, 2003), 187.

³⁰² Temubual dengan Cik Xian Kai (Ketua Pentadbir Malaysia Buddhist Institute (MBI), Pulau Pinang), temubual pada 21hb Ogos 2017.

³⁰³ *Ibid.*, Temubual dengan Cik Xian Kai (Ketua Pentadbir Malaysia Buddhist Institute (MBI), Pulau Pinang), temubual pada 21hb Ogos 2017.

³⁰⁴ *Ibid.*, Temubual dengan Cik Xian Kai (Ketua Pentadbir Malaysia Buddhist Institute (MBI), Pulau Pinang) temubual pada 21hb Ogos 2017.

³⁰⁵ *Ibid.*, Temubual dengan Cik Xian Kai (Ketua Pentadbir Malaysia Buddhist Institute (MBI), Pulau Pinang) temubual pada 21hb Ogos 2017.

Berikutan daripada aktiviti kepercayaan seumpama itu telah mewujudkan konsep wujud tuhan dalam ajaran Buddhisme dalam bentuk ateisme, teisme, bahkan juga politeisme dan ritual sembahsan dilakukan dalam bentuk politeisme.

Menurut Riduan Tee, ritual sembahsan pelbagai berhala dan dianggap sebagai tuhan yang berkuasa dalam kalangan masyarakat Buddha sama ada beraliran Hinayana dan Mahayana hari ini adalah perbuatan taklid buta dan menyimpang jauh daripada ajaran Gautama Buddha. Ia adalah perbuatan khianat terhadap Gautama Buddha yang sebenarnya. Ajaran sebenar Gautama Buddha tertumpu kepada penekanan aspek etika dan moral.³⁰⁶

Manakala aktiviti penjualan tangkal dan azimat dalam kalangan masyarakat Buddhisme merupakan suatu yang membimbangkan. Shirley Yee dalam kajiannya telah melihat pertambahan dan penularan penggunaan dan penjualan produk patung azimat dan tangkal yang dipercayai mempunyai kuasa sebagai aktiviti yang bertentangan dengan *dharma* Buddha.³⁰⁷ Ia jelas memperlihatkan bahawa masyarakat penganut Buddhisme tidak memahami dan menghayati ajaran sebenar Buddha sehingga mencalar imej etika dan moral mereka yang mengaku sebagai penganut ajaran Buddhisme. Bahkan ia dilihat sebagai 'bid'ah' kepada ajaran Buddhisme.³⁰⁸

Islam mengajarkan kita untuk memuliakan manusia kerana setiap insan adalah makhluk Allah yang mulia kerana ketakwaan dan keimannnya. Bahkan menghormati individu adalah

³⁰⁶ Mohd Ridhuan Tee Abdullah, Asas-Asas Ajaran Buddha Sebagai Perbandingan Agama, Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Krisis Murtad, anjuran Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor (PUMCS), Persatuan Pegawai Syariah Malaysia (PPSM) dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 30 Mei 2009, bertempat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

³⁰⁷ Shirley Yee Meng Sam (1992) *Thai Buddhist Cosmology and It's Influence in Singapore*, Disertasi (MA) Sarjana Sains Sosial, Universiti Kebangsaan Singapura. Lihat juga Temubual dengan Cik Loi Pai Ling (Presiden Buddhist Missionary Society Malaysia (BMSM)), temubual pada 25 Ogos 2017.

³⁰⁸ Mohd Ridhuan Tee Abdullah, Asas-Asas Ajaran Buddha Sebagai Perbandingan Agama, Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Krisis Murtad, anjuran Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor (PUMCS), Persatuan Pegawai Syariah Malaysia (PPSM) dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 30 Mei 2009, bertempat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

perkara yang amat dituntut asalkan tidak melampaui batas. Penghormatan tersebut tidaklah bermaksud mengagungkan dan memuliakan individu tertentu seperti mengagungkan Allah.

Dalam hadith *muttafaqun alaih*, Nabi S.A.W. bersabda :

Maksud: *Jangan kamu melampaui di dalam memuji sepertimana melampaunya golongan Nasrani (mengangkat kedudukan) Ibnu Maryam. Sesungguhnya aku adalah hamba Allah, maka katakanlah : Hamba Allah dan rasulnya.*³⁰⁹

Sabda baginda S.A.W :

*Awasilah kamu dari melampau (ghuluw) di dalam agama, sesungguhnya telah binasa orang yang sebelum kamu oleh kerana sikap melampau dalam beragama.*³¹⁰

Allah menegaskan sikap *ghuluw* dalam kalangan masyarakat Nasrani meletakkan Nabi Isa sebagai tuhan telah mengakibatkan mereka dilaknat. Perihal yang sama juga dalam perbuatan mensyirikkan Allah seperti kepercayaan terhadap wujudnya suatu makhluk yang mempunyai kuasa menguruskan alam, atau dapat memberi kesan berbentuk manfaat atau kemudharatan dan seseorang itu mendampingi makhluk tersebut sebagai kaedah *bartaqarrub* kepada Allah, maka perkara itu merupakan bid'ah dalam agama dan melampaui batas dan ia adalah haram.³¹¹ Kesyirikan kepada selain kepada Dia bahkan merupakan sebesar-besar dosa dalam tingkatan dosa. Rasulullah S.A.W bersabda:

أَفْتَىُ أَبْنَاءَ الْبَنِي إِسْرَءِيلَ أَنَّ أَبْنَاءَ إِسْرَءِيلَ رُسُلُ اللَّهِ قَالَ : أَسْرَأْتُكَ اللَّهُ، وَخُفُّوا لَوَالِيَيْنِ، وَكَأَنَّ مَعْزِلَ الْجَسَقِ قَالَ : أَقُولُ
لِزُورٍ، وَشَدَّادَةُ لِزُورٍ فَمَزَالَ الْيَرْزُوهَا صَعِيذُهَا : لَيْتَ مَسَّتْ

Mahukah aku beritakan kepada kamu tentang sebesar-besar dosa?tiga kali diulangi. Kemudian kami menjawab : ya wahai Rasulullah, sabdanya :

³⁰⁹ Hadith riwayat Bukhari no. 3445 dan no. 6830.

³¹⁰ Hadith riwayat Ibn Hibban no. 3871.

³¹¹ Lihat Wahbah Zuhaili, *al-Bida' al-Munkarah* (Damsyik : Dar al-Maktabi, 1999), 3.

mempersekutukan Allah, derhaka kepada kedua orang tua, dan perkataan palsu dan pengakuan palsu. Maka diulangi “dan persaksian palsu sehinggalah kami berkata “semoga nabi diam”.³¹²

Dan firman Allah S.W.T:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا ﴿٤٨﴾

48. Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apajua) dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya) dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa yang besar.³¹³

Pengambilan sesuatu kehidupan sebagai bahan sembahkan adalah sesuatu perbuatan yang sangat besar keburukannya. Hal ini kerana sembahkan kepada selain tuhan yang benar adalah sesuatu perbuatan yang menyamakan tuhan yang bersifat kesempurnaan dengan hakikat kehidupan yang sangat lemah. Maka perbuatan menyamakan tersebut merupakan perkara yang zalim dalam meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya. Firman Allah S.W.T lagi :

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ قَالِ لِلْمَسِيحِ ابْنِ مَرْيَمَ اطَّعُوا اللَّهَ وَطَعُوا لِرَبِّهِمْ أَشْجَارًا هَٰؤُلَاءِ سَوَاءٌ لَّهِ أَعْبُدُوا اللَّهَ وَرَبَّهُمْ أَلَمْ يُخْلَقُوا مِنْ نَارٍ وَهَٰؤُلَاءِ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ بَلَاغٌ وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ ﴿٧٢﴾

72. Demi sesungguhnya! Telah kafirlah orang-orang yang berkata: Bahawasanya Allah ialah Al-Masih Ibni Mariam. Padahal Al-Masih sendiri berkata: Wahai Bani Israil! Sembahlah Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu, bahawasanya sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah

³¹² Hadith riwayat al-Bukhari 3/151-152 *Fathur Bari* 5/261 no. 2654 dan riwayat Muslim no. 87. Lihat juga perbincang syirik dalam bab dua.

³¹³ Surah al-Nisa' 4:48.

*haramkan kepadanya Syurga dan tempat kembalinya ialah Neraka dan tiadalah seorang penolong pun bagi orang-orang yang berlaku zalim.*³¹⁴

Iaitu berkenaan balasan bagi pelaku kesyirikan kepada Allah sepertimana yang telah berlaku kepada agama Nasrani yang menjadikan manusia mulia (Nabi Isa) sebagai tuhan. Maka Allah menegaskan bahawa perbuatan tersebut tidak lain hanyalah amalan yang menempatkan mereka ke dalam neraka *jahannam*.

Tuntasnya, memuji manusia lain diharuskan dan selayaknya untuk individu itu menerima pujian kerana usaha kebajikannya. Sebagai contoh, sekiranya individu itu layak dipuji sebagai seorang yang bijak dalam pelajaran, maka pujiannya mestilah dalam lingkungan maksud bijak sahaja seperti pandai, rajin, dan lain-lain. Pujian tersebut tidak wajar melampau seperti hanya individu tersebut sahaja yang mampu memimpin umat, mengetuai kerajaan dan sebagainya hanya kerana dia bijak dalam pelajaran. Begitu juga dalam memuji seseorang yang mempunyai kredibiliti untuk mengajar, maka ilmunya adalah untuk dikongsi sahaja dan tidak diizinkan untuk menganggapnya sebagai seorang syekh yang mursyid kerana terdapat syarat untuk mencapai maqam tersebut.³¹⁵ Pujian wajar berpadanan atau *mutabaqah* dengan hakikat, jika tidak ianya dikira sebagai melampaui batas.

Sehubungan itu, menelusuri kepercayaan wujud tuhan dan sembah tuhan dalam ajaran Buddhisme berpunca daripada kekaguman penganutnya terhadap usaha Buddha yang membebaskan mereka daripada belenggu penderitaan. Pujian demi pujian diberikan kepada Buddha dan awalnya hanya sebagai bentuk penghormatan kerana Buddha telah meninggalkan *dharma*nya untuk memastikan kelangsungan hidup masyarakat Buddha dalam lingkungan etika

³¹⁴ Surah al-Maidah 5:72.

³¹⁵ Dalam meletakkan seseorang sebagai ‘sheikh mursyid’ sekalipun, perlu untuk mengetahui apakah yang wajar untuk ditaati dan diikuti dan perlu menepati syariat al-Quran dan al-Sunnah dan tidak bercanggah dengan sumber tersebut. Lihat Abdul Hayei, *Syeikh Mursyid di antara Penghormatan dan Pendewaan*, kertas kerja yang dikemukakan dalam perbincangan Panel Akidah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Kota Bharu (9hb Ogos 2014).

dan moral yang baik dan jaminan mencapai nirvana. Tetapi, bertukar kepada pemujaan dan sembah kepada sosok tubuh Buddha. Selanjutnya dipersonifikasikan dalam bentuk patung berhala sehingga dipercayai mampu memberi rahmat dan menunaikan hajat penganut Buddhisme. Apatah lagi dimungkinkan lagi dengan pengaruh aktiviti ritual masyarakat Cina yang meyakini ajaran nenek moyang mengakibatkan bentuk ritual kepada Buddha semakin pelbagai.

Tuntasnya, ritual pujaan dan sembah terhadap Buddha merupakan aktiviti baru yang tercipta selepas beberapa abad kematian Buddha. Ketika hayat Buddha, beliau tidak mengajarkan ritual sedemikian, bahkan tidak pernah membina atau mengukir patung sebagai sembah dalam ritual. Sebaliknya, menegaskan *dharma* sebagai jaminan pencapaian nirvana.

*"The Buddha advised mankind to follow his teachings and practice diligently what he preached in order to gain salvation. In fact, we cannot call ourselves followers of the Buddha if we merely follow him blindly by just regarding him as a powerful master. What the Buddha expected of us is to live in accordance with the Dharma. Only then can we truly say to all that we do follow the Buddha"*³¹⁶

K. Sri Dhammananda menegaskan bahawa penganut ajaran Buddhisme sewajarnya memahami kehendak ajaran Buddha dan mempraktikkan *dharma* sepertimana yang diajarkan oleh Buddha untuk menjamin keselamatan mereka dan sekaligus diiktiraf sebagai penganut setia ajaran Buddha.

4.3.3 Teisme

Aliran Mahayana khususnya lebih cenderung mempercayai kewujudan satu kuasa hebat di dalam alam ini tanpa menafikan aliran Hinayana turut mempercayai wujud tuhan kerana dorongan

³¹⁶ K. Sri Dhammananda, *How to Practice Buddhism* (Kuala Lumpur : Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society, 2000), 29.

fitrah.³¹⁷ Aliran Mahayana yang lebih liberal dalam pentafsiran *dharma* Buddha mempercayai bahawa kuasa tersebut mampu membantu ketika manusia memerlukan pertolongan.³¹⁸ Walaupun aliran ini mempercayai bahawa kuasa tersebut tidak mampu memenuhi hajat mereka, tetapi keyakinan terhadap kuasa tersebut adalah tekal. Menurut aliran Mahayana, tuhan mampu memenuhi permintaan dan hajat manusia, namun ia perlu kepada usaha manusia. Justeru, setiap individu wajar memahami *dharma* Buddha sebagai jaminan untuk terus kekal sebagai individu yang beretika dan bermoral agar tidak menimbulkan masalah kepada individu yang lain. Ia juga jaminan untuk pembebasan daripada hukum karma dan *samsara*.³¹⁹

Rentetan daripada kandungan kitab *Sutta Pitaka*, *Devadaha sutta*, *Majjhima Nikaya* 101 dan kitab *Udana* VIII, yang menjelaskan kecenderungan Buddha mengakui kewujudan tuhan sebagai Pencipta. Pencipta yang dimaksudkan dalam kitab tersebut seperti yang dijelaskan dalam bab tiga adalah entiti yang berkuasa dan berbeza daripada makhluk. Ia tidak dicipta, dilahirkan dan tidak dapat diimiginasikan dalam sebarang bentuk. Pun begitu, oleh kerana Buddha tidak menegaskan konsep wujud tuhan dalam *dharma* Buddha dan lebih menonjolkan aspek etika dan moral mengakibatkan konsep tersebut kurang jelas dalam fahaman pengikutnya. Keterangan dalam kitab tersebut hanya secara umum dan mengaitkan bahawa Buddha turut percaya kepada wujud tuhan.

Kita sedia maklum bahawa Buddha dilahirkan dalam kalangan kasta Kesyatria daripada kalangan keluarga bangsawan India yang menganuti ajaran Hinduisme. Pastinya, kepercayaan kepada wujud tuhan menerasi keluarga Buddha sepertimana yang diserlahkan dalam ajaran

³¹⁷ Temubual dengan Encik Zong Ping (Timbalan Presiden Young Buddhist Association of Malaysia (YBAM), Kelana Jaya), temubual pada 22hb Ogos 2017.

³¹⁸ *Ibid.*, Temubual dengan Encik Zong Ping (Timbalan Presiden Young Buddhist Association of Malaysia (YBAM), Kelana Jaya), temubual pada 22hb Ogos 2017.

³¹⁹ *Ibid.*, Temubual dengan Encik Zong Ping (Timbalan Presiden Young Buddhist Association of Malaysia (YBAM), Kelana Jaya), temubual pada 22hb Ogos 2017.

Hinduisme. Apatah lagi dorongan fitrah memungkinkan lagi keyakinan Buddha kepada wujud tuhan tersebut. Gambaran kitab Buddha memperlihatkan penjelasan mengenai kepercayaan Buddha berhubung wujud tuhan itu menyamai konsep kepercayaan kepada tuhan Brahman iaitu tuhan yang satu dalam ajaran Hinduisme dan dimanifestasikan dalam bentuk dewa Brahma, Shiva dan Vishnu. Namun begitu, kerana dorongan Buddha mencari jawapan kepada penderitaan manusia akibat sistem kasta yang diamalkan dalam kalangan penganut Hinduisme, telah memungkinkan Buddha hanya memokuskanf ajarannya dalam bentuk etika dan moral sebagai kaedah terbaik untuk menghapuskan penderitaan yang disingkap dalam *dharma* Buddha. Justeru, Buddha tidak merencami secara tuntas konsep wujud tuhan dalam ajaran Buddhisme. Apatah lagi, bagi Buddha perihal kepercayaan kepada tuhan sememangnya sedia wujud dalam diri setiap manusia. Pastinya, manusia memahami hakikat wujud tuhan.³²⁰

Selain itu, fitrah untuk bertuhan yang turut diraikan dalam Buddhisme seperti yang dibincangkan dalam bab tiga sebelumnya turut menjadi hujah tumbuhnya pemikiran baharu. Fitrah manusia yang sedia wujud untuk mempercayai bahawa wujud satu kuasa yang memberi kesan dalam kehidupan harian menjadi nilai tambah dalam beragama khususnya dalam Buddha. Konsep Boddhisattva yang mempercayai bahawa telah wujud entiti yang menjadi Buddha sebelum Siddharta Gautama juga menjadi punca kelahiran pelbagai patung. Oleh kerana pembinaan patung yang khususnya adalah untuk dijadikan tempat kebergantungan pengikut untuk melakukan ritual kepadanya, maka kepercayaan untuk bertuhankan patung-patung meresapi dan dipraktikkan.³²¹

³²⁰ Temubual dengan Cik Loh Pai Ling (Presiden Buddhist Missionary Society Malaysia (BMSM)), temubual pada 25 Ogos 2017.

³²¹ Ann Wan Seng, *Perayaan Orang Cina* (Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti 1994), 17.

Perbincangan berkenaan bagaimana hakikat wujud tuhan dalam ajaran Buddhisme walaubagaimanapun tidak dapat dirungkaikan dengan jitu. Ini kerana hasil daripada temubual dengan ketiga-tiga pakar ajaran Buddhisme³²² ternyata bahawa mereka tidak dapat memperincikan konsep wujud tuhan sama ada menurut aliran Hinayana dan Mahayana dengan ilmiah sekalipun beberapa kajian menyingkapkan perihal tersebut sepertimana dalam huraian sorotan literatur. Tuntasnya, ajaran Buddhisme ini lebih menekankan aspek moral dan etika yang diterjemahkan dalam *dharma* Buddha. Ketiga-tiga informan turut menegaskan bahawa kenyataan dalam beberapa *sutta* sebelum ini amat diragui kerana kenyataan yang memperlihatkan bahawa Buddha turut mempercayai wujud tuhan adalah amat asing dan kemungkinan besar kenyataan tersebut diambil dan diterjemah secara salah.³²³ Menurut Encik Zong Ping maksud sebenar berhubung gambaran kelahiran yang disebutkan dalam kenyataan bahawa Buddha mempercayai wujud entiti yang diciptakan atau tidak lebih merujuk kepada kaitan antara amalan dan karma. Bererti sekiranya perbuatan ketika hidup adalah baik, maka karmanya akan baik. Selanjutnya, keberangkalian untuk mencapai ketidaklahiran semula dan diciptakan kembali adalah bergantung kepada karma seseorang.³²⁴ Ketiga-tiga informan menegaskan bahawa ajaran Buddha sebenarnya menekankan aspek *soul* (jiwa) untuk menjadi individu yang sentiasa melakukan kebajikan untuk individu lain dengan mempraktikkan *dharma* Buddha yang bertujuan mencapai

³²² Hasil daripada perbincangan dan temubual dengan Encik Zong Ping, (Naib Presiden Young Buddhist Association Malaysia (YBAM), 22hb Ogos 2017, Cik Loh Pai Ling (Presiden Buddhist Missionary Society Malaysia (BMSM)), temubual pada 25 Ogos 2017 dan Cik Xian Kai (Ketua Pentadbir Malaysia Buddhist Institute, (MBI), Pulau Pinang, temubual pada 21 Ogos 2017.

³²³ Temubual dengan Encik Zong Ping (Timbalan Presiden Young Buddhist Association of Malaysia (YBAM), Kelana Jaya) temubual pada 22hb Ogos 2017.

³²⁴ *Ibid.*, Temubual dengan Encik Zong Ping (Timbalan Presiden Young Buddhist Association of Malaysia (YBAM), Kelana Jaya), temubual pada 22hb Ogos 2017.

nirvana dan sekaligus mengeluarkan setiap individu penganut daripada lingkaran dan putaran karma.³²⁵

Cik Loh Pai Ling menegaskan bahawa masyarakat Buddhisme menghormati latarbelakang Buddha yang asalnya beragama Hindu dan mindanya telah ditanam dengan kepercayaan terhadap tuhan Brahman yang dimanifestasikan dalam beraneka bentuk dan fungsi. Justeru, masyarakat Buddhisme turut menghormati tuhan-tuhan tersebut dan tidak pernah membicarakannya dan berlapang dada menerima *dharma* Buddha dan mempraktikkan ajaran Buddha dengan melakukan kebaikan. Penganut Buddhisme mempercayai bahawa setiap amalan kebaikan akan memberikan kesan kepada karma individu penganut dan wajar ‘bersyukur’ kerana dilahirkan sebagai manusia yang masih mempunyai peluang untuk berubah.³²⁶ Beliau turut sependapat dengan prinsip ajaran Islam dalam aspek kelahiran setiap individu yang suci daripada segala dosa dan amal kebaikan ketika hayatnya yang menentukan pengakhirannya nanti. Justeru, kenyataan dalam kitab Buddha yang mengaitkan tentang wujud tuhan itu³²⁷ iaitu kelahiran manusia adalah diciptakan oleh Pencipta itu bukan bermaksud sedemikian, sebaliknya ia berkaitan dengan proses karma dan *dharma* sebagai jalan untuk memutuskan kelahiran manusia semula.³²⁸

Demikianlah, kecelaruan dalam satu doktrin yang bersifat manusiawi dalam mendasari epistemologi. Pentafsiran yang tidak menjadikan sumber ajaran sebagai asas yang konkrit akhirnya menjadikan kecelaruan dalam masyarakat awam bahkan di peringkat atasan. Ketidak

³²⁵ Hasil daripada perbincangan dan temubual dengan Encik Zong Ping, (Naib Presiden Young Buddhist Association Malaysia (YBAM), 22hb Ogos 2017, Cik Loh Pai Ling (Presiden Buddhist Missionary Society Malaysia (BMSM)), temubual pada 25 Ogos 2017 dan Cik Xian Kai (Ketua Pentadbir Malaysia Buddhist Institute, (MBI), Pulau Pinang, temubual pada 21 Ogos 2017.

³²⁶ Temubual dengan Cik Loh Pai Ling (Presiden Buddhist Missionary Society Malaysia (BMSM)), temubual pada 25 Ogos 2017.

³²⁷ *Sutta Pitaka, Udana VIII*, ayat 3.

³²⁸ Temubual dengan Cik Loh Pai Ling (Presiden Buddhist Missionary Society Malaysia (BMSM)), temubual pada 25 Ogos 2017.

seragaman dalam doktrin menimbulkan pelbagai kefahaman dalam suatu perkara khususnya agama.

Jika dilihat dari sisi Islam, sudah pasti ianya mempunyai “teisme” yang konkrit dalam mendasari doktrin kepercayaan. Islam yang meletakkan dua kalimah syahadah dalam rukun iman yang di dalamnya terkandung gagasan asas untuk individu Muslim menghayatinya. Begitu juga ditegaskan pada pelbagai ayat di dalam al-Quran bahawa perutusan nabi dan Rasul tidak hanya untuk memberi petunjuk tentang kaedah hidup dengan selamat bahkan didoktrinkan untuk mengenal tuhan dan seterusnya membentengi daripada amalan kesyirikan.

“Teisme” di dalam perspektif Islam yang disebutkan tersebut adalah kepercayaan bahawa manusia tidak ada pilihan untuk mempercayai bahawa segala penciptaan adalah hakikatnya diciptakan oleh sesuatu yang sangat berkuasa. Kemudian, yang berkuasa tersebut bilangan adalah satu dan tidak lebih; esa. Tuhan yang esa tersebut tidak memerlukan kepada sesuatu yang lain dalam mentadbir alam ini kerana kekuasaannya bersifat mutlak. Firmannya :

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ ۝١٥﴾

*15. (Oleh kerana Allah menguasai segala-galanya, maka) wahai umat manusia, kamulah yang sentiasa berhajat kepada Allah (dalam segala perkara), sedang Allah Dialah sahaja Yang Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.*³²⁹

Maha Kaya yang merupakan sebahagian sifat kesempurnaanNya menjadikan ketidak-hajatanNya kepada sebarang makhluk. Adapun yang memerlukan adalah kita sebagai makhluk yang bersifat kekurangan. Maka, inilah mesej tuhan yang menjadi penguat nabi-nabi dan rasul terdahulu dalam menyampaikan dakwah.

³²⁹ Surah al-Fatir 15:15.

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ فَمِنْهُمْ مَّنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَّنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ

عَقِبَةُ الْمَكْدِبِينَ ﴿٣٦﴾

36. Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut. Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayat petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulnya.

Demikianlah para rasul telah diutuskan untuk memakmurkan dunia dengan mesej tuhan untuk tunduk patuh kepadaNya dan bukan kepada selain daripadaNya.

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ

سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾

256. Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat. Karena itu barang siapa yang ingkar kepada Thaghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang amat kuat yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Selain itu, beriman dengan tuhan sebagai teisme Muslim dinyatakan sebagai “tali yang amat kuat” dalam rangkaian Islam. Oleh kerana itulah, Islam secara hakikatnya Islam telah menjadi mesej keamanan dan keselamatan sejagat dalam menjadi ikatan pelbagai benua dan internasional.

4.4 Kesimpulan

Hasil perbincangan, pengkaji merumuskan konsep ketuhanan dalam ajaran Buddhisme kepada tiga kategori iaitu ateisme, politeisme dan teisme. Konsep ateisme dilihat daripada fahaman dan

praktikal penganut Buddhisme yang mementingkan pendidikan etika dan moral dan memahami bahawa Buddha menegaskan sebagai jaminan pembebasan daripada hukum karma dan lingkaran *samsara* dan sekaligus pencapaian nirvana. Manakala bentuk politeisme adalah hasil daripada ritual sembahsan yang bersulamkan pengaruh sosio budaya masyarakat yang diperlihatkan di beberapa tokong dan wat. Kepercayaan berbentuk teisme pula dirujuk kepada sumber kitab Buddha sekalipun dinafikan oleh pakar ajaran Buddhisme dan juga berpengaruh dengan fitrah manusia yang mencari kuasa agung.

Realitinya, Buddha menegaskan bahawa ajarannya adalah lebih berbentuk etika dan moral semata-mata selaras dengan keadaan yang berlaku waktu itu. Kepincangan ajaran Hinduisme yang menekankan aspek kasta mengakibatkan ramai manusia menderita. Justeru, Buddha mencari solusi terhadap perihal tersebut yang mencetuskan *dharma* Buddha dalam aspek etika dan moral. Latarbelakang Buddha yang asalnya berfahaman Hinduisme turut mewarnai sikap penganut Buddha dalam memahami erti wujud tuhan.

Tuntasnya, ajaran Buddhisme tidak membicarakan aspek ketuhanan yang mengakibatkan selepas kematian Buddha, penganutnya yang terdorong dengan fitrah manusia mulai mentafsir dan mencari erti tuhan sehingga mencetuskan tiga bentuk konsep ketuhanan.

Berbeza dengan konsep ketuhanan dalam perspektif pemikiran Islam, ianya dilihat bersifat konkrit kerana epistemologinya yang kukuh berpaksikan al-Quran dan hadith. Dasar doktrin kepercayaan yang digagaskan untuk dijadikan jati diri setiap individu Muslim mempunyai teras yang jitu sehinggakan semua pengikut dapat mengungkapkan syahadah yang sangat asas sebagai kepercayaan kemudian membawa kesan kepada internal dan eksternal dalam

kehidupan seharian. Seterusnya, menjadi benteng bagi setiap individu daripada melakukan perkara kesyirikan kepada Allah yang esa.

Universiti Malaya

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab lima kajian ini merumuskan perbincangan dan turut memberikan beberapa saranan untuk manfaat khususnya kepada pihak berkenaan.


5.2 Kesimpulan

Pengkaji mengklasifikasikan rumusan kepada tiga bahagian sebagaimana yang telah digariskan dalam objektif iaitu (1) konsep ketuhanan menurut perspektif beragama ; Islam, (2) konsep ketuhanan dalam Buddhisme dan (3) konsep ketuhanan dalam Buddhisme menurut perspektif Islam.

5.2.1 Konsep Ketuhanan menurut Perspektif Beragama

Dalam kehidupan beragama, pelbagai konsep telah lahir hasil daripada pengalaman yang pelbagai. Kepentingan untuk beragama boleh diletakkan sebagai suatu yang terpenting dalam kehidupan manusia kerana padanya terdapat fungsi-fungsi yang rasional. Walaubagaimanapun, epistemologi yang berbeza dalam beragama menghasilkan asas yang rumit dan kompleks dalam setiap isme-isme yang berbagai dan berbeza.

Rajah 5.1




Sumber : hasil rumusan kajian.

Fokus kepada Islam, doktrin Islam secara jelas dan pasti menyatakan bahawa Allah adalah Maha Esa dan Maha Agung. Dalam mengukuhkan isme ini, Islam meletakkan perbezaan di antara *Khalik* dan makhluk sebagaimana yang dilantunkan dalam nas *naqli* dan *aqli*. Akidah Islam dirujuk sebagai akidah tauhid yang menerasi setiap kehidupan Muslim.

Maha suci Allah dalam segala aspek meliputi zat, sifat dan namaNya. Keperluan untuk menamakan makhluk dengan namaNya adalah negatif. Walaupun terdapat beberapa nama yang boleh disifatkan dengan nama tersebut, yang jelasnya adalah peminjaman tersebut hanyalah dengan maksud mengambil makna umum dari *asma'* tersebut. Inilah jati diri akidah Islam yang sangat menitik beratkan perbezaan antara *Khalik* dan makhluk. Epistemologi yang benar wajar difahami oleh setiap Muslim agar terjamin akidah Islam daripada pensyirikan.

Tuntasnya, keyakinan terhadap seluruh nama Allah bersumberkan dalil al-Quran dan hadith. Bahawasanya Allah S.W.T menamakan dan mensifatkanNya secara hakiki. Perbahasan nama Allah merangkumi seluruh nama yang telah *tsabit* dalam al-Quran dan hadith. Nama-nama ini bukanlah suatu yang bersifat *qiyasiyyah* atau rekaan.

Rajah 5.2




Sumber : hasil rumusan kajian.

5.2.2 Konsep Ketuhanan dalam Buddhisme

Kematian Siddharta tanpa meninggalkan sebarang catatan penulisan sebagai rujukan ajaran menimbulkan pelbagai tafsiran khususnya dalam konsep wujud tuhan dan sembahannya. Seiring dengan perubahan tempat dan pertembungan dengan pelbagai tamadun, menyebabkan wujud perubahan samada dalam bentuk pengurangan dan pertambahan dalam ajaran beliau yang disampaikan secara lisan. Selepas 400 tahun kematiannya, barulah lahir kitab yang dipercayai berteraskan ajaran Buddha. Justeru, kemungkinan berlaku salah tafsiran dan perubahan dalam ajaran Buddha adalah besar. Apatah lagi, wujud pengaruh praktikal, ritual dan perubahan sosio budaya daripada kalangan masyarakat tempatan khususnya daripada kalangan masyarakat Cina beranutan ajaran nenek moyang mengakibatkan wujud perubahan fahaman terhadap ajaran Buddhisme yang meliputi aspek kepercayaan terhadap wujud tuhan dan bentuk sembahannya.

Rajah 5.3




Sumber : hasil rumusan kajian.

Kajian ini mendapati bahawa penyelidikan dan penulisan terdahulu yang meletakkan bentuk kepercayaan wujud tuhan dalam ajaran Buddhisme dalam bentuk sama ada ateisme, politeisme dan teisme hanyalah berdasarkan persepsi dan pengalaman kajian yang dirujuk kepada kelaziman aktiviti yang dipraktikkan dan diwarisi generasi ke generasi dan bersulamkan kepada percampuran ajaran nenek moyang dan pengaruh sosio budaya tempatan sehingga akhirnya kepercayaan wujud tuhan itu diterima sedemikian sebagai ajaran Buddhisme. Selanjutnya teras kepercayaan wujud tuhan dalam Buddhisme ini dikaitkan pula dalam bentuk ateisme bagi aliran Hinayana, teisme dalam aliran Mahayana dan juga Hinayana dan dipraktikkan dalam sembahkan berbentuk politeisme.

Realitinya, ajaran Buddhisme hanya menegaskan aspek moral dan etika demi kelangsungan hidup setiap penganut Buddhisme agar terus teguh mempraktikkan *dharma*

Buddha agar terjamin daripada hukum karma, lingkaran *samsara* dan kelahiran kembali dan selanjutnya berjaya mencapai nirvana sebagaimana Buddha berjaya mengecapi nirvana.

Rajah 5.4



Sumber : hasil rumusan kajian.

5.2.3 Konsep Ketuhanan dalam Buddhisme Menurut Perspektif Islam.

Tuntasnya, Islam menegaskan akidah tauhid dan Allah adalah Maha Esa. Merujuk konsep ketuhanan dan sembah dalam ajaran Buddhisme adalah beragam bentuknya dan ia berteraskan kepada fahaman dan persepsi terhadap praktikal dan ritual masyarakat Buddhisme.

Seluruh falsafah Buddhisme lebih bersifat manusiawi dan tidak menyeluruh. Tidak wujud perbahasan mengenai alam metafizik. Hanya menekankan aspek etika dan moral semata. Berbeza dengan agama Islam yang universal sifatnya dan syumul.

Realitinya, setiap individu wajar mengakui bahawa mereka hanyalah hamba yang dicipta oleh tuhan. Perbuatan yang baik hanya bernilai apabila dilakukan secara ikhlas dan semata-mata kerana Allah untuk mendapat keredaanNya. Mengekang keinginan dan kehendak hati membawa nilai besar, namun hanya jika ia dilakukan untuk mendapatkan reda Allah. Allah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 217 :

217. Mereka bertanya kepadamu tentang berperang pada bulan Haram. Katakanlah: "Berperang dalam bulan itu adalah dosa besar; tetapi menghalangi (manusia) dari jalan Allah, kafir kepada Allah, (menghalangi masuk) Masjidilharam dan mengusir penduduknya dari sekitarnya, lebih besar (dosanya) di sisi Allah. Dan berbuat fitnah lebih besar (dosanya) daripada membunuh. Mereka tidak henti-hentinya memerangi kamu sampai mereka (dapat) mengembalikan kamu dari agamamu (kepada kekafiran), seandainya mereka sanggup. Barang siapa yang murtad di antara kamu dari agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.

142

merupakan anutan Buddhisme adalah kepercayaan yang tidak berpijak di bumi nyata. Bagaimana mungkin manusia mampu mengembalikan dirinya dalam bentuk kelahiran semula tanpa keyakinan terhadap wujud tuhan? Sebaliknya hanya berpegang teguh kepada amalan kebaikan berteraskan prinsip moral dan etika tetapi meyakini karma, *samsara* dan nirvana. Menafikan wujud tuhan tetapi tetap cenderung kepada pembalasan dan nirvana yang ternyata jauh berbeza daripada keyakinan Islam terhadap alam akhirat. Firman Allah dalam surah Yasin ayat 77 hingga 83 :

أَوَلَمْ يَرِ الْأُنثَىٰ ظُفْرًا فَإِذَا مَوْجٌ خَصِيٍّ ۖ ٧٧ وَنَسِيَ الْخُلُقَ الْإِنْسَانُ مَنِ الْخُلُقِ الْأَعْظَمُ وَمَا رَأَىٰ يَوْمَ الْآخِرِ إِلَّا إِلَهُهُمُ الَّذِي ظَنَرُوا أَنَّهُمْ هَانُوا ۚ ٧٨ أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا خَلَقْنَاهُم مِّنْ طِينٍ ۖ ثُمَّ نَسَوْنَ إِلَىٰ الْوَعْدِ وَرَوْنَاصِلَ الْأُنثَىٰ ۚ ٧٩ الَّذِي جَعَلَهُ مِنْ نَّارِ الْجَحِيمِ ۚ ٨٠ أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا جَعَلْنَا نُفُورًا مِّنَ الْمَاءِ نَجْلًا ۖ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً ۚ ٨١ أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا جَعَلْنَا نُفُورًا مِّنَ الْمَاءِ نَجْلًا ۖ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً ۚ ٨٢ أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا جَعَلْنَا نُفُورًا مِّنَ الْمَاءِ نَجْلًا ۖ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً ۚ ٨٣

77. Tidakkah manusia itu melihat dan mengetahui, bahawa Kami telah menciptakan dia dari (setitis) air benih? Dalam pada itu (setelah Kami sempurnakan kejadiannya dan tenaga kekuatannya) maka dengan tidak semena-mena menjadilah dia seorang pembantah yang terang jelas bantahannya (mengenai kekuasaan Kami menghidupkan semula orang-orang yang mati), 78. Serta dia mengemukakan satu misal perbandingan kepada Kami (tentang kekuasaan itu) dan dia pula lupakan keadaan Kami menciptakannya sambil dia bertanya: Siapakah yang dapat menghidupkan tulang-tulang yang telah hancur seperti debu? 79. Katakanlah: Tulang-tulang yang hancur itu akan dihidupkan oleh Tuhan yang telah menciptakannya pada awal mula wujudnya dan Dia Maha Mengetahui akan segala keadaan makhluk-makhluk (yang diciptakanNya); 80. Tuhan yang telah menjadikan api (boleh didapati) dari pohon-pohon yang hijau basah untuk kegunaan kamu, maka kamu pun selalu menyalakan api dari pohon-pohon itu. 81. Tidakkah diakui dan tidakkah dipercayai bahawa Tuhan yang telah menciptakan langit dan bumi (yang demikian besarnya) berkuasa menciptakan semula manusia sebagaimana Dia menciptakan mereka dahulu? Ya! Diakui dan dipercayai berkuasa! Dan Dialah Pencipta yang tidak ada bandinganNya, lagi Yang Maha Mengetahui. 82. Sesungguhnya keadaan kekuasaanNya apabila Dia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah Dia berfirman kepada (hakikat) benda itu: Jadilah engkau!. Maka ia terus menjadi 83. Oleh itu akuilah kesucian Allah (dengan mengucap: Subhaanallah!) Tuhan yang memiliki dan menguasai tiap-tiap sesuatu dan kepadaNya kamu semua dikembalikan.


فَلَمْ تَلْ مُوقَاتًا فَمَيَّ كُلُّ قَسْبَةٍ فَسَبَّكَ وَجَعَلُوا هَشْرُكَ آعَقَ السَّمَّ وَمَا أَلْبَنَ قَبْ مَا يَلْقَى قِيَّ أَرْضَ أَبْظَهْرَ مِنْ الْقِيَّ وَلَيْبَلْ قِيَّ
لِلَّذِينَ خَفَرُوا مَأْرُومًا وَصُدُوا عَنِ السَّبِيلِ وَمَنْ يُلْ أَلْ أَهْمَ أَلْ هُمْلُ هَادٍ ٣٣

Firman Allah dalam surah al-Anbiya' 22 :

لَوْ كُنَّا نَقِي هَمًّا عَلَاهُ ۖ أَفَلَا تَنفَسُ نَفْسًا حَنَّ اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ ۚ ۲۲

Jelas bahawa alam akan binasa kerana kewujudan ramai tuhan. Hujah daripada ayat 91 surah al-Mu'minin menegaskan bahawa sekiranya wujud tuhan yang lain, sudah pasti tuhan itu akan menguasai dan menguruskan segala ciptaanNya dan berusaha mengatasi tuhan yang lain dan pasti berlaku kebinasaan.

Rajah 5.5



Sumber : hasil rumusan kajian.

5.3 Cadangan dan Saranan

Pengkaji melihat kaitan kajian ini terhadap kepentingan dakwah dan berdakwah.

5.3.1 *Da'i*

Dakwah merupakan satu aspek penting dalam memperkukuhkan jati diri dan kualiti umat Islam bahkan menambah kuantiti umat Islam. Bagi peringkat individu, secara umum perlu memperkukuhkan akidah dalam usaha meningkatkan kualiti kepercayaan tuhan dalam diri yang merupakan asas penting dalam rukun iman. Kekuatan tersebut seterusnya dapat menempis segala fitnah dan hasutan. Akidah yang sahih dapat menyelesaikan masalah dalaman seseorang dan menjadi pemangkin dalam mempergiatkan usaha memakmurkan alam.

Badan-badan dakwah perlu memainkan peranan dalam usaha menarik masyarakat khususnya masyarakat Buddha. Polemik berkaitan konsep ketuhanan yang wujud dalam kepercayaan masyarakat Buddha merupakan peluang keemasan bagi para pendakwah memperjelaskan konsep ketuhanan yang sebenar. Fitrah manusia sememangnya cenderung

memperakui wujudnya kuasa mutlak yang hebat. Perihal ini merupakan teras dalam dakwah terhadap masyarakat Buddhisme.

5.3.2 *Mad'u*

Mad'u adalah rukun kedua yang perlu dititikberatkan. Golongan *mad'u* yang terdiri dari umat Islam, non-Muslim khususnya masyarakat Buddha perlu didekati dan diberikan penjelasan murni berhubung konsep wujud tuhan dan sembah. Permasalahan masyarakat Buddha dalam konsep wujud tuhan perlu diselesaikan dengan bijak dan berhikmah.

5.3.3 *Maudhu' al-Da'wah*

Selain itu, rukun dakwah ketiga adalah *maudhu' al-da'wah* wajar diperkukuhkan dan dipermudahkan untuk kefahaman masyarakat. Kepercayaan Islam dalam aspek akidah wajar menjadi *syllabus* yang mudah difahami di peringkat awam dan khususnya kepada masyarakat non-Muslim seperti masyarakat Buddha. Kefahaman yang mudah dan berkesan akan menarik minat *mad'u*. Penjelasan berhubung akidah Islam yang fleksibel dengan penerimaan masyarakat adalah kunci kepada terkesannya suntikan dakwah.

5.3.4 Pengkaji

Kajian ini tidak merencami kefahaman masyarakat Buddha secara menyeluruh berhubung konsep ketuhanan dan wujud tuhan. Kajian hanya tertumpu kepada sumber rujukan Buddhisme sama ada dalam bentuk kajian terdahulu, penulisan dan pandangan pakar Buddhisme terpilih. Justeru, kajian berhubung persepsi masyarakat penganut Buddhisme berhubung topik yang sama adalah perlu untuk mengetahui sisi pandang masyarakat Buddhisme.

5.4 Penutup

Pengkaji mengupas dan menghuraikan hasil data dari dapatan kajian, rumusan dan cadangan kajian dengan rinci berdasarkan interpretasi analisis data secara holistik. Kajian ini berharap dapat memberi manfaat kepada pembaca dan untuk pengkaji lain diharapkan dapat membuka ruang untuk meneruskan kajian berkaitan.

Pengkaji melihat bahawa kajian ini penting dalam memberikan penekanan skop dakwah Muslim terhadap masyarakat Buddha khususnya di Malaysia. Kelompangan kefahaman yang kukuh dalam minda masyarakat Buddhisme memberi peluang untuk kita mengambil inisiatif dalam mendekati golongan ini dengan memberikan penyelesaian yang *wasati* dengan rujukan sumber ilmu *naqli* dan *aqli* dalam kehidupan alami berasaskan rasional dan ilmiah berteraskan ilmu Islam yang membawa jawapan akademik dan realistik. Ia turut dapat memberi suntikan kepada kelompangan dalam benak fikiran masyarakat yang mencari kebenaran.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim

Al-Hadith

Buku

A. K. Warder, *Indian Buddhisme* (Delhi : Motilal Banarsidass, 2000).

Abd. Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia Sejarah dan Aliran* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998).

Abdul Ghani Yahya dan Umar Yusuf, *Risalah al-Tawhid* (Fatani : Matba'ah Bin Halabi, t.t).

Abdul Karim al-Jiliy, *al-Kamalat al-Ilahiyyah fi al-Sifat al-Muhammadiyah* (t.t.p : Alam al-Fikr, t.t).

Abdullah al-Hajazi al-Sharqawi, *Hashiyah Sharqawi 'ala al-Hudhudi* (Bangkok : Maktabah al-Nahdi wa Auladih, t.t).

Abdullah Muhammad Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (Kuala Lumpur : Dar al-Fikr, 1968).

Abdurrahma, *Agama Buddha dan Agama-agama Dunia* (Jogjakarta : IAIN Suna Kalijaga Press, 1988).

Abu Abdullah Muhammad, *Tafsir al-Qurtubi* (Beirut : Dar al-Kutub al-'Alamiyah, 1971).

Adjiddan Noor, *Budhisme* (Banjarmasin : FU, 1984).

Agus Hakim, *Perbandingan Agama* (Bandung : CV Diponegoro, 1985).

Ahmad Bin Muhammad Zayn Bin Mustafa al-Fatani, *Faridah al-Faraid Fi 'Ilm al-Aqaid* (Thailand : Matba'ah Bin Halabi, t.t).

- Ahmad Iqram, *Kau sembah Siapa? Berdialog Dengan Non-Muslim*, (Selangor : Open Bridge Publications, 2016).
- Ahmad Mahdzan Ayob, *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983).
- Al-Hindi, ‘Ala’ al-Din Muttaqi bin Hisam al-Din, *Kanz al-Ummal ‘fi Sunan al-Af’al wa al-Aqwal* (Beirut : Muassasah al-Risalah, t.t)
- Andi Achmad, *Misteri Muhammad* (Jakarta : Mirqat Tebar Ilmu, 2008).
- Ann Wan Seng, *Perayaan Orang Cina* (Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti, 1994).
- Beckford, James A., *The Trumpet of Prophecy : A Sociological Study of Jehovah’s Witnesses* (Oxford : Basil Blackwell, 1975).
- Bhikku Bodhi, *Buddha dan Pesannya*, terj.Wahid Winoto (Jakarta : Penerbit Dian Dharma, 2006).
- Blancard Wendell, *Thailand* (t.t.p : New Haven Hraf Press, 1970)
- Burhanuddin al-Laqqani, *Tuhfah al-Murid* (Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, (1971).
- Daud Bin Abdullah al-Fatani, *Al-Dur al-Thamin* (Thailand : Matba‘ah Bin Halabi, t.t).
- Daud bin Abdullah al-Fatani, *al-Durr al-Thamin (Permata Yang Indah)* (Selangor : Batu Caves, 2005).
- Ghazal Darusalam, *Tamadun Islam dan Tamadun Asia* (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors San. Bhd., 2001).
- Hamid Abdul Qadir, *Budza al-Akbar : Hayatuh wa Falsafatuh* (Mesir : Dar nahdhah, 1986).
- Hamka, *Tafsir al-Azhar* (Jakarta :Penerbit PT Pustaka Panjimas, 1982).
- Hamka, *Tafsir al-Azhar* (Singapura: Pustaka Nasional, 2005).

- Hyes, Richard P., *Principled Atheism in The Buddhist Scholastic Tradition* (Journal of Indian Philosophy, 1991)
- Ian Harris, *The Complete Illustrated Encyclopedia of Buddhisme* (UAE : Hermes House, 2011).
- Ibn Kathir, *Qashas al-Anbiya'* (Damsyik : Dar al-Faiha', t.t).
- Ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir* (Beirut : Dar al-Kutub al-'Alamiyah, 1971).
- Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab* (Beirut : Dar al-Kutub al-'Alamiyah, 1971).
- Ibrahim bin Mohamad, *Allah : Syariat dan Hakikat "suatu penghuraian"* (Selangor : Sunan Publishing, 1966).
- Ibrahim bin Muhammad al-Baijuri, *Tuhfat al-Murid Syarh Jauharah al-Tauhid* (Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 2013).
- Ikatan Penuntut Ilmu Islam Pulau Pinang, *Muqaddimah idhah al-Dalil & Syarah Matan Jawharah al-Tauhid* (Pulau Pinang : Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, 2015).
- Imam Barnadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan* (Yogjakarta : Yayasan FIK-IKIP, 1982).
- Ismail bin Abd Allah al-Khalidi al-Mujaddidi, *al-Muqaddimat al-Kubra* (Kaherah : al-Maktabah al-Misriyyah).
- J. Supranto, *Teori dan Aplikasi* (Jakarta : Penerbit Erlangga, 1986).
- John. H. Hick, *Philosophy of Religion* (Engledwood Cliffs, NJ : Prentice Hall, 1990), Ed. 4.
- K. Sri Dhammananda, *How to Practice Buddhism* (Kuala Lumpur : Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society, 2000).
- Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-86 yang bersidang pada 21 – 23 April 2009.
- Koentjaraningrat, *Metode-metode Penelitian Masyarakat* (Jakarta : PT Gramedia, 1977).
- Li Hongzhi, *Zhuan Falun Turning the Law Wheel* (Taiwan : Yih Chyun Book Corp, 2003).

- Majlis Agama Islam Selangor, *Gejala Agnosnik Satu Ancaman Akidah* (Selangor : Majlis Agama Islam Selangor, 2015).
- Mel Thomson, *Understand The Philosophy of Religion* (UK : Teach Yourself, 2010).
- Mohammad Arifin Ismail, Khalif Muammar, *Isu Kalimah Allah* (Kuala Lumpur : Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2013).
- Mohd Hamidi, Mohd Fauzi, *Af'al Allah menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2015).
- Mohd Syafie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan* (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991), Ed. 2.
- Muhammad al-Najdi, *Mukhtashar Sirah al-Rasul* (t.t.p : Maktabah al-Rushd, t.t).
- Muhammad al-Syahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, terj. Asywadie Syukur (Bandung : PT Bina Ilmu, t.t).
- Muhammad bin Jarir al-Tabari, *Tafsir al-Tabari* (Kaherah : Markaz Buhus wa al-Dirasat al-'Arabiyyah wa al-Islamiyyah, 2001).
- Muhammad Fuad Abdul al-Baqi, *Mu'jam Mufahras li Alfaz al-Quran* (Kaherah : Dar al-Hadith).
- Muhammad Ibn Hisyam, *Sirah Nabawiyyah Ibn Hisyam*, terj, (Selangor : al-Hidayah Publication, 2009).
- Muhyiddin Abd al-Somad, *Aqidah Ahlussunnah Wal Jama'ah Terjemah dan Syarh Aqidah al-Awam* (Jakarta : Khalista Surabaya, 2009).
- Narada, *The Buddha and His Teaching* (Kuala Lumpur : Buddhist Missionary Society Malaysia, 1988).
- Noresah Baharom, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), Ed. 4.
- Paul Carus, *Gospel of Buddha* (London :The Open Court Publishing, 1915).

- R. K. Sharma, *Indian Society, Institutions and Change* (India : Atlantic Publishers and Distributions, 1999).
- Raghib Isfahani, *Mu'jam Alfaz al-Quran* (Beirut : Majma' Lughat al-Arabiyyah, t.t).
- Ridwan, Kafrawi, *Ensiklopedia Islam* (Jakarta : Ichtiar Baru van Hoeve, 1993). cet. 1.
- Sa'id Ali al- Qahthani, *Syarah Asma' al-Husna wa Sifat Allah 'Azza wa Jalla*, terj. Abu Fatimah (Jakarta : Pustaka Imam Syafi'i, 2005).
- Shamsul Amri, Modul Hubungan Etnik (Bangi : Institut Kajian Etnik, UKM, 2012), Ed. 2.
- Shauqi Dhaif, *Mu'jam al-Wasit* (Kaherah : Maktabah al-Syuruq al-Duwaliyyah, 2004).
- Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori dan Praktisc* (Serdang : UPM, 2000).
- Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan* (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors, 2005).
- Swinburne, R.G., "God", di Honderich, Ted, *The Oxford Companion to Philosophy* (Oxford: Oxford University Press, 1995).
- Syed Arabi Adid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992).
- Syed M. Naquib al-Attas, *Tinjauan ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam* (Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2007).
- T. W. Rhys Davids, *Sacred Books of the East* (London : Oxford University Press, 1980), jil. 35.
- T. W. Rhys Davids, *Sacred Books of the East* (London : Oxford University Press, 1980), jil. 11.
- Taha Abu Dahm, *Mu'jam al-Islami* (Kaherah : Dar al-Syuruq, 1968).
- U. Maman Kh., *Metodologi Penelitian Agama Teori dan Praktik* (Jakarta : PT RajaGrafindo Persada, 2005).

Vincent J. Cornell, *Encyclopedia of Religion* (New York : Macmillan Reference of Thompson, 2005).

Wahbah Zuhaili, *al-Bida' al-Munkarah* (Damsyik : Dar al-Maktabi, 1999).

Walpola Rahula, *What the Buddha Taught* (New York : Grove Press, 1974).

Wan Ali Abd al-Rahman Kutan al-Kelantani, *Zahrat al-Murid fi Aqa'id al-Tawhid* (Kota Bharu : Percetakan Ahmadiyah).

Yusuf al-Qaradawi, *Kesederhanaan dalam Islam*, terj. Rosli Mokhtar (Selangor : Casa Publication, 2011)

Yusuf al-Qaradawi, *Pengertian Tauhid*, terj. Abdul Majid Abdullah (Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 2014).

Zakir Naik, *Concept of God in Major Religions* (t.t.p : Darussalam, 2007).

Zaynal Abidin Bin Muhammad al-Fatani, *'Aqidah al-Najin Fi 'Ilm Usu al-Din* (Pulau Pinang : Percetakan al-Ma'arif Sdn. Bhd, t.t).

Ahmad Abdullah al-Masdoosi, *Living Religions of the World: A Socio Political Study*, terj. Zafar Ishaq Anshari (Karachi : Begum Aisha Bawany wakf, 1962)

Tesis dan Disertasi

Ali, S., Shahrman, S. (2012) *Pemikiran al-Juwayni Tentang Ketuhanan : Terjemahan dan Analisis Bahagian al-Ilahiyyat, Kitab Luma' al-Adillah*. Disertasi (MA) Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Hazlin Khadir @ Shahr (2005) *Pengaruh Falsafah Buddhisme Zen terhadap adat minum the (Chanoyu) dalam Peradaban Jepun*, Disertasi (MA) Sarjana Pengajian Peradaban, Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaya.

- Ley Fey Ching (2013) *Sejarah Perkembangan Tokong Guanyin Klang dan Komuniti Cina Tempatan*, Disertasi (MA) Sarjana, Jabatan Pengajian Tionghoa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Mohd Fakhrudin Bin Abdul Mukti, *Shaykh Dawud al- Fatani and Kalam*, Thesis (Ph.D), Universiti Birmingham.
- Norazlinda Bt Zakaria (2006) *Pengaruh agama Buddha ke atas Masyarakat Islam di Semarak, Kelantan*, Disertasi (MA) Sarjana Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nurhanisah, Senin (2016) *Concept of God in the discourses of Al-Ghazālī (d. 1111) and Maimonides (d. 1204)*, Thesis (PhD), Universiti Malaya.
- Rogayah Ester (1999) *Ajaran dan Kepercayaan Agama Buddha : Satu kajian Khusus terhadap Masyarakat Siam di Kelantan*, Disertasi (MA) Sarjana Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Shirley Yee Meng Sam (1992) *Thai Buddhist Cosmology and It's Influence in Singapore*, Disertasi (MA) Sarjana Sains Sosial, Universiti Kebangsaan Singapura.

Artikel dan Jurnal

- Abdul Hayei, *Syeikh Mursyid di antara Penghormatan dan Pendewaan*, kertas kerja yang dikemukakan dalam perbincangan Panel Akidah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Kota Bharu (9hb Ogos 2014).
- Alexander Wynne, *How Old is The Suttapitaka?* (The Relative Value of Textual and epigraphical sources for the study of early Indian Buddhisme, St John's College, 2003).

- Faizuri Abd. Latif, Syed Muhammad Hilmi Syed Abd. Rahman, *Kefahaman Ilahiyyat dalam Meningkatkan Profesional menurut Syeikh Zainal Abidin al-Fatani*, Jurnal Usuluddin bil. 28 2008.
- Fakhrudin Abd. Mukhti, *Isu Ketuhanan dalam Bicara Falsafah*, Jurnal Usuluddin 09.1999.
- Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, *Laporan Statistik Saudara Baru JAWI* (Kuala Lumpur : Unit Saudara Barau Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dari Tahun 2004 Hingga 2009).
- Mohd Fakhrudin, *Isu Ketuhanan dalam Bicara Falsafah*, Jurnal Usuluddin 09.1999.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah, *Asas-Asas Ajaran Buddha Sebagai Perbandingan Agama*, Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Krisis Murtad, anjuran Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor (PUMCS), Persatuan Pegawai Syariah Malaysia (PPSM) dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 30 Mei 2009, bertempat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
- Norakmal Azraf & Indriaty, *Asas Penciptaan Alam Semesta agama Hindu dan agama Buddha : Kajian Perbandingan*, Proceeding Konferen dalam Kajian Sains Sosial, ICSSR 2013, 4-5 Jun 2013, Penang, Malaysia.
- S.B Chandrasekar, M. bhanumathy, A. T. Pawar dan T. Somasundaram, *Phytopharmacy of Ficus religiosa*, Pharmacognosy Review, 2010 Jul-Dec.
- Saeidah Allahyari, Abbas Delazar dan Moslem Najafi, *Evaluatoin of General Toxicity, Anti-Oxidant Activity and Effect of Ficus Carica Leaves Extract on Ischemia/Reperfusion Injuries in Isolated Heart of Rat*, Advanced Pharmaceutical Buletin, 2014 Dec.
- Wan Haslan Khairuddin & Indriaty Ismail, *Kalimah Allah Menurut Perbahasan Linguistik dan Teologi*, Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik, UKM, Bangi, 2014.

Wan Suhaimi Wan Abdullah, *Ulasan Makalah “Konsep Perbuatan Allah (Af’al Allah) Dalam Pemikiran Islam, Pengaruh dan Kesannya kepada Pemikiran Umat Islam di Malaysia”*, Jurnal Pengajian Melayu : Universiti Malaya, 2006.

Zaini, Fadilah, *Ketuhanan dan Manusia dalam Pembentukan Peradaban Manusia menurut Perspektif Islam*, Jurnal Kemanusiaan, UTM, 2004.

Laman Sesawang

Abdullah M. Zin, *Nilai Wasatiyyah dalam Akidah*, , 17hb Nov. 2017, BH Online, dicapai pada 27hb Disember 2017. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2017/11/351731/nilai-wasatiyyah-dalam-akidah>

C.T. Shen, *Ajaran Asasi Buddhisme*, 1hb November 1978, Dicapai pada 29 Oktober 2017, <http://dhamma-bm.tripod.com/buku/AjaranAB.htm>

Dharma, The Concise Oxford Dictionary of World Religions, 1997. *Encyclopedica.com*, dicapai pada 16 Ogos 2016. <http://www.encyclopedia.com/doc/1O101-Dharma1.html>

Jean Christou, Cyprus Mail, *Buddhist temple opens in Nicosia*, dicapai pada 7hb November 2017. <http://www.buddhistchannel.tv/index.php?id=3,1441,0,0,1,0#.WgFY5SB97cs>

Zainun Kamal, *Penganut Buddha dan Hindu adalah Ahlul Kitab*, laman sesawang islamlib, dicapai 22 Oktober 2017. <http://islamlib.com/agama/minoritas/zainun-kamal-penganut-budha-dan-hindu-adalah-ahlul-kitab/>

Temubual

Cik Loh Pai Ling (Presiden Buddhist Missionary Society Malaysia (BMSM)), temubual pada 25hb Ogos 2017.

Cik Xian Kai (Ketua Pentadbir Malaysia Buddhist Institute (MBI), Pulau Pinang), temubual pada 21hb Ogos 2017.

Encik Zong Ping (Timbalan Presiden Young Buddhist Association of Malaysia (YBAM), Kelana Jaya), temubual pada 22hb Ogos 2017.

Universiti Malaysia